

**PERAYAAN *TAMILAR THIRUNAAL* (*TAMILS FESTIVAL*) DI MALAYSIA:  
MEMPERKUKUHKAN WARISAN SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT INDIA  
DAN PERPADUAN INTER-ETNIK**

**THILAGAVATHI VASUDEVAN**

**BAHAGIAN SEJARAH  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2006**

**(Geran Projek Penyelidikan Jangka Pendek USM, 1 April 2003 sehingga  
31 Mac 2005, dilanjutkan sehingga 30 Mei 2006)**

## PENGHARGAAN

Kepada *Tuhan Yang Maha Esa* penulis bersyukur kerana dengan izin dan restunya penulis dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna walaupun menghadapi berbagai kesukaran.

Dalam usaha untuk menyiapkan penyelidikan ini penulis banyak terhutang budi kepada beberapa pihak khususnya dari segi sumbangan dan kerjasama yang mereka berikan. Dengan penuh takzim penulis mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak tersebut.

Pertama sekali, penulis dengan ikhlas ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasihnya kepada Universiti Sains Malaysia kerana menawarkan *Geran Projek Penyelidikan Jangka Pendek USM* untuk tempoh dua tahun iaitu bermula dari 1 April 2003 sehingga 31 Mac 2005 dan kemudiannya dilanjutkan sehingga 30 Mei 2006. Penulis amat terhutang budi kepada USM atas tajaan Geran ini kerana tanpa tajaan ini, adalah mustahil untuk penulis menamatkan kajian bertajuk "*Perayaan Tamilar Thirunaal (Tamils Festival) di Malaysia: Memperkukuhkan Warisan Sosio-Budaya India dan Perpaduan Inter-Etnik*" di bawah akaun nombor 304/PHUMANITI/634135. Penulis juga amat terhutang budi atas dorongan, kesabaran dan keyakinan yang diberikan oleh Puan Latifah Abdul Latif dan Puan Makwan Kechik binti Abu Bakar dan pegawai-pegawai lain dari Pejabat Pengurusan dan Kreativiti Penyelidikan (RCMO).

Kata ucapan terima kasih yang tulus dan ikhlas seterusnya penulis tujukan kepada Dekan PPIK iaitu Prof. Madya Dr. Norizan Md. Nor, bekas Timbalan Dekan R & D iaitu Prof. Madya Dr. Hassan Naziri Khalid dan Timbalan Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan pada masa kini iaitu Profesor Ambigapathy Pandian serta bekas Dekan PPIK, Profesor Morshidi Sirat yang sentiasa memberi bimbingan, cadangan dan rangsangan kepada penulis dalam usahanya sejak penulisan kertas cadangan sehinggalah penulisan kajian ini menerusi pelbagai cara antaranya perjumpaan, taklimat dan kursus.

Penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Bahagian Sejarah dan terutamanya Dr. Nik Haslinda Nik Hussain ke atas bantuan dan dorongan yang sentiasa diberikan kepada saya. Ucapan penghargaan turut dirakamkan kepada staf-staf Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan terutamanya En. Dzorkarnain Ibrahim atas kerjasama dan bimbingan yang diberikan.

Penulis turut merakamkan ribuan terima kasih kepada puluhan individu dan institusi yang telah membantu penulis dalam penyelidikan ini. En. Ma.Se. Mayadevan (Taiping), En. M. Thangasamy (Melaka), En. S. Thangiah, En. M. Ramaiah (Tangkak, Johor), Y.Bhg. Dato' K. Kumaran, En. M. Dhurairaj dan En. K. Devindren dari Kuala Lumpur, En. Mathialagan dan En. K. Kaliaperumal dari Ipoh, Pn. Zarina Abdullah dan En. Muniandy (Pulau Pinang) yang telah memberi kerjasama dan membekalkan sumber

maklumat, dokumen-dokumen seperti fail, minit mesyuarat, risalah, buku cenderamata dan surat-surat berkenaan *Tamilar Thirunaal* untuk melengkapkan kajian ini. Institusi-institusi yang telah membantu penulis dalam mengumpulkan maklumat dari akhbar *Tamil Murasu*, *Tamil Nesan* dan *Malaysian Nanban* serta *Makkal Osai* adalah Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ucapan jutaan terima kasih dirakamkan ikhlas bagi suami Gunalan dan anak tersayang Thanessvaran dan semua ahli keluarga yang telah banyak berkorban untuk penyelidikan saya. Beliau telah banyak membantu dalam penyelidikan ini. Kedua-dua anak dan suami telah mengikuti saya beberapa kali ke kawasan kajian. Di samping itu, suami turut memberi idea dan nasihat serta dorongan yang berterusan memastikan saya melengkapkan kajian ini walaupun menghadapi pelbagai masalah.

Akhir sekali penulis ingin merakamkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat yang tidak dapat disebutkan di atas yang telah memberi bantuan kepada penulis untuk menyiapkan penyelidikan ini. Semoga Tuhan merahmati semua yang menawarkan bantuan ikhlas kepada penulis.

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejarah dan perkembangan serta pencapaian sebuah perayaan unik dikenali sebagai *Tamilar Thirunaal (Tamils Festival)*. Perayaan ini adalah satu-satunya perayaan sekular dan diraikan secara besar-besaran oleh masyarakat India di negara ini. Sejak *Tamilar Thirunaal* diperkenalkan di Malaysia sejak 1952, ia telah menyumbangkan kepada perpaduan masyarakat India dan pada masa yang sama memelihara dan memperkukuhkan warisan budaya India. *Tamilar Thirunaal* juga telah memberi sumbangan besar kepada pendidikan Tamil, dalam pembentukan identiti kebudayaan dan etnik serta merapatkan lagi hubungan antara pelbagai etnik India di tanahair. Pemimpin-pemimpin berkarisma seperti G. Sarangapany, Ma. Se. Mayadevan, M. Thangasamy, S. Thangiah dan N. Varatharasan adalah antara insan luarbiasa yang memperjuangkan dengan semangat berkobar-kobar akan falsafah *Tamilar Thirunaal* dan amat bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mereka. *Tamilar Thirunaal* menerusi pemimpin-pemimpin ini telah menyedarkan dan memperkukuhkan lagi semangat masyarakat India dalam memelihara dan memperkembangkan warisan bahasa, budaya dan bangsa. Walaupun pada penghujung tahun 1950-an *Tamilar Thirunaal* mendapat gangguan dari Persatuan Dravida SeMalaya (PDS) tetapi *Tamilar Thirunaal* membuktikan kepada kita bahawa kesemua cabaran dan dugaan dari PDS dapat diatasi dengan baik. Selepas mencapai ulang tahun ke-55, *Tamilar Thirunaal* kini berdiri dengan lebih megah kerana pencapaian-pencapaiannya dan pada tahun 2004 Ketua Menteri Pulau Pinang mengiktiraf perayaan ini sebagai satu acara budaya yang utama Kerajaan Negeri. Sesungguhnya *Tamilar Thirunaal* adalah satu perayaan budaya yang paling unik di negara ini.

## SYNOPSIS

The only secular and spectacular festival celebrated by the Indians in Malaysia is *Tamils Festival (Tamilar Thirunaal)*. The *Tamils Festival* held in Malaysia since 1952 has contributed greatly in building the solidarity of Indians in Malaysia and in uplifting and preserving the Tamil language and Indian cultural heritage. The *Tamils Festival* also has contributed to the development of Tamil vernacular education, enhancing ethnic and cultural identity and reaffirming communal bonds among the various Indian ethnic groups in Malaysia. Charismatic leaders such as G. Sarangapany, Ma. Se. Mayadevan, M. Thanggasamy, S. Thanggiah dan N. Varatharasan, who had steadfastly held to the philosophy of *Tamils Festival* in fulfilling their responsibilities towards the Indian community. These leaders has reawakened and strengthened the cultural and ethnic consciousness among the Indians in Malaysia. However, in the late 1950's the *Tamils Festival* receives the thoughtless resistance from the Pan-Malayan Dravidian Association (PMDA) until to the late 1980's. PMDA became the sole institution opposing the Festival's existence and created much confusion. The *Tamils Festival* has survived the ordeal from PMDA for nearly three decades. And after 55 years of difficulty, the *Tamils Festivals* have survived and remains to be the most spectacular Indian celebrations in Malaysia. Recently the Chief Minister of Penang Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon has recognized *Tamils Festival* as one of the State's main cultural program. This is indeed the greatest achievement for the most unique festival in Malaysia.

## KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Penghargaan	i
Sinopsis	iii-iv
Kandungan	v
Pengenalan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Lampiran	xi
<b>Bab 1: Latarbelakang Kedatangan Masyarakat India dan Masalah-Masalah Sosioekonomi yang Dihadapi</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Kedatangan Masyarakat India ke Tanah Melayu	1
1.2 Keadaan Sosioekonomi Masyarakat India di Tanah Melayu Sebelum 1950-an	5
1.2.1 Ketiadaan Perpaduan Dalam Masyarakat India	6
1.2.2 Upah	10
1.2.3 Perumahan	15
1.2.4 Kemudahan Asas: Air, Elektrik dan Pembentungan	18
1.2.5 Ketiadaan Persatuan-Persatuan Sosioekonomi Dalam Menjaga Kebajikan Masyarakat Ladang	19
1.3 Tokoh Reformis G. Sarangapany Membela Kebajikan Masyarakat Perladangan	22
1.4 Rumusan	29
<b>Bab 2: Pengasasan dan Perkembangan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> Sehingga 2005</b>	
2.0 Pengenalan	30
2.1 Latarbelakang Pengasasan dan Matlamat <i>Tamilar Thirunaal</i>	31
2.2 Perkembangan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> di Malaysia	39
2.2.1 Perkembangan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> dari Tahun 1952 sehingga 1970	40
2.2.2 Perkembangan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> dari Tahun 1971 sehingga 1990	50
2.2.3 Perkembangan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> dari Tahun 1991 sehingga 2005	53
2.3 Rumusan	57

<b>Bab 3:</b>	<b>Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> dan Persatuan Dravida SeMalaya</b>	<b>58</b>
3.0	Pengenalan	
3.1	Pesta Ponggal dan Pendirian Persatuan Dravida SeMalaya	59
3.2	Perbezaan Pendapat dan Penentangan Terhadap Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i>	61
3.3	Kesan Penentangan Persatuan Dravida SeMalaya Terhadap Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i>	67
3.4	Rumusan	69
<b>Bab 4:</b>	<b>Program-Program Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> dan Kesannya Kepada Masyarakat India di Malaysia</b>	<b>70</b>
4.0	Pengenalan	70
4.1	Program-Program <i>Tamilar Thirunaal</i>	71
4.1.1	Program Pertandingan Sastera dan Bahasa	72
4.1.2	Program Pertandingan Drama, Nyanyian dan Tarian	74
4.1.3	Program Pertandingan Sukan	76
4.1.4	Program Pertandingan Seni	79
4.2	Kesan Perayaan <i>Tamilar Thirunaal</i> Kepada Masyarakat India	80
4.2.1	Mengwujudkan Perpaduan di Kalangan Masyarakat India	81
4.2.2	Memartabatkan Bahasa Tamil Sebagai Bahasa Pendidikan dan Perpaduan	84
4.2.3	Mengembangkan Kesusasteraan Tamil dan Menghasilkan Penulis-Penulis Baru	88
4.2.4	Menyemarakkan Perasaan Nasionalisma	89
4.3	Rumusan	
<b>Bab 5:</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>92</b>
<b>Bibliografi</b>		<b>98</b>
<b>Lampiran</b>		<b>104</b>

## Pengenalan

Pemerintahan British telah mengubah Tanah Melayu menjadi “*dollar arsenal*” kerana ianya merupakan tanah jajahan yang paling kaya memiliki pelbagai aset terutamanya timah dan getah. Dalam usaha mengeksploitasi khazanah bumi ini, British memerlukan tenaga buruh untuk pertanian komersial terutamanya getah. Ini telah membawa kepada kemasukan buruh India secara beramai-ramai pada tahun 1920an ke Tanah Melayu. Kebanyakan orang India di Tanah Melayu adalah terdiri dari buruh etnik Tamil yang telah ditempatkan di kawasan perladangan getah. Kehidupan sosial masyarakat buruh India adalah dikawal, ditentukan dan dipertanggungjawabkan oleh British dan pihak majikan estet, tidaklah seperti buruh Cina yang mempunyai kebebasan untuk berorganisasi dan tidak terkawal. Kehidupan masyarakat India sebagai buruh di kawasan perladangan mahupun di bandar memang dalam keadaan yang amat menyedihkan. Kekejaman pihak British terhadap buruh-buruh India kadang-kala digambarkan dengan pepatah “*sucked oranges*” (INSAN 1980). Masalah kemiskinan, peminuman todi, amalam kasta serta kemudahan infrastruktur yang kurang baik yang dihadapi oleh masyarakat India di kawasan perladangan telah memberi kesan kepada aspek-aspek lain seperti perayaan, kebudayaan dan kesenian.

Tambahan pula, dasar pecah dan perintah yang diamalkan oleh pihak British telah memperkukuhkan lagi perpecahan di kalangan masyarakat India yang terdiri dari Tamil, Telugu dan Malayali. Dalam keadaan ini, elit Tamil telah mengasingkan diri dari kelas menengah berpendidikan Inggeris yang kebanyakannya dari etnik Telugu dan Malayali.

Elit Tamil bergiat melalui badan-badan berasingan yang berlandaskan kepada bahasa dan budaya Tamil untuk membela nasib orang Tamil. Elit-elit Tamil terlibat dalam pelbagai aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan bawahan dan menganjurkan kempen perpaduan. Antara elit yang menyedari pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat India ialah G. Sarangapany seorang tokoh reformis yang bertekad untuk memandu komuniti India ke arah perpaduan, reformasi dan pembangunan. Beliau akhirnya merangka satu perayaan yang dikenali sebagai *Tamilar Thirunaal* untuk membantu masyarakat India dan menerusi program perayaan ini berharap membawa perubahan dan seterusnya kemajuan bagi masyarakat India.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk :

1. Meneroka genesis perayaan Tamilar Thirunaal dan sejarah perkembangannya di Malaysia sejak 1952 sehingga kini.
2. Membincangkan bagaimana Tamilar Thirunaal berpengaruh dalam membina perpaduan di kalangan masyarakat India dan memelihara serta memperkukuhkan warisan sosio-budaya masyarakat India.
3. Menganalisa hubungan antara perayaan Tamilar Thirunaal dengan perpaduan inter-etnik masyarakat India, pendidikan vernacular, identiti etnik serta kebudayaan masyarakat India.
4. Meninjau peranan tokoh-tokoh pelopor dan pengganti perayaan Tamilar Thirunaal yang terdiri dari wartawan, penulis dan budayawan.

## Kaedah Kajian

### a) Informan Utama

Memandangkan sebahagian daripada tempoh masa kajian sudah berlalu, maka kaedah informan utama akan digunakan oleh pengkaji sebagai alah satu sumber primer. Informan utama dapat menyumbangkan bantuan yang luas kepada pengkaji bagi mengumpul maklumat-maklumat yang relevan yang tidak dapat diperolehi melalui kaedah pemerhatian ikut serta. Kaedah ini amat penting untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu yang tidak wujud atau tidak diketahui umum ataupun sudah berubah. Antara informan yang dipilih adalah M. Thanggasamy, pelopor *Tamilar Thirunaal* Melaka, S. Thanggiah dan Dato' K. Kumaran (Kuala Lumpur), dan Ma. Se. Mayadevan (Taiping). Tokoh-tokoh ini adalah rakan seperjuangan G. Sarangapany dalam perayaan *Tamilar Thirunaal*. Pemilihan informan ini adalah berdasarkan penglibatan mereka secara langsung dalam proses pengasasan dan perkembangan *Tamilar Thirunaal* di negeri masing-masing.

### b) Penyelidikan Arkib

Sebahagian besar sumber sekunder terdiri daripada sumber pertama iaitu akhbar *Tamil Murasu* bermula dari tahun 1952 sehingga 1966. Manakala akhbar *Tamil Nesan* ditinjau dari tahun 1952 sehingga 1960, *Indian Daily Mail* dari 1952 hingga 1956, *Makkal Osai* dan *Malaysian Nanban* dari 2000-2005. Akhbar-akhbar ini penting dalam mengkaji perkembangan *Tamilar Thirunaal*.

Sumber pertama yang lain adalah laporan, minit mesyuarat, risalah dan buku cenderamata. Maklumat-maklumat penting diperolehi dari fail dan surat peribadi tokoh-tokoh *Tamilar Thirunaal*.

### c) Penyelidikan Perpustakaan

Penulis turut merujuk sumber kedua seperti buku, artikel, majalah untuk memperkukuhkan lagi hujah-hujah dalam kajian ini. Antara pusat sumber yang digunakan adalah Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

## Kajian Lepas

Kajian mengenai perayaan masyarakat India adalah lebih tertumpu kepada perayaan keagamaan seperti *Thaipusam*, *Thai Ponggal* dan *Deepavali*. Pengetahuan kita mengenai *Tamilar Thirunaal* adalah tidak lengkap kerana belum ada sebarang penulisan ilmiah berkenaan *Tamilar Thirunaal*. Setakat ini hanya ada sebuah penulisan popular berkenaan *Tamilar Thirunaal* yang bertajuk:

- i. K. Kaliaperumal, 1965, *Sejarah Tamilar Thirunaal*, 50 halaman.

Buku ini memberi keterangan yang ringkas berkenaan sejarah pengasasan dan matlamat *Tamilar Thirunaal*. Terdapat beberapa kajian umum yang menyentuh perayaan *Tamilar Thirunaal* secara serba ringkas. Antara kajian yang lebih bersifat umum adalah seperti berikut:

- i. S. Arasaratnam, 1966, *Indian Festivals in Malaya*, Department of Indian Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- ii. M. Rajantheran dan S. Manimaran, 1994, *Perayaan Orang India*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur.

Kedua-dua penulisan di atas hanya memberi maklumat yang ringkas berkenaan *Tamilar Thirunaal* lebih kurang dua atau tiga halaman sahaja. Namun begitu, perayaan ini berjaya mendapat perhatian sarjana terbilang dalam penulisan sejarah masyarakat India iaitu S. Arasaratnam. Tetapi agak menghairankan mengapa ianya tidak dikaji secara lebih mendalam oleh para sarjana India pada masa itu. Manakala kajian terkini yang menghuraikan tentang *Tamilar Thirunaal* adalah penulis pensyarah Universiti Malaya iaitu M. Rajantheran dan S. Manimaran. Akan tetapi kajian mereka juga tidak memberi tumpuan khas kepada perayaan *Tamilar Thirunaal* yang hanya dijadikan satu bab kecil dalam kajian mereka.

## Rumusan

Penulis berharap untuk menerbitkan hasil penyelidikan Geran Jangka Pendek ini untuk rujukan para pelajar universiti kursus HSM319 Seminar Sejarah Sosioekonomi Malaysia dan juga untuk bacaan umum.

**Senarai Jadual**

- Jadual 1.1 Pecahan Statistik Masyarakat India di Tanah Melayu Mengikut Kumpulan Etno-Lingusitik Antara Tahun 1921-1957
- Jadual 1.2 Upah Pekerja Ladang Getah Antara Tahun 1924-1938
- Jadual 1.3 Upah Buruh-Buruh Estet Berdasarkan Perjanjian Antara NUPW dan MPIEA Antara Tahun 1954-1965
- Jadual 2.1 Kawasan yang Meraikan Tamilar Thirunaal Pada Tahun 1955
- Rajah 4.1 Jawatankuasa Tamilar Thirunaal Muar, Johor pada tahun 1953
- Rajah 4.2 Jawatankuasa Tamilar Thirunaal Ipoh, Perak pada tahun 1997

**Senarai Lampiran**

- Lampiran 1 Gambarfoto G. Sarangapany
- Lampiran 2 Gambarfoto Tokoh-Tokoh Veteran *Tamilar Thirunaal*

## **Bab 1**

### **Latarbelakang Kedatangan Masyarakat India dan Masalah-Masalah Sosioekonomi yang Dihadapi**

#### **1.0 Pengenalan**

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan latarbelakang kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dan selanjutnya membincangkan masalah-masalah sosioekonomi yang dihadapi oleh masyarakat India dari tahap awal sehingga 1950-an. Bab ini akan membincangkan bagaimana pihak British telah mempergunakan masyarakat India dalam memenuhi kehendak sosioekonomi mereka sehingga mengabaikan kebajikan komuniti India. Kegagalan kerajaan untuk membela nasib masyarakat India telah membawa kepada kemunculan golongan elit seperti G. Sarangapany untuk memperjuangkan hak masyarakat India. Bab ini juga akan menyentuh latarbelakang riwayat hidup pengasas *Tamilar Thirunaal* dan bagaimana pergerakan *Self-Respect Movement* mempengaruhi proses pembentukan perayaan *Tamilar Thirunaal* ini.

#### **1.1 Kedatangan Masyarakat India ke Tanah Melayu**

Keperluan terhadap buruh-buruh India, khususnya buruh kasar yang murah sebenarnya merupakan kesan daripada perkembangan Revolusi Perindustrian yang berlaku di Eropah pada abad ke-19. Perkembangan kapitalisme perdagangan dan perindustrian inilah yang menyebabkan kuasa-kuasa Barat mula berebut untuk meluaskan tanah jajahan mereka di Timur. Dengan meluaskan tanah jajahan, kuasa Barat dapat memenuhi dua matlamat,

iaitu yang pertama dapat membolot bahan-bahan mentah bagi menghasilkan barangan pengeluaran perusahaannya. Kedua, koloni-koloni jajahan ini akan dijadikan sebagai sumber pasaran pengguna bagi barangan keluaran negara-negara Barat ini. Tambahan lagi, negara-negara kapitalis Barat ini memiliki modal yang besar tetapi menghadapi kekurangan dalam sumber tenaga. Justeru itu, para kapitalis ini memerlukan tanah jajahan bagi memenuhi permintaan bahan mentah dan memenuhi pasaran pengguna (Sandhu 1969:43-45). Maka para kapitalis perlu memastikan bekalan buruh yang murah dan mencukupi dalam memaksimumkan keuntungan mereka.

Apabila British memperluaskan pengaruhnya ke atas Tanah Melayu, British mula memperkenalkan tanaman-tanaman eksport bagi tujuan komersial seperti penanaman tebu pada sekitar tahun 1830-an, lada hitam dan kopi dalam tahun 1870-an. Keperluan tanah yang luas bagi penanaman tanaman tersebut tidak menjadi masalah kerana disebabkan tanah yang subur terbentang luas di Tanah Melayu. Bagi membersihkan hutan tebal dan mengusahakan ladang-ladang ini, pihak British memerlukan tenaga buruh yang mencukupi memandangkan tanaman eksport tersebut adalah berintensifkan buruh. Malah pihak British juga memerlukan lebih banyak buruh untuk kerja-kerja pembinaan rangkaian jalan raya dan jalan keretapi serta pembinaan limbungan kapal yang sempurna untuk mengangkut hasil tanaman ini dari kawasan perladangan ke pelabuhan-pelabuhan untuk diekspot (Ibid:50). Pihak British lebih mementingkan buruh yang murah dan tidak berkemahiran berbanding buruh mahir yang harus diutamakan. Walau bagaimanapun permintaan terhadap buruh murah tidaklah begitu tinggi sehinggalah penanaman getah diperkenalkan dalam tahun 1890-an. Perkembangan ekonomi yang pesat didorong oleh

sistem kapitalisme menyebabkan pengusaha-pengusaha ladang British terpaksa menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh yang tidak seiring dengan pertambahan keluasan kawasan penanaman getah. Keadaan ini menimbulkan permintaan terhadap buruh meningkat dengan pesat dan satu-satunya jalan keluar untuk mengatasi masalah ini adalah dengan membawa masuk buruh asing. Bagi penjajah British, pilihan utama adalah membawa masuk buruh-buruh India dari Tamil Nadu, salah satu tanah jajahan British yang sememangnya mempunyai bekalan sumber tenaga buruh yang ramai (Ibid:52).

Langkah pengambilan buruh-buruh India ini adalah kerana pengusaha estet British sukar untuk mengerahkan orang-orang tempatan, yakni orang Melayu bagi melakukan kerja-kerja pembersihan hutan dan penanaman pokok getah. Masyarakat Melayu pada masa itu lebih terikat dengan sistem ekonomi sara diri iaitu penanaman padi dan perkebunan. Tambahan pula, orang Melayu dikatakan lebih gemar bekerja mengikut waktu tertentu dengan menjalankan pelbagai tugas harian dan bukannya pengkhususan kerja seperti di estet-estet yang membosankan. Imigran Cina pula yang hadir ke Tanah Melayu dalam bilangan besar tetapi mereka lebih cenderung melibatkan diri dalam bidang perlombongan, perniagaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain di kawasan perbandaran. British juga tidak begitu gemar untuk mengupah buruh-buruh Cina yang dianggap lebih cenderung menimbulkan kekacauan di tempat pekerjaan (Parmer, N. J., 1960: 19).

Penggunaan buruh India dianggap paling sesuai terutama sekali buruh-buruh dari India Selatan. Pengambilan buruh India adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor

pertama ialah kedudukan India yang berhampiran dengan Tanah Melayu dan India pada masa itu di bawah penjajahan British. Dasar imperialisme British di India telah mengakibatkan kemiskinan di kalangan masyarakat bawahan seperti golongan petani yang bertambah buruk di kawasan Presidensi Madras di India Selatan. Keadaan ini menyebabkan penduduk tempatan sanggup menghadapi sebarang risiko dan cabaran untuk berhijrah ke negara lain. Apabila British mengamalkan dasar membawa masuk buruh Tamil ke Tanah Melayu, buruh Tamil sedia berhijrah. Buruh Tamil berharap agar mereka dapat menyara diri dan keluarganya sementara waktu dan kemudiannya balik ke negara asal (Stenson 1980:17).

Faktor kedua ialah pandangan orang British yang menganggap masyarakat Tamil sebagai masyarakat yang mudah mengikut perintah berbanding masyarakat Cina. Buruh-buruh Tamil ini pada perkiraan orang British adalah golongan manusia yang pasif, tidak memberontak dan mudah diurus serta tahan lasak. British memang tahu hakikat ini kerana merekalah yang memerintah India. British berpandangan bahawa buruh India amat sesuai bagi menjayakan dasar ekonomi pertanian di Tanah Melayu. Faktor ketiga pula ialah sebilangan besar kelas buruh Tamil dari India Selatan terdiri daripada golongan strata sosial bawahan atau dari keturunan rendah (Anbalakan:2001; Sandhu 1969:58-59). Faktor ini dimanfaatkan oleh British untuk mempergunakan orang Tamil sebagai buruh kuli di ladang-ladang getah di Tanah Melayu.

Ketiga-tiga faktor di atas telah mengakibatkan British membawa masuk buruh India melalui dasar sosio-ekonomi dan politik penjajah British. Penghijrahan masuk

orang Tamil merupakan satu proses yang disengajakan iaitu penghijrahan yang dirancang secara sistematik dan diarahkan oleh pihak kolonial British. Buruh-buruh India telah membuat penghijrahan dengan beberapa cara iaitu menerusi sistem kontrak, sistem Kangani dan secara sukarela. Kemuncak penghijrahan masuk secara besar-besaran berlaku apabila harga getah melambung tinggi selepas tahun 1905 dan berterusan sehingga 1930-an. Di samping itu, penghijrahan masuk secara sukarela juga turut berlaku seiring dengan penghijrahan masuk yang dirancang oleh pihak kolonial sehingga zaman sebelum kedatangan Jepun pada 1941 (Ibid:237).

## **1.2 Keadaan Sosio-ekonomi Masyarakat India di Tanah Melayu Sebelum 1950-an**

Buruh-buruh Tamil dari India Selatan yang berpindah ke Tanah Melayu telah ditempatkan di kawasan perladangan. Keadaan kehidupan sosial masyarakat India ini bukan sahaja ditentukan oleh kadar upah tetapi juga pelaksanaan enakmen undang-undang oleh kerajaan kolonial untuk menjaga kebajikan masyarakat buruh imigran. Kehidupan sosial masyarakat buruh India adalah dikawal, ditentukan dan dipertanggungjawabkan oleh pihak majikan estet tidaklah seperti buruh Cina yang mempunyai kebebasan untuk berorganisasi dan tidak terkawal.

Para buruh yang ditempatkan dalam estet pula dieksploitasi sepenuhnya sehingga Neelakandha Aiyer mengistilahkan mereka sebagai *sucked oranges* iaitu manusia yang dikerah dan diperah tenaganya tanpa belas kasihan (Neelakandha 1937:22). Kebajikan mereka tidak pernah mendapat perhatian yang sewajarnya dari kerajaan British baik di

Tanah Melayu mahupun di India. Kebajikan mereka menjadi agenda penting hanya apabila ada suruhanjaya-suruhanjaya khas yang dibentuk ataupun ada lawatan-lawatan Agen India dari Benua Kecil India.

Dasar-dasar British yang tidak adil dan layanan yang diberikan kepada masyarakat India telah mendesak kelas elit menengah India berfikir tentang kemajuan dan perpaduan masyarakat India. Terdapat beberapa isu yang difikirkan oleh golongan elit India:

### **1.2.1 Ketiadaan Perpaduan Dalam Masyarakat India**

Masyarakat India di Tanah Melayu terbahagi mengikut kelas, agama, kasta dan etnik yang tersendiri. Pada asasnya, masyarakat India terdiri dari tiga etnik besar iaitu Tamil, Telugu dan Malayalam dan diikuti oleh Tamil Ceylonese, Punjabi dan lain-lain. Perhubungan di antara pelbagai etnik India menampakkan satu jurang yang luas disebabkan oleh pemisahan bahasa, kasta, kelas, agama dan budaya. [Sila lihat Jadual 1.1 di bawah].

**Jadual 1.1 Pecahan Statistik Masyarakat India di Tanah Melayu Mengikut Kumpulan Etno-Linguistik Antara Tahun 1921-1957**

<b>Kumpulan Etno-Linguistik</b>	<b>1921</b>	<b>1931</b>	<b>1947</b>	<b>1957</b>
Tamil	187 509	514 778	460 985	634 681
Telugu	39 986	32 536	24 093	27670
Malayali	19190	34 898	44 339	72 971
Ceylonis	2 000	4 000	15 968	20 000
<b>Jumlah</b>	<b>446 685</b>	<b>586 212</b>	<b>545 385</b>	<b>755 322</b>
<b>Kumpulan India Utara</b>				
<b>Sikh</b>	9 307	18 149	10 132	TD
<b>Punjabi</b>	6 144	TD	20 460	TD
<b>Pathan</b>	804	TD	3 166	TD
<b>Bungali</b>	5 072	1 827	3 834	TD
<b>Gujarati</b>	403	TD	1 301	TD
<b>Maharata</b>	29	TD	556	TD
<b>Sindhi</b>	TD	TD	728	TD
<b>Rajput</b>	TD	TD	1 834	TD
<b>Parsi</b>	TD	TD	98	TD
<b>Jumlah</b>	<b>21 750</b>	<b>19 976</b>	<b>42 109</b>	<b>-</b>
<b>Lain-Lain</b>	<b>1 736</b>	<b>1 479</b>	<b>12 122</b>	<b>TD</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>470 180</b>	<b>621 847</b>	<b>599 616</b>	<b>820 270</b>

Sumber: Kernal Singh Sandhu, *Indians In Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlement (1786-1957)*, Cambridge University Press, London, 1969, hlm. 237.

**TD: Data Tidak Diperolehi**

Dapat disaksikan dari Jadual di atas bahawa orang Tamil merupakan etnik yang terbesar dalam komuniti India. Etnik Tamil merupakan golongan bawahan yang kebanyakannya terlibat dalam sektor perladangan dan sering ditindas oleh majikan dan pihak British. Kebajikan sosio-ekonomi kaum Tamil kebanyakan masa diabaikan dan mereka menderita akibat kemiskinan dan kemunduran. Ditambah dengan masalah sosio-ekonomi masyarakat perladangan, amalan kasta dan kelas sememangnya memecah-belahkan masyarakat buruh ini dan juga hubungan dengan etnik India yang lain. Ketiadaan bantuan dari pihak British dan majikan mahupun dari persatuan-persatuan etnik seperti persatuan Cina berdasarkan sistem *clan*, maka masyarakat perladangan terpinggir dari arus pembangunan ekonomi dan sosial. British yang mengamalkan dasar "divide and rule" telah berjaya memecah-belahkan bukan sahaja kaum Melayu daripada kaum Cina dan India tetapi memecah-belahkan pelbagai etnik India yang ada di Tanah Melayu pada masa itu. Menurut Dr. Anbalakan Kailasam,

"The Indians came to be recognized as the third biggest community in this country at least by the 1930's. Yet, even up to that time there was no visible ethnic cohesion among the Indians in this country. They had hardly thought of themselves as Indians. Rather, they remained sharply divided along lines of caste, class, religion, district of origin and language. Partly, the political and socio-economic atmosphere that had existed here then was responsible for this sorry state of affair. This atmosphere was further worsened by the tactful occupational division practiced by the British administrators of the day" (Anbalakan 2002:2).

Menurut Anbalakan, terdapat permusuhan di antara kaum Tamil dari India Selatan dengan kaum Tamil dari Sri Lanka yang dipanggil Ceylonese Tamil. Memandangkan kebanyakan Ceylonese Tamil ini terdiri dari kelas menengah yang

memegang jawatan kerajaan yang menjadi rebutan di antara mereka. Dan Ceylonese Tamil ini juga memegang jawatan sebagai penyelia atau *kangani* di sektor perladangan yang rata-rata terdiri dari buruh Tamil yang berasal dari India Selatan. Menurut Anbalakan lagi, Ceylonese Tamil tidak melayan orang Tamil dengan saksama malah menolak untuk memberi penghormatan yang sewajarnya. Memetik kata-kata Anbalakan, “Tales of Ceylonese tyranny against the helpless Tamil labourers were commonplace among the Indian community. The Ceylonese were too greedily protective of whatever they had earned in this country for the sole benefit of their own community” (Anbalakan 2002:7).

Perpecahan di kalangan masyarakat India diperhebatkan lagi dengan perpecahan di kalangan elit India yang berasal dari dua aliran yang berbeza iaitu pertamanya elit berpendidikan Tamil dan elit berpendidikan Inggeris berketurunan Malayali dan Telugu. Walaupun elit berpendidikan Inggeris memperjuangkan kepentingan kaum Tamil menerusi persatuan mereka tetapi etnik Tamil jarang memberi sokongan kepada perjuangan yang dipimpin oleh elit berpendidikan Inggeris ini. Menyedari hakikat ini, G. Sarangapany bertekad menyatupadukan masyarakat India dengan menganjurkan sebuah perayaan induk yang menggunakan satu bahasa tunggal meraikan bukan sahaja budaya Tamil tetapi juga budaya India. Tetapi G. Sarangapany juga sedar bahawa masyarakat perladangan khususnya orang Tamil ditindas dari segi upah, kemudahan perumahan, kesihatan, pendidikan dan prasarana, dan juga menafikan hak mereka untuk berpersatuan. Kita akan lihat keadaan sosio-ekonomi masyarakat perladangan dari segi upah.

### 1.2.2 Upah

Upah atau pendapatan merupakan salah satu kayu pengukur yang tepat untuk menentukan kedudukan sebenar sosio-ekonomi seseorang. Ia mempengaruhi keseluruhan corak dan mutu kehidupan serta struktur simpanan dan perbelanjaan seseorang. Ia juga membantu kita menentukan samada sesebuah keluarga itu berada di bawah paras kemiskinan atau tidak (INSAN 1989:22). Isu upah merupakan masalah yang berterusan di kalangan buruh-buruh ladang.

Sehingga tahun 1884, dalam sejarah perkembangan sistem perladangan, upah *seseorang* buruh India ditentukan oleh majikan mengikut budibicaranya. Ketika itu upah *seseorang* buruh dianggarkan lebih kurang sembilan sen sehari (Sandhu 1969:84). Upah yang rendah ini tidak berjaya menarik minat buruh India. Sehubungan itu, pihak British berganding bahu dengan para pengusaha ladang mencadangkan program-program yang bersesuaian untuk menggalakkan kemasukan buruh India Selatan. Kegagalan sistem kontrak yang mengabaikan kebajikan dan upah yang sewajarnya telah membawa kepada pengenalan sistem *Kangani* mulai tahun 1910. Antara tahun 1910 sehingga 1911, harga getah di pasaran dunia telah meningkat daripada 5.70 sekilo kepada 7.30 sekilo (Drabble 1973:93-94). Walau bagaimanapun kenaikan tersebut tidak menunjukkan sebarang kenaikan dalam kadar upah buruh. Ini kerana selepas sistem kontrak digantikan dengan sistem *kangani*, tidak terdapat sebarang kawalan undang-undang berhubung pembayaran upah harian buruh. Justeru kerajaan British di Tanah Melayu terpaksa campurtangan dan mempengaruhi kadar upah yang ditetapkan oleh para majikan, agar upah yang dibayar

tidak terlalu rendah. Sehubungan itu, Kod Buruh 1912 diperkenalkan dengan tujuan memperbaiki setiap perundangan berkaitan dengan buruh. Sungguhpun undang-undang ini memperluaskan bidang kuasa kerajaan dalam urusan pembayaran upah tetapi para pengusaha ladang tidak berpuas hati dengan tindakan British (Ooli Gunalan Manickam 1994:93). Kerap kali majikan mengambil keputusan sendiri untuk menetapkan kadar upah dan British tidak berjaya memantau segala tindakan majikan.

Lanjutan dari masalah ini dan tekanan daripada kerajaan dalam menentukan kadar upah buruh maka pada tahun 1920, Persatuan Pengusaha-pengusaha Ladang Malaya atau UPAM telah melantik sebuah Jawatankuasa Buruh Am. Jawatankuasa ini berperanan untuk mengkaji penawaran dan permintaan buruh India di lading-ladang getah dan seterusnya mengesyorkan upah yang berpatutan. Namun mulai tahun 1922, Jawatankuasa Imigresen India (IIC)<sup>1</sup> pula telah dipertanggungjawabkan untuk menetapkan upah buruh. Manakala Agen<sup>2</sup> India adalah seorang pegawai yang berpengaruh dalam IIC. Tetapi Agen ini tidak menyertai IIC atau perwakilan dari kalangan buruh-buruh atau Kesatuan Sekerja yang boleh membawa permasalahan buruh kepada perhatian IIC secara berkesan. IIC telah meluluskan kaedah pembayaran upah buruh berdasarkan *key areas* atau kawasan penting dan *non key areas* atau kawasan kurang penting. Pada tahun 1924, seseorang buruh lelaki dan wanita di kawasan penting dibayar 35 dan 27 sen sehari (Netto 1961:30). Tekanan dari kerajaan India banyak membantu dalam peningkatan

---

<sup>1</sup> Tabung Imigresen India atau *Indian Immigration Fund* ditubuhkan pada tahun 1907. Ia berperanan membawa buruh-buruh India ke Tanah Melayu. Pada tahun 1958 namanya telah ditukar kepada Lembaga Kumpulan Wang Buruh India Selatan.

<sup>2</sup> Jawatan ini dibentuk pada tahun 1923. Agen India adalah orang yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kepentingan para pekerja India Selatan. Agen tersebut diperuntukkan kuasa untuk menyelia keadaan pekerja India Selatan. Beliau boleh melawat dan menyiasat keadaan sesebuah estet. Untuk maklumat lanjut sila lihat, George Netto, *Indians in Malaya*, hlm. 29.

kadar upah buruh. Menjelang tahun 1927, kerajaan India telah memberi tekanan sehingga menyebabkan IIC meningkatkan upah seorang buruh lelaki dan wanita kepada 50 dan 40 sen sehari [Sila lihat Jadual 1.1] (Arasaratnam 1970:59). Manakala pada tahun 1932, kerajaan India bertindak mengharamkan penghijrahan buruh-buruh India ke Tanah Melayu apabila

**Jadual 1.2: Upah Pekerja Ladang Getah Antara Tahun 1924-1938**

Tahun	Kawasan Utama		Kawasan Kurang Utama	
	Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
1924	35	27	TD	TD
1925	40	30	TD	TD
1927	50	40	58	46
1930	40	32	47	37
1936	40	32	TD	TD
1938	50	40	TD	TD

Sumber: Disusun daripada George Netto, *Indians in Malaya*, 1961 dan S. Arasaratnam, *Indians in Malaysia and Singapore*, 1970.

**Nota: TD – Tidak ditentukan pada tahun tersebut.**

pengurangan upah para buruh tidak dibincangkan terlebih dahulu dengan Agen India (Netto 1961:30). Pemotongan upah para buruh telah memulakan satu babak baru dalam sejarah tuntutan upah para buruh India. Di antara tahun 1933 hingga 1941 terdapat banyak rusuhan dan mogok pekerja ladang boleh dikesan di Negeri-Negeri Melayu (Ramasamy 1990:112). Perasaan tidak puas hati para buruh tidak pernah dihiraukan oleh para majikan yang tamak dan bersifat eksploitasi. Perhatikan perkembangan yang tidak sihat ini, Central Indian Association of Malaya (CIAM) telah mengambil langkah menghantar Presidennya Encik N. Raghavan untuk berunding dan mendesak kerajaan India supaya mengharamkan *unassisted* imigran ke Tanah Melayu (Netto 1961:30). Isu

pergelutan dan perjuangan para buruh India dengan majikan adalah satu kisah yang berpanjangan tanpa putus-putus. British membiarkan isu pendapatan buruh diselesaikan oleh kedua-dua majikan dan buruh. Antara tahun 1945 hingga 1965, British tidak memberi perhatian sewajarnya kepada persoalan upah buruh (Ramasamy 1990:83). Pihak majikan yang diwakili oleh persatuan yang kuat iaitu *Malayan Planting Industries Employers Association* (MPIEA) dan kesatuan-kesatuan sekerja pula lemah dan tidak bersatu seperti *Negeri Sembilan Indian Labour Union* dan *Perak Estate Employees Union*. Maka kebanyakan penyelesaian yang dicapai lazimnya memihak kepada pihak majikan. Dengan penubuhan *National Union of Plantation Workers* (NUPW) pada tahun 1954, kebajikan para buruh terbela sedikit namun dalam hal penetapan tingkat gaji pencapaiannya tidak membanggakan (Ibid:83) [Sila lihat Jadual 1.2].

**Jadual 1.3: Upah Buruh-Buruh Estet Berdasarkan Perjanjian Antara NUPW dan MPIEA Antara Tahun 1954-1965**

Tahun Variabal	1954	1956	1959	1962	1964	1965
Harga Getah (Sen/Pound)	65-70	60-80 ke atas	60+ ke atas	60+ ke atas	60+ ke atas	60+ ke atas
Penoreh Getah	\$2.40	\$2.60	\$3.00	\$3.05	\$3.55	\$3.55
Buruh Am	\$2.05	\$2.60	\$2.60	\$2.90	\$3.10	\$3.10

Sumber: P. Ramasamy, *The State, Unions and Plantations Labour in Malaysia*, hlm. 102.

Tinjauan selang pandang jelas membuktikan kepada kita betapa rendahnya upah yang diterima oleh buruh-buruh perladangan. Oleh kerana upah yang dibayar

berdasarkan *latex* yang dikumpul maka pada hari-hari buruh tidak sihat ataupun hujan, mereka tidak dapat menoreh. Akibatnya, upah yang diterima pada akhir bulan tidak mencukupi untuk menyara hidup. Tekanan hidup ini menyebabkan mereka meminjam wang daripada majikan. Para buruh yang berhutang pula tidak boleh meninggalkan ladang mereka sehingga hutang dilangsaikan.

Secara rasional, dengan upah yang rendah adalah mustahil bagi mereka untuk melangsaikan hutang. Upah yang rendah juga menafikan mereka mendapatkan bahan makanan yang berkhasiat. Lazimnya upah sebenar lebih rendah daripada harga barangan. Malah kajian Kesatuan Pekerja Dunia di Geneva juga melaporkan bahawa para buruh India di Tanah Melayu memperolehi pendapatan lebih rendah daripada paras kemiskinan di negara-negara lain (Neelakandha Aiyer 1938:57). Sungguhpun British dengan kuasa perundangan dan eksekutifnya boleh melaksanakan undang-undang untuk menetapkan upah harian yang standard tetapi tidak berbuat demikian. Sebaliknya British melayani keluhan para majikan yang majoritinya kapitalis Barat.

Dasar sosio-ekonomi British adalah untuk mengekalkan status quo buruh-buruh India. Para buruh atau pekerja di sektor pembinaan jalan keretapi, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembentungan, Pelabuhan dan Majlis Perbandaran tidak dibayar gaji yang tinggi kerana British bimbang faktor gaji yang tinggi boleh menjadi dorongan bagi para buruh estet untuk berhijrah ke bandar. Ini boleh menyebabkan para buruh menuntut upah yang lebih tinggi. Justeru British memastikan upah yang dibayar untuk buruh-buruh India adalah jauh lebih rendah dari buruh-buruh Cina.

Pada masa yang sama, majikan memastikan para buruh tidak dapat lari dari hutang dengan membekalkan minuman todi di kedai-kedai estet. Gejala todi ini tidak pernah mendapat perhatian British. Daripada Laporan Agen India 1933, dianggarkan dalam tempoh setahun sahaja tiga juta ringgit dihabiskan oleh para buruh India hanya untuk minum todi. Keadaan ini memburukkan lagi kedudukan kewangan dan seterusnya sosio-ekonomi mereka. Ini menyebabkan mereka berhutang dan terlibat dalam keganasan domestik. Malah dalam kes-kes yang lebih ekstrim, ada suami yang sanggup mencederakan isteri dengan tujuan merampas gajinya untuk memberi todi. Industri todi ini sesungguhnya adalah ciptaan majikan untuk melemahkan masyarakat perladangan (Nair 1938:52).

Dasar British dan layanan majikan yang tidak adil dalam sejarah penentuan upah telah mengakibatkan buruh-buruh India diselubungi kemiskinan. Apabila buruh-buruh ini miskin maka dengan mudah majikan dan British memanipulasi mereka untuk kegiatan ekonominya. Sesungguhnya keadaan kehidupan masyarakat perladangan sangat mengharukan pada masa itu.

### **1.2.3 Perumahan**

Salah satu faktor utama yang mempengaruhi keadaan kehidupan sosial buruh-buruh India di kawasan perladangan adalah kemudahan tempat tinggal. Situasi tempat tinggal bagi buruh-buruh di ladang dikatakan dalam keadaan teruk pada peringkat awal. Rumah-rumah buruh yang dibina dikenali sebagai "coolie lines" ataupun 'baracks'.

Istilah ini merujuk kepada rumah-rumah papan yang berderet, beratap daun nipah dengan dibahagikan oleh pemisah. Setiap bahagian yang dibahagikan itu adalah sebuah rumah untuk satu keluarga (Arasaratnam 1970:63). Lazimnya rumah-rumah ini digunakan oleh lima hingga lapan orang ahli keluarga. Hanya terdapat sebuah bilik tidur sahaja (ada kalanya tiada bilik tidur) dan penghuninya terpaksa tidur di merata-rata tempat dalam rumah. Adakalanya bagi mereka yang baru berkahwin terpaksa berkongsi bilik dengan ahli keluarga yang lain. Ternyata keadaan ini boleh membawa masalah sosial yang serius. Keadaan rumah yang serba kekurangan ini jelas menunjukkan hak buruh untuk mendapatkan kemudahan tempat tinggal dengan persekitaran yang selesa tidak dihiraukan oleh pihak majikan (Selvakumaran 1994:147). Ada bukti yang menunjukkan para majikan sengaja mengabaikan kebajikan pekerja-pekerja untuk mengaut keuntungan yang maksimum dengan kos pengeluaran yang minimum. Rumah-rumah yang disediakan tidak diperbaiki ataupun dijaga kerana ia menelan kos perbelanjaan yang tinggi. Apabila buruh-buruh India berumahtangga dan beranak-pinak keadaan bertambah buruk lagi. Pertambahan populasi diikuti dengan pertambahan kemudahan dalam keluasan rumah menyulitkan lagi kehidupan masyarakat perladangan ini

Sungguhpun British telah meluluskan beberapa undang-undang seperti Kod Buruh 1912 (Pindaan 1923) dan Kod Buruh Rump untuk membaiki keadaan tetapi para majikan enggan melaksanakannya (Ibid:62). Keadaan perumahan yang sangat mengharukan ini digambarkan oleh V.S. Srinivasa Sastri pada tahun 1937 seperti berikut:

“I was shocked beyond words by the condition of the quarters. They consist of a stone barrack like building which at the same time of my visit was so over crowded that it is doubtful if even the barest requirements of

public health were fulfilled. Both the heat and the smell of the place were over-powering and appear to find no easy exit. The washing accommodation was such that all used water found it way down the main steps which form the general entrance. No privacy of any sort was provided and wonder the place is the scene of frequent disputes and quarrels” (Ibid:61).

Kod Buruh Rump 1933 memperuntukkan pembinaan tiga jenis rumah yakni; rumah papan yang ada ruang tamu, sebilik tidur, bilik masak, serambi dan bilik mandi; rumah batu yang dibina dalam baris antara enam hingga sepuluh buah rumah dengan sebuah bilik tidur, ruang tamu, bilik masak, serambi dan bilik mandi; rumah batu kembar dengan dua bilik tidur, ruang tamu, bilik masak, bilik mandi, tandas dan serambi (Laing 1986:15-18). Secara umumnya rumah-rumah yang disediakan di kawasan perladangan merupakan rumah yang tidak berkualiti. Panduan-panduan standard minima pembinaannya tidak perbak diikuti oleh majikan. Di samping itu, rumah tersebut hanya sah diduduki oleh sebuah keluarga selagi salah seorang ahli keluarganya bekerja di estet tersebut. Andaikata orang tuanya meninggal dunia dan anak-anaknya masih kecil maka mereka hanya ada dua pilihan sahaja iaitu keluar daripada estet tersebut ataupun bekerja di situ. Ini bermakna mereka hanya menumpang di estet tersebut sahaja dan bukannya pemilik rumah. Ringkasnya, kemudahan perumahan yang disediakan bagi masyarakat perladangan adalah satu kisah yang menyedihkan.

#### 1.2.4 Kemudahan Asas: Air, Elektrik dan Pembetulan

Selain daripada masalah upah dan tempat tinggal, kemudahan asas seperti air, elektrik dan pembetulan turut dialami oleh buruh-buruh India di kawasan perladangan. Kemudahan air, elektrik dan tandas merupakan keperluan asas yang penting untuk menjalani kehidupan yang selesa. Tetapi penyediaan kemudahan-kemudahan asas tersebut tidak mendapat perhatian daripada pihak majikan. Dari segi kemudahan air, buruh-buruh India menggunakan kemudahan air perigi, sungai dan kolam. Kemudahan air paip jarang disediakan oleh pihak majikan. Jika adapun, air paip akan dikongsi oleh 10 hingga 15 isi rumah pada waktu yang terkawal setiap hari (Selvakumaran 1994: 11-12). Air minuman dari perigi dan sungai yang kotor merupakan salah satu punca terjeasnya kesihatan para pekerja ladang. Fakta ini diakui kebenarannya oleh sebuah jawatankuasa untuk menyiasat perkara tersebut. Mereka menyatakan "the water supply found to be bad... the coolies were supplied with brackish water" (Netto 1961:38).

Tambahan pula, kemudahan elektrik juga tidak wujud pada peringkat awal perkembangan sektor perladangan. Kebanyakan buruh-buruh India di kawasan perladangan terpaksa meneruskan kehidupan harian mereka dengan menggunakan lampu minyak tanah atau lampu gas. Walaupun kemudahan elektrik menerusi generator diperkenalkan di beberapa buah ladang tetapi bekalannya pula dicatu. Biasanya bekalan akan disambungkan dari pukul 4.30 pagi hingga 6.30 pagi dan kemudian dari 7.00 petang hingga 10.30 malam. Pada waktu-waktu lain, mereka terpaksa bergantung kepada lampu minyak dan lampu gas (Selvakumaran 1994:161).

Masalah pembentungan turut memburukkan kehidupan sosial buruh-buruh India di kawasan perladangan. Pihak majikan tidak pernah memberi perhatian kepada kemudahan sistem pembentungan di kawasan perladangan. Biasanya tandas yang menggunakan tong najis akan dibina di satu kawasan awam dan ia akan dikongsi oleh lapan hingga sepuluh buah keluarga. Keadaan ini menyebabkan tong-tong najis penuh dengan cepat dan penghuni ladang terpaksa ke kawasan lading atau sungai yang berhampiran untuk membuang najis. Akibatnya kawasan perumahan di lading tercemar dengan kekotoran, bau busuk dan lalat yang mendedahkan kepada pelbagai penyakit (Sugunan 1989:10).

#### **1.2.5 Ketiadaan Persatuan-Persatuan Sosio-Ekonomi Dalam Menjaga Kebajikan Masyarakat Perladangan**

Perkembangan organisasi dan berpersatuan di kalangan masyarakat India agak lembab. Salah satu punca bagi kelewatan ini adalah sikap Jabatan Buruh serta peranan pengusaha serta majikan estet menghalang sebarang percubaan untuk membentuk persatuan atau organisasi di kalangan buruh. Ketiadaan persatuan yang benar-benar memperjuangkan untuk menjaga kebajikan masyarakat India di Tanah Melayu telah memburukkan lagi kehidupan sosial masyarakat India.

Tambahan pula, pucuk pimpinan persatuan-persatuan India pada waktu itu didominasi oleh etnik bukan Tamil. Organisasi-organisasi ini telah mengesampingkan kepentingan sosio-ekonomi, budaya, sastera dan bahasa kaum Tamil. Maka perjuangan badan-badan seperti Persatuan India Taiping (1906), Persatuan India Selangor (1909) dan

Persatuan India Pulau Pinang (1911) ini dianggap asing kepada kepentingan kaum buruh Tamil. Kewujudan persatuan-persatuan ini adalah sebagai pusat tumpuan sosial di mana aktiviti-aktivitinya terhad kepada bentuk riadah (Arasaratnam 1970:82-84). Dalam keadaan ini, elit Tamil telah mengasingkan diri dari kelas menengah berpendidikan Inggeris dan bergiat melalui badan-badan berasingan yang berlandaskan kepada bahasa dan budaya India untuk membela nasib orang Tamil.

Pengabaian faktor sosio-ekonomi masyarakat perladangan ini lama kelamaan telah melahirkan beberapa organisasi separa sosial yang ingin membetulkan keadaan tersebut. Usaha pertama lahir daripada Central Indian Association of Malaya (CIAM) yang ditubuhkan pada 1937 dan kemudiannya oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja yang dipengaruhi oleh semangat sosialisme radikal. Namun usaha murni CIAM tergendala selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 (Netto 1961:38). Selepas Perang, muncul satu pergerakan sukarelawan bernama *Thondar Padai* diwujudkan di Ladang Harvard, Bidong Perak namun begitu riwayat pergerakan ini ditamatkan dalam tempoh masa tiga tahun. Ini kerana para majikan bimbang para buruh ini akan membangun menuntut hak-hak mereka. CIAM dan *Thondar Padai* adalah antara persatuan terawal di Tanah Melayu yang telah memperjuangkan hak buruh dengan lantang sekali. Tetapi British yang langsung tidak mengambil sebarang langkah untuk membantu masyarakat perladangan cuba mematahkan semangat dan perjuangan CIAM dan *Thondar Padai*. Misalnya British tidak pernah mengiktiraf CIAM mahupun *Thondar Padai* dan senantiasa menunggu masa untuk menamatkan riwayatnya. Dalam kes

*Thondar Padai*, British berjaya menamatkan riwayatnya pada tahun 1947 (Nadaraja 1981:100-102).

Manakala satu lagi persatuan yang lahir pada tahun 1946 ialah *Malayan Indian Congress* (MIC) yang diasaskan dengan tujuan membela kebajikan masyarakat India. Masyarakat perladangan India berharap agar MIC dapat melindungi hak dan kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu. Tetapi harapan masyarakat tidak menjadi kenyataan apabila MIC dari tahun 1946 hingga awal tahun 1950-an lebih dipengaruhi oleh politik negara India. Hubungan rapat MIC dengan *Indian National Congress* (INC) di India telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Sikap dan dasar-dasar MIC ketika pimpinan Thivy (1946-1947) dan Budh Singh (1947-1950) jelas menunjukkan kedua-dua pemimpin ini mengorientasikan politik MIC kepada INC (Subramaniam 1974:113). Penglibatan masyarakat Tamil dalam MIC pada masa itu kurang sekali berbanding etnik India lain. Ketiadaan perpaduan di kalangan masyarakat India walaupun setelah MIC ditubuhkan adalah satu tanda kegagalan MIC. Masyarakat India-Mulism, Tamil Ceylon dan Sikh telah menghidupkan persatuan masing-masing untuk menyatakan sokongan mereka terhadap kepulauan British. Sebaliknya motif di sebalik tindakan kumpulan etnik tersebut adalah untuk menjaga kepentingan ekonomi dan kaum masing-masing dan bukannya didorong oleh kesedaran politik dan perpaduan bangsa India (Stenson 1970:142-143). Begitulah keadaan masyarakat India selepas zaman Perang Dunia Kedua yang masih berpecah mengikut sub-komunal dan mengikut kepentingan masing-masing. Ternyata kebajikan dan kepentingan masyarakat estet yang masih belum terbelah dan mereka ini masih merupakan satu entiti yang berasingan dalam

masyarakat India di Tanah Melayu. Satu-satunya organisasi yang memperjuangkan kebajikan masyarakat perladangan adalah kesatuan sekerja yang dari masa ke semasa menghadapi pelbagai tekanan daripada pihak majikan dan kerajaan.

Daripada perbincangan di atas, terdapat lima faktor yang memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keadaan sosio-ekonomi masyarakat perladangan dan pada masa yang sama mengwujudkan satu jurang luas dalam perpaduan di antara semua etnik India yang wujud pada masa itu. Ketiadaan persatuan-persatuan etnik mahupun sosio-ekonomi pada tahun 1950-an untuk menjaga kebajikan masyarakat perladangan di Tanah Melayu telah memburukkan lagi kehidupan sosial masyarakat perladangan. Masalah kemiskinan dan kemudahan perumahan dan prasarana yang kurang baik dialami oleh masyarakat perladangan telah memberi kesan kepada aspek-aspek lain seperti perayaan, kebudayaan dan kesenian. Kekurangan pendedahan mengenai peripentingnya perpaduan, kebudayaan dan bahasa telah menyebabkan masyarakat perladangan di Tanah Melayu tercicir daripada proses kemajuan. Menyedari kemunduran dan kemiskinan masyarakat perladangan, maka muncullah seorang tokoh reformis iaitu G. Sarangapany untuk membela nasib masyarakat India di Tanah Melayu.

### **1.3 Tokoh Reformis G. Sarangapany Membela Kebajikan Masyarakat Perladangan**

Menyedari pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat India, kemunculan G. Sarangapany pada 1924 tepat dengan keperluan seorang pemimpin untuk memandu komuniti India ke arah reformasi dan pembangunan. Beliau telah menubuhkan beberapa

badan kebudayaan dan kemasyarakatan dalam usaha memupuk perpaduan dan menyemarakkan kesedaran budaya dan bahasa di kalangan masyarakat India.

20 April 1903 adalah tarikh yang menyaksikan kelahiran seorang aktivis sosial yang agung dan kini sudah 32 tahun sejak beliau meninggal dunia iaitu pada Mac, 1974, jasa-jasa beliau masih segar dalam liputan sejarah. Beliau berasal dari sebuah kampung yang bernama Vijayapuram, Thiruvavur yang terletak di daerah Thanjavur, Tamilnadu, India (Temuramah dengan Rajam Sarangapany 6 Mei 2000). Thanjavur terkenal sebagai sebuah pusat pengajian falsafah, bahasa dan sastera yang terkemuka di India Selatan. Daerah ini dikatakan telah melahirkan ramai ahli-ahli pemikir dan intelek yang sebenarnya merupakan satu landasan utama dalam pembinaan ciri-ciri kesarjanaan dan keperibadian unggul dalam diri G. Sarangapany.

G. Sarangapany merupakan seorang pelajar yang tekun dan rajin sejak kecil lagi. Ibubapanya iaitu Govindasamy dan Thayarmmal amat mengambil berat tentang pelajaran G. Sarangapany telah mendorongnya melanjutkan pelajaran sehingga pengajian matrikulasi. Beliau telah menamatkan pengajian matrikulasinya di Institut Pengajian Tinggi Thiruvavur. Sejak kecil lagi G. Sarangapany dikatakan sangat minat dalam bidang penulisan. Tambahan pula, beliau dikatakan memiliki kebolehan luarbiasa memfokuskan pemikirannya ketika menulis walaupun dalam apa jua keadaan (Temubual dengan Murugu Srineevasan 5 Mei 2000). Latar belakang pendidikan bersama-sama dengan minat dalam penulisan kemudiannya telah membawa G. Sarangapany ke alam profesion kewartawanan.

Ketika G. Sarangapany berusia 20 tahun, beliau terpengaruh dan terikut dengan 'Ideologi Penghormatan Diri' atau *Self Respect Movement* yang diperkenalkan oleh E.V. Ramasamy. Idea utama *Self Respect Movement* ini adalah bertujuan untuk menghapuskan amalan sistem kasta, kepercayaan karut masyarakat India seperti penyembahan berhala dan pengantara dewata serta memulihkan keadaan sosio-ekonomi dan status politik komuniti India (Maraimalayan 1967: 75).<sup>3</sup> Tertarik dengan tujuan 'Ideologi Penghormatan Diri' ini, G. Sarangapany melibatkan diri dalam beberapa gerakan reformasi yang dijalankan oleh E.V.R. Ibu bapa G. Sarangapany khuatir akan pengaruh gerakan E.V.R. yang boleh mengancam keselamatan, pendidikan dan masa depan anak mereka. Oleh yang demikian, mereka menegah G. Sarangapany supaya tidak menyertai gerakan-gerakan reformasi sosial yang dijalankan oleh E.V.R. Namun G. Sarangapany tidak mengendahkan amaran kedua-dua orang ibubapa dan terus melibatkan diri secara aktif dalam gerakan reformasi sosial. Kemarahan dan desakan ibu bapa yang berterusan menyebabkan beliau terasa dirinya tertekan dan hilang kebebasan untuk melakukan apa yang dihajati. Akhirnya G. Sarangapany membuat keputusan untuk berhijrah ke Tanah Melayu dalam usaha meneruskan perjuangan *Self Respect Movement*. (Temubual dengan Murugu Srineevasan 18 April 2000). Demikianlah teguhnya pegangan G. Sarangapany kepada falsafah *Self-Respect Movement* yang telah mencorakkan pemikiran dan tindakan dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Ketika berusia 21 tahun G. Sarangapany tiba di

---

<sup>3</sup> E.V. Ramasamy (1879-1973) merupakan seorang tokoh yang menjalankan reformasi sosial di kalangan masyarakat India. Perjuangan beliau semata-mata bermotifkan memajukan sosio-politik dan sosio-ekonomi kaum India. Idea-idea reformasi dan sumbangan beliau terhadap masyarakat India khususnya penentangan sistem kasta dan pemulihan sosio-ekonomi menyebabkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memberi gelaran, 'Periyar The Prophet of New Ages', 'Socrates of South East Asia' dan 'Father of the Social Reform Movement'. Konsep Periyar, *The Self-Respect Movement* atau Ideologi Penghormatan Diri mendapat sambutan baik para reformis sosial di India. Sila rujuk Periyar E. V. Ramasamy, *The Genesis of My Self-Respect Movement*, Self-Respect Institution, Madras, 1951, hlm. 19.

Singapura dan mendapati masyarakat India di Tanah Melayu dalam keadaan yang sangat menyedihkan dan beliau bercita-cita untuk meneruskan reformasi sosial yang dianjurkan oleh E.V. Periyar walaupun G. Sarangapany telah membuat beberapa perubahan mengikut keadaan dan suasana Tanah Melayu yang terdiri dari pelbagai kaum lain selain kaum India.

Pada awalnya G. Sarangapany menggunakan majalah dan akhbar seperti *Munnetram*, *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail* sebagai alat penyebaran idea-idea pembaharuan sosial di kalangan orang Tamil. Beliau sedar bahawa kaum Tamil tidak memiliki satu identiti yang dapat memupuk persaudaraan kuat dan terpisah dari segi kasta mahupun agama. Unsur-unsur pemisahan ini mengganggu pembentukan satu identiti etnik yang kukuh dan pada masa yang sama perpaduan masyarakat India. Sebagai seorang pengarang akhbar, G. Sarangapany sentiasa peka dan prihatin terhadap nasib masyarakat perladangan. Melalui *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*, beliau menyuarakan rasa tidak puashati dan keluhan masyarakat India di kawasan perladangan getah. Antara isu yang menjadi masalah utama dan berterusan di kalangan pekerja-pekerja ladang adalah masalah upah, perumahan, kemudahan asas dan kesihatan serta pendidikan anak-anak buruh.

Perjuangan para buruh ini untuk upah yang adil adalah satu babak yang amat menyedihkan dalam sejarah pekerja ladang getah di Tanah Melayu. Rayuan buruh-buruh estet untuk mendapatkan kadar upah yang berpatutan dari majikan selalunya tidak diberi layanan yang sewajarnya. Di antara tahun 1930an dan 1940an, rasa tidak puas hati

pekerja dimanifestasikan dalam bentuk mogok dan rusuhan (Ramasamy 1990: 112; *Indian Daily Mail*, 5 Oktober 1946). Akhirnya penubuhan *National Union of Plantation Workers* atau NUPW pada 1954 telah membawa beberapa perubahan tetapi kebanyakan masa penyelesaian yang dicapai adalah memihak kepada pihak majikan (Ibid: 83). Pada tahun 1955, Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan yang menghadiri Persidangan Pekerja Perladangan Asia Tenggara Pertama di Kuala Lumpur telah meyakinkan para pekerja ladang dengan ucapannya yang berbunyi, "Many thousands of plantations workers had enriched this country and it was proper that fair share of this country's earnings should be devoted to their well-being (*Indian Daily Mail*, 29 September 1955). Namun jika ditinjau dengan teliti, jelas membuktikan dasar British pada masa itu tidak menghiraukan nasib masyarakat perladangan. G. Sarangapany membidas kerajaan yang tidak mahu menerima gaji baru yang disarankan iaitu 4.50sen dengan alasan kerajaan menghadapi defisit kewangan (*Tamil Murasu*, 26 March 1956). Menurut G. Sarangapany, upah yang diterima oleh para pekerja ladang tidak mencukupi untuk menyara hidup mereka. Tekanan hidup menyebabkan mereka meminjam dari majikan dan selalunya para pekerja ini tidak dapat membayar balik hutang. Upah yang rendah juga menafikan mereka mendapatkan bahan makanan yang berkhasiat dan kebanyakan mereka menderita kebuluran (*Indian Daily Mail*, 28 Mei 1946 & 16 November 1946).<sup>4</sup> Liputan berita dalam *Indian Daily Mail* yang bertajuk "Useless Talking About Settling Strikes When Workers Are Only Existing – Not Living" memperlihatkan kekejaman British yang mengeksploitasi pekerja ladang tanpa keperikemanusiaan (*Indian Daily Mail*, 16 November 1946). Menurut G. Sarangapany,

---

<sup>4</sup> Sila rujuk karya George Netto, *Indians in Malaya* (1961) yang menghuraikan penindasan kerajaan British ke atas pekerja-pekerja ladang dan senarai bilangan kematian pekerja ladang dengan penyakitnya

pemogokan akan sering berlaku sekiranya kerajaan tidak berganjak dari pendirian untuk memberi kadar upah yang berpatutan (*Tamil Murasu*, 26 Mac 1956).

Manakala taraf pendidikan bagi anak-anak peladang adalah dalam keadaan yang menyedihkan. Pengurusan estet termasuk pihak Kangani dikritik oleh G. Sarangany kerana mementingkan keuntungan semata-mata dan bukannya kebajikan masyarakat ladang. Dalam Lidah Pengarang yang bertajuk "Education on Estates", V.M.N. Menon, Setiausaha kepada Persatuan Pekerja Estet Asiatik Se-Malaya telah menyatakan,

"One of the most urgent needs of Indian labour in this country is better educational facilities on estates. The so-called Tamil schools on estates are a mere apology and a disgrace to the country. ... . It is a notorious fact that on most estates teaching is done by ignorant and illiterate *Kanganis*... . The school premises are no better than the 'cooly lines'. They are mere sheds, worse than catlesheds. As regards equipment, the less said the better. Furniture there is none. In many of these sheds, the children sit on the bare floor... . The estate Managements who are responsible for the education of the children of their labour force, are more concerned in making profits... (*Indian Daily Mail*, 16 September 1946)."

Bukan sahaja taraf pendidikan amat membimbangkan tetapi keadaan tempat tinggal dan kesihatan para pekerja ladang juga sangat menyedihkan. Kemudahan perumahan tidak disediakan dengan baik malah majikan enggan membina rumah yang selesa bagi pekerja ladangnya (*Indian Daily Mail*, 27 Mei 1947 & 8 Januari 1950). Oleh kerana majoriti masyarakat India adalah terdiri dari pekerja ladang maka kebajikan mereka paling diutamakan dalam liputan berita dan ucapan Sarangany. Setiap mesej atau rencana yang disiarkan mengenai pekerja ladang ini dalam *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail* adalah untuk menuntut keadilan bagi masyarakat perladangan dan mendedahkan kekejaman yang dilakukan oleh British.

Pada masa yang sama, G. Sarangapany amat mementingkan kebudayaan India agar ia tidak terhapus dan beliau berharap kebudayaan ini sentiasa bersemadi dalam sanubari setiap insan masyarakat India di Tanah Melayu. Beliau tidak mahu melihat masyarakat India mengalami kepincangan dalam memelihara khazanah warisan budaya mereka di Tanah Melayu dan Singapura. Dari masa ke semasa G. Sarangapany menjalankan pelbagai aktiviti dan mendirikan pelbagai pertubuhan kebudayaan untuk menyegarkan dan memperkukuhkan kebudayaan India supaya tidak ditelan zaman. Sarangapany juga berharap agar persatuan-persatuan kebudayaan yang ditubuhkan akan dapat menyatukan masyarakat India yang berpecah-belah.

Pada 3 Ogos 1930, G. Sarangapany telah menubuhkan Persatuan Pemulihan Masyarakat Tamil atau *Tamil Seerthirutta Sanggam* di Singapura atas bimbingan E.V.R. Periyaar. Persatuan ini bertujuan untuk memulihkan dan memajukan masyarakat India daripada pemikiran dan amalan kolot serta memansuhkan minuman todi. Penubuhan persatuan ini telah menjadi pelopor kepada penubuhan persatuan-persatuan lain. Misalnya, Persatuan Masyarakat Tamil Tanah Melayu atau *Agila Malaya Tamilar Sanggam* (AMTS) pada 1939. Persatuan Perwakilan Masyarakat Tamil atau *Tamilar Pirathinithuwa Sabai* pada 1 Januari 1953 dan Persatuan Bell Belia Tamil atau *Tamil Ilainyar Mani Mandram* pada tahun 1954. Kesemua persatuan yang diwujudkan oleh G. Sarangapany mempunyai misi dan visi yang sama iaitu memajukan dan menyatupadukan masyarakat India (Elias 1997:70-75).

Melalui persatuan-persatuan yang disebutkan di atas, G. Sarangapany mengadakan pelbagai aktiviti-aktiviti kebudayaan yang telah menarik minat masyarakat India di Tanah Melayu dan Singapura. Antara aktiviti yang diperkenalkan dan dianggap paling berkesan adalah perayaan Pesta Tamil atau *Tamilar Thirunal (Tamils Festival)* yang diperkenalkan pada tahun 1952 selepas beberapa insiden yang berlaku di tanahair khususnya apabila menyaksikan kegagalan MIC dalam memperjuangkan hak masyarakat perladangan. Maka beliau yang berasa kecewa atas keadaan ini bertindak memperkenalkan Pesta Tamil. Perayaan ini diasaskan secara rasmi pada 13 Januari 1952 dengan tujuan mengwujudkan semangat kerjasama dan bersatupadu bukan sahaja di kalangan masyarakat perladangan tetapi juga di antara masyarakat perladangan dan masyarakat India di kawasan perbandaran (*Tamil Murasu* 13 Januari 1952).

#### 1.4 Rumusan

Kemunculan perayaan *Tamilar Thirunaal* pada tahun 1952 adalah tepat pada masanya. Perayaan ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat India di seluruh Tanah Melayu. Keadaan masyarakat India pada masa itu yang diabaikan dalam semua lapangan oleh majikan dan pihak kerajaan, menyebabkan perayaan *Tamilar Thirunaal* diterima dengan baik. Objektif perayaan *Tamilar Thirunaal* yang ingin menyatupadukan, memajukan serta menyemarakkan kesedaran mengenai kepentingan bahasa dan budaya Tamil telah menyebabkan masyarakat India di Tanah Melayu dan Singapura menyambut perayaan *Tamilar Thirunaal* dengan meriahnya untuk dua dekad berikutnya. Kita akan mengikuti perkembangan perayaan ini dalam bab yang seterusnya.

## Bab 2

### Pengasasan dan Perkembangan Perayaan *Tamilar Thirunaal* Sehingga Tahun 2005

#### 2.0 Pengenalan

“Bersatu dan Maju”. Beginilah berbunyi slogan yang didukung oleh perayaan *Tamilar Thirunaal* yang diasaskan oleh G. Sarangapany pada tahun 1952 (*Risalah Tamilar Thirunaal* 1951). Keadaan masyarakat India dalam kemiskinan dan tidak bersatupadu dan pengabaian bahasa serta budaya telah menyebabkan G. Sarangapany melahirkan *Tamilar Thirunaal* sebagai jalan penyelesaiannya. Hasrat untuk menyatukan masyarakat India di Tanah Melayu sebagai satu bangsa yang mantap dan kukuh telah lama berkumandang di hati dan jiwa G. Sarangapany. Beliau berasa bimbang terhadap masa depan masyarakat India di Tanah Melayu sekiranya fenomena kemiskinan dan ketiadaan perpaduan di kalangan mereka berlanjutan. Kebimbangan ini telah menyebabkan G. Sarangapany berusaha untuk menghapuskan jurang perbezaan yang wujud di kalangan masyarakat India dengan merapatkan mereka tanpa mengira keturunan, etnik, kasta, darjat dan pangkat menerusi *Tamilar Thirunaal*. Dalam Bab dua ini, saya akan meninjau sejarah latarbelakang pengasasan dan matlamat perayaan *Tamilar Thirunaal* yang pertama pada tahun 1952. Penulis juga akan mengkaji perkembangan perayaan *Tamilar Thirunaal* bermula dari tahun pengasasannya sehingga ke alaf baru ini.

## 2.1 Latarbelakang Pengasasan dan Matlamat Tamilar Thirunaal<sup>5</sup>

Masalah dengan komuniti Tamil adalah ketiadaan satu identiti dan perpaduan yang dapat memupuk persaudaraan erat di kalangan mereka. Komuniti ini bukan sahaja terpisah dari segi kasta tetapi juga agama. Elemen-elemen pemisahan ini telah mengganggu terbentuknya satu identiti etnik yang kukuh dan menghalang mereka berfikir dan bertindak sebagai satu komuniti yang bersatupadu dan dinamik. Pada masa itu, kebanyakan pucuk pimpinan persatuan sosial dan politik India adalah diterajui oleh orang Malayali, Tamil Ceylonese dan kaum India Utara. Maka untuk meletakkan komuniti Tamil di tempat yang sewajarnya G. Sarangapany telah merangka satu wawasan dalam bentuk perayaan.

Idea Tamilar Thirunaal ini bangun dari pergerakan *Self-Respect Movement* yang didukung oleh G. Sarangapany. Beliau adalah pengasas Persatuan Pemulihan Tamilar atau *Tamilar Seerthirutha Sangam* (TRAS). Setelah menyertai persidangan *Tamilar Seerthiruttham* yang dianjurkan oleh E.V.R. Periyar, G. Sarangapany telah berusaha bersama rakan-rakannya En. U. Ramasamy, En. P. Govindasamy, En. A.C. Suppiah dan En. K. Tamotharanar untuk menubuhkan TSS. Pada 3 Ogos 1930, TSS ditubuhkan di sebuah rumah yang beralamat No. 20, Jalan Klang di Singapura. Walau bagaimanapun TSS didaftarkan secara rasminya pada 22 Julai 1932. Atas usaha G. Sarangapany ini, *Self Respect Movement* yang diperkenalkan oleh EVR bertukar wajah menjadi TSS (Thiruvengadam 1980: 17-18).

---

<sup>5</sup> *Tamilar Thirunaal* dalam bahasa Melayu adalah Pesta Tamil dan dalam bahasa Inggeris disebut *Tamils Festival*. Saya akan menggunakan singkatan TF (*Tamils Festival*) dalam perbincangan selanjutnya.

*Seertiruttham* bermaksud proses pembaharuan di kalangan masyarakat dengan aman atau dalam lain perkataan *Seertiruttham* bermaksud reformasi. Berkomunikasi dengan cara yang diplomatik dan perasaan kasih sayang amat penting dalam membawa pembaharuan dalam diri seseorang individu. Ketika G. Sarangapany menyebarkan idea-idea pembaharuan di kalangan masyarakat India, beliau terpaksa menghadapi pelbagai cabaran. Misalnya ketika G. Sarangapany mengadakan mesyuarat TSS ada beberapa orang telah menaburkan serbuk lada dengan tujuan mengganggu perjalanan mesyuarat TSS (Temubual dengan Murugu Srineevasan 7 Ogos 1999). Walau bagaimanapun, G. Sarangapany tidak berputus asa dengan cabaran-cabaran seperti itu.

Selepas penubuhan TSS, G. Sarangapany bersama rakan-rakannya telah mengadakan beberapa propaganda bagi membawa pembaharuan di kalangan masyarakat India. Antara kejayaan TSS ialah penubuhan Persatuan Orang-orang Tamil Malaya atau *Agila Malaya Tamilar Sangam* yang diasaskan oleh G. Sarangapany pada 1938. Beliau bercita-cita untuk melahirkan masyarakat Tamil yang cintakan tanahair dan bersatupadu. Beliau melalui Persatuan ini menyebarkan idea-idea pemulihannya dengan berkesan di kalangan penduduk Tamil di Tanah Melayu. Pertubuhan ini telah menjalankan banyak aktiviti sosial yang membanggakan sehingga disanjung tinggi oleh masyarakat Tamil di Tanah Melayu.

Sebagai langkah awal kepada hasratnya itu, G. Sarangapany telah berusaha untuk mewujudkan *Tamil Reform Association* (TRC) atau Perwakilan Masyarakat Tamil

pada 1951. 32 persatuan dan pertubuhan sosial yang berlandaskan budaya dan bahasa yang wujud pada masa itu digabungkan di bawah TRC. G. Sarangapany yang menjadi Pengerusi TRC telah membentuk satu Jawatankuasa TF yang terdiri daripada 17 ahli untuk menggariskan pelbagai langkah yang bakal dilaksanakan oleh TRC. TRC bersama Jawatankuasa yang dibentuk telah menggariskan secara terperinci perisian program TF yang bakal diadakan. Program dan aktiviti telah dirancang untuk semua peringkat dari tahap bayi ke tahap warga tua. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh G. Sarangapany dan V.K. Jivanantham menjadi Setiausaha manakala Bendahari program adalah P.V. Veeramany (*Tamil Murasu* 8 Januari 1952).

Namun ketika TF dirancang oleh Jawatankuasa TRC, tarikh menjadi satu masalah yang tidak dapat ditentukan. Walaupun banyak kali diadakan mesyuarat untuk mengatasi kesukaran ini, namun penentuan tarikh yang sesuai untuk TF masih menghadapi kebuntuan. Menurut Murugu Srineevasan, pada ketika itu, TRC telah mendapatkan nasihat dan pandangan seorang pendita Tamil bernama Re. Ra. Aiyaru untuk menetapkan satu tarikh yang dapat diterima oleh semua orang. Pendita Re.Ra. Aiyaru menyatakan bahawa TF adalah satu usaha yang unik dan suci. Ini adalah kerana TF berusaha menyatukan masyarakat India yang menganut agama yang berlainan serta berinteraksi dalam pelbagai bahasa. Maka beliau menyarankan supaya TF diraikan pada 14 Januari mengikut takwim Kristian iaitu hari pertama bulan *Thai* dalam takwim Tamil (Temubual dengan Murugu Srineevasan 7 Ogos 1999). Bulan *Thai* merupakan bulan pertama mengikut kalendar orang Tamil dan diraikan sebagai Tahun Baru mereka. Tarikh ini dipilih kerana Jawatankuasa TRC menganggap bulan *Thai* sebagai bulan yang bertuah

dan tidak berkait dengan mana-mana agama. Bulan ini dianggap bertuah kerana hari pertama bulan *Thai* juga merupakan Hari *Ponggal* iaitu perayaan menuai padi yang diamalkan di India Selatan. Akhirnya tarikh ini diterima baik oleh Jawatkuasa TRC dan kadang-kala TF diraikan bersama-sama dengan Hari *Ponggal* (Ibid). Pemimpin G. Sarangapany pada masa itu yakin bahawa TF adalah amat signifikan dalam mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat India. Dalam Editorial *Indian Daily Mail*, pada 13 Januari 1952, matlamat dan kepentingan TF dihuraikan seperti berikut:

“The need for such a festival was being felt since a long time. To attain a decent social status for the Tamils, in keeping with their ancient glory of culture and civilization and command the respect of all the other communities in the Federation of Malaya. The only rational approach to the problem lies in a concerted effort of all the Tamils and the occasion and the opportunity are held out in the observance of the Tamils Festival, by all those whose mother tongue is Tamil. Tamil Festival transcends all barriers of creed, class, caste, religion, province and State. All those who cherish Tamil as their mother tongue would celebrate this Festival. This festival is not supplanting any of the existing festivals of the Hindus, Christians and Muslims. Tamils Festival is secular in motive and practice. The Tamils Festival is not calculated to sow the seed of dissension among the Indians in Malaya, but aims at fostering a spirit of unity among the different sections of Indian community as a prerequisite for unity among Malaysians” (*Indian Daily Mail* 13 Januari 1952).

Perpaduan di kalangan masyarakat India merupakan faktor utama TF dilancarkan dan perpaduan ini diusahakan melalui bahasa Tamil sebagai bahasa pengantara Perayaan ini. Ini adalah kerana walaupun masyarakat India di Malaysia terdiri dari penganut-penganut agama dari pelbagai etnik seperti Hindu, Kristian, Islam dan Buddha namun bahasa yang mereka gunakan sesama mereka untuk pertuturan harian adalah bahasa Tamil. Lebih-lebih lagi, majoriti penduduk Tanah Melayu adalah etnik Tamil maka bahasa Tamil dipilih sebagai mewakili kesemua bangsa India yang berketurunan Tamil, Telugu, Malayalam, Ceylonese dan Punjabi (Risalah *Tamilar Thirunaal* 1951). Menurut

G. Sarangapany, aspek bahasa sahaja dapat mencapai secara terperinci wawasan yang bakal dilaksanakan melalui perayaan TF. Justeru, TF telah mengwujudkan satu arena bagi orang India untuk bertemu dan bergiat sebagai satu komuniti tanpa mengira kasta, agama dan keturunan. Memetik kata-kata G. Sarangapany,

Selain masyarakat India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa perantaraan, masyarakat lain yang boleh berbahasa Tamil juga harus meraikan TT dan harus rasa bangga terhadap bahasa perpaduan iaitu Tamil. Oleh yang demikian, masyarakat India yang menggunakan bahasa Tamil harus menggunakan pentas TT sebagai medan untuk menyatukan masyarakat India dan memajukan bahasa, bangsa serta kebudayaan mereka. (*Tamil Murasu* 14 Januari 1952).

Di samping itu, TF mendukung cita-cita yang lebih tinggi iaitu untuk memberi kesedaran nasionalisma kepada masyarakat India dengan mengwujudkan perasaan cintakan tanahair dan menunjukkan ketaatsetiaan kepada Tanah Melayu. Pada masa yang sama, masyarakat India diseru supaya menjadi warganegara tetap negara ini. Kesemua ini dicapai melalui program-program TF yang akan dihuraikan dalam bab empat.

G. Sarangapany bersama-sama dengan jawatankuasa Perayaan TF dan TRC bekerja keras untuk menjayakan Perayaan TF. G. Sarangapany menggunakan *Indian Daily Mail* dan *Tamil Murasu* sebagai dua akhbar utama untuk mengiklankan pesta ini secara besar-besaran bermula pada November 1951. Ini dilakukan untuk menghebohkan jenis-jenis aktiviti yang diadakan dan juga bagi mendapatkan peserta-peserta dan derma. Dalam masa tiga bulan iaitu antara November 1951 hingga 14 Januari 1952, sebanyak \$2107.14 dikumpulkan untuk menjayakan pesta TF (Tinjauan akhbar *Tamil Murasu* November 1951 hingga Januari 1952).

Antara kategori aktiviti-aktiviti yang dianjurkan adalah Majlis sastera seperti pertandingan menulis cerpen dan puisi serta mendeklamasi sajak, pertandingan melukis, pertandingan menyanyi (lagu-lagu bukan agama seperti *Thirukkural* dan lagu sekular) dan menari, pertandingan pidato dan lakonan drama; kategori wanita adalah sulaman dan menjahit, memasak, pertunjukan fesyen sari dan melukis kolam<sup>6</sup> manakala bagi lelaki pula adalah permainan atau sukan *sadu-gudu* (*Kabidi*), pertandingan seni mempertahankan diri silambam, sukan; lumba lari 100 meter, 400 meter, bola sepak dan badminton (*Tamil Murasu* 7 Januari 1952).

Dalam setiap pesta TF, tema bercirikan semangat kebangsaan, patriotisme, cintakan bahasa, bangsa dan budaya. Antara tema yang digunakan dalam semua pertandingan sastera, menulis dan mendeklamasi sajak adalah seperti berikut “Cintailah Malaya”, “Anggaplah Malaya sebagai Tanahair”, “Tanggungjawab Kita terhadap Negara ini”, “Tunjukkan Ketaatsetiaan kepada Malaya”, “Teguh atau Lemah Perpaduan di kalangan masyarakat India” dan “Tamil Jiwa Kami” (*Tamil Murasu* 7-8 Januari 1952).

Perayaan TF pertama kali diraikan di Stadium Jalan Besar, Singapura dan di Dewan Pekerja Kerajaan Kangar, Perlis pada masa yang sama. Tujuan sambutan diadakan serentak di Perlis dan Singapura adalah untuk menunjukkan bahawa semangat Tamil wujud dari utara ke selatan dan akan tersebar luas ke seluruh negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Sambutan dan sokongan masyarakat India terhadap TF amat memberangsangkan apabila Stadium ini dibanjiri seramai 5000 orang dari pelbagai

---

<sup>6</sup> *Kolam* adalah satu lukisan yang berseni berdasarkan tema alam dan binatang khususnya burung merak, gajah, garuda dan lain-lain yang dihasilkan dengan tangan dan tepung beras yang berwarna-warni digunakan untuk mencorakkan tema-tema tadi dalam satu bentuk yang menarik.

keturunan. Sesungguhnya Jawatankuasa TF dan TRC telah berjaya dalam mempromosikan TF dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan mendapat sambutan hangat para peserta. G. Sarangapany berasa terharu dengan kesedaran dan sokongan yang diberikan oleh masyarakat India terhadap perayaan TF. Beliau memperingatkan masyarakat India untuk terus menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa perpaduan untuk mencapai kerjasama antara semua etnik India. Semasa berucap dalam perayaan TF yang pertama itu, G. Sarangapany menjelaskan bahawa,

“Selain masyarakat India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa perantaraan, masyarakat lain yang boleh berbahasa Tamil juga harus bersatu melalui *Tamilar Thirunaal*. Mungkin masyarakat India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi terdiri daripada penganut agama yang berlainan seperti masyarakat yang beragama Kristian, Hindu, Buddha dan Muslim. Oleh kerana mempunyai agama yang berlainan, kita tidak boleh mengeneipkan mereka dalam sambutan pesta ini. Mereka mempunyai hak untuk mengamalkan agama masing-masing dan juga mempunyai hak yang sama untuk bersatu melalui *Tamilar Thirunaal* dan berasa bangga terhadap diri sendiri. Oleh yang demikian, masyarakat India yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa ibunda harus menggunakan pentas *Tamilar Thirunaal* sebagai medan untuk menyatukan masyarakat India dan memajukan bahasa, bangsa serta kebudayaan mereka” (7 Januari 1952).

Arus semangat TF bukan sahaja dapat dirasai di kalangan masyarakat India di Singapura dan Perlis, malah semangat tersebut turut memberi kesan kepada masyarakat India di Tanah Melayu. Peranan G. Sarangapany yang sering meluahkan pandangan dan pendapatnya mengenai TF melalui Lidah Pengarang Tamil Murasu turut meningkatkan semangat masyarakat India di Tanah Melayu. TF mula diraikan di Dewan Majlis Perbandaran, Pulau Pinang pada 18 Januari 1952 dan di Dewan Negeri, Kuala Lumpur pada 19 Januari 1952 (Tinjauan *Tamil Murasu* Januari 1952). Ringkasnya, sambutan TF pertama di Singapura dan Perlis telah menjadi titik tolak kepada kemunculan perayaan

TF di seluruh Tanah Melayu pada tahun-tahun berikutnya. Singapura dan Perlis telah berjaya mencapai misi dan visi perayaan TF iaitu untuk menyedarkan masyarakat India berkenaan kepentingan perpaduan dan juga pemeliharaan dan penerusan tradisi budaya, bahasa dan seni India. Sebelum TF dilancarkan, tidak ada sebarang persatuan sosial di Tanah Melayu yang berjaya dalam menyatukan ribuan masyarakat India dalam satu program seperti yang dianjurkan oleh G. Sarangapany. Menurut En. M. Tanggasamy, pelopor TF di Melaka,

“Kepimpinan dan kehebatan G. Sarangapany dan rakan-rakan seperjuangan dalam *Tamilar Thirunaal* adalah punca utama kejayaan *Tamilar Thirunaal*. Mereka telah bertungkus-lumus untuk mengadakan pelbagai aktiviti di samping mempromosikan perayaan *Tamilar Thirunaal* dengan begitu giat sekali. Tiap-tiap hari ada pelbagai maklumat berkenaan *Tamilar Thirunaal* yang disiarkan dalam akhbar *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*. Maka masyarakat India sentiasa mendapat semangat dari masa ke semasa. Tanpa promosi sedemikian dalam akhbar G. Sarangapany adalah mustahil untuk mencapai kejayaan gilang-gemilang pada tahun 1952 yang meletakkan landasan utama kejayaan *Tamilar Thirunaal*” (Temubual dengan En. M. Tanggasamy pada 15 Mac 2003).

TF adalah satu perayaan yang sangat unik sekali kerana tidak seperti kebanyakan perayaan masyarakat India yang lain berdasarkan agama, TF adalah satu perayaan sekular yang mementingkan perpaduan bangsa, bahasa dan budaya. Malah pada tahun selepas 1952, kita dapat saksikan bagaimana kaum Melayu dan Cina turut mengambil bahagian dalam pesta TF. Kita dapat menyatakan dengan bangga perayaan TF adalah satu-satunya perayaan tunggal yang wujud pada masa itu yang diraikan secara-cara besar-besaran dengan tujuan membawa perpaduan di kalangan masyarakat India. Pada masa itu belum ada sebarang perayaan yang hampir menyerupai TF yang pernah dianjurkan dalam skel besar-besaran untuk mana-mana kaum lain di Malaysia.

Ternyata kejayaan perayaan TF telah membawa kepada perkembangan pada dua dekad selanjutnya yang turut dipanggil sebagai zaman keemasan TF.

## **2.2 Perkembangan Perayaan *Tamilar Thirunaal* di Malaysia**

Walaupun TF diasaskan 54 tahun yang lalu, namun keunikan dan objektif TF yang istimewa telah menyebabkan TF disambut sehingga ke alaf baru ini. Kelahiran TF yang pertama pada tahun 1952 telah menjadi satu peristiwa signifikan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Bagi masyarakat India di Tanah Melayu, TF dianggap sebagai perayaan yang menghidupkan semangat bersatupadu dan semangat memperjuangkan kemajuan bahasa, bangsa dan kebudayaan masyarakat India. Kesedaran masyarakat India terhadap pentingnya TF sangat memberangsangkan apabila TF mula menjadi aktiviti tahunan masyarakat India Tanah Melayu.

Perkembangan TF daripada tahun pengasasan sehingga ke alaf ini dapat diperhatikan melalui tiga peringkat. Peringkat pertama ialah daripada tahun pengasasan TF sehingga ke tahun 1970 manakala peringkat kedua adalah daripada tahun 1971 hingga ke tahun 1990. Peringkat ketiga pula akan menyentuh jangkamasa 15 tahun iaitu dari tahun 1991 hingga 2005. Kajian terhadap TF mengikut peringkat-peringkat ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai sambutan dan kesetiaan yang diberikan oleh masyarakat India terhadap perayaan TF. Perbincangan selanjutnya akan difokuskan pada tahap perkembangan pertama iaitu dari tahun 1952 sehingga 1970.

### **2.2.1 Perkembangan Perayaan Tamilar Thirunaal dari Tahun 1952 sehingga Tahun 1970**

Tahap pertama perkembangan TF di antara tahun 1952 dan 1970 boleh dibahagikan kepada dua period. Period pertama iaitu antara tahun 1952 hingga 1961 dan period kedua meliputi antara tahun 1961 hingga 1970. Period pertama boleh dirujuk sebagai era pengasasan dan penginstitutionian TF atau zaman kegemilangan TF. Memetik perkataan Encik M. Thanggsamy, "period antara tahun 1952 hingga 1961 adalah zaman keemasan TF" (Temubual dengan En. M. Thanggasamy pada 21 April 2004). Manakala pada period antara tahun 1961 hingga 1970 pula dipanggil sebagai zaman persaingan antara perayaan TF dan Pesta Ponggal dan juga era kemerosotan TF. Pada tahap pertama ini, tokoh pengasas iaitu G. Sarangapany dan tokoh-tokoh TF seperjuangan seperti T.P. S. Krishnasamy, C.T. Ramasamy dan ramai tokoh TF telah memperjuangkan objektif dan matlamat perayaan ini dengan semangat dan pendirian yang teguh.

Tokoh pengasas TF iaitu G. Sarangapany yang kemudiannya digelar sebagai *Bapa Tamilar Thirunaal* kerana kejayaan TF bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi juga berkembang ke negara-negara jiran seperti Siam, Burma dan juga Afrika Selatan. Pada tahun 1952, G. Sarangapany terkenal sebagai tokoh bahasa dan budaya yang sangat disegani dan disanjung oleh masyarakat India Tanah Melayu. Ini adalah kerana G. Sarangapany bukan sahaja melahirkan TF yang pertama pada tahun 1952 tetapi telah menyemarakkan semangat keindiaan di kalangan masyarakat India. Pada tahun pengasasan TF hanya empat tempat sahaja yang terlibat dalam perayaan TF iaitu di Perlis, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura.

Walaupun pada tahun pengasasan TF hanya empat kawasan sahaja yang terlibat dalam sambutan perayaan namun pada tahun-tahun berikutnya angka ini menunjukkan satu peningkatan yang sangat menarik. Mengikut maklumat yang diperolehi menerusi kajian ke atas *Tamil Murasu* dan *Tamil Nesan*, pada tahun 1953 sebanyak 20 kawasan di Tanah Melayu telah menyambut TF dengan meriah sekali. Antara kawasan tersebut adalah Singapura, Kuala Lumpur, Kulim, Kedah, Dato Kramat di Pulau Pinang, Sitiawan, Ipoh, Taiping di Perak, Kuala Klang, Kuala Selangor (Raja Muda Estet) Serdang Selangor, Kuala Pilah dan Kota Tinggi di Melaka, Seremban, Ladang Suro di Pahang, Muar, Batu Pahat, Segamat, dan Batu Arang serta Johor Bahru (Tinjauan *Tamil Murasu* dan *Tamil Nesan* Januari 1953).

Penglibatan pelbagai etnik India dari latarbelakang agama yang berbeza menunjukkan kepada kita bahawa sesungguhnya TF berjaya mencapai matlamat perpaduan. Misalnya TF pada tahun 1953 yang dianjurkan di Segamat, Johor adalah dipengerusikan oleh J. Isaac (*Tamil Murasu* 26 Januari 1953) . Manakala Jawatankuasa TF Pulau Pinang terdiri daripada keturunan India beragama Kristian dan Hindu iaitu Pengerusi : P.S.N. Kutaiyan dan ahli jawatankuasa T. Solomon, P.S. Murthi dan K.A. Krishnan (*Tamil Murasu* 13 Januari 1953). TF yang diadakan di Dewan Negeri, Kuala Lumpur dipengerusikan oleh R. Venkataraloo berketurunan Telugu dan Pengerusi Sukan D.R. Ramakrishna Rao juga seorang Telugu. Antara penceramah terkenal adalah Puan Devagi Krishnan dan S.O.K. Ubaidulla. Menurut Encik M. Dhurairaj,

“Kejayaan *Tamilar Thirunaal* adalah kerana penglibatan masyarakat India tanpa mengira keturunan, kaum dan latarbelakang agama. Semangat perpaduan ini dibawa oleh G. Sarangapany seorang keturunan Telugu namun sehingga beliau meninggal dunia tetap memperjuangkan bahasa dan budaya Tamil. Beliau telah menjadikan dirinya sebagai model untuk diikuti oleh etnik India lain. G. Sarangapany sedar bahawa pendidikan Tamil adalah sangat penting dalam memajukan masyarakat India. Maka bahasa Tamil harus dijadikan bahasa perantaraan di antara pelbagai etnik India. Sebab itulah, G. Sarangapany amat mengutamakan penglibatan pelbagai etnik India dalam Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* untuk mencapai matlamat murninya ‘Bersatu dan Maju’ “ (Temubual dengan M. Dhurairaj pada 1 November 2004).

Kejayaan TF pada tahun 1953 telah menyebabkan Puan Devaki Krishnan mengemukakan cadangan membuat permohonan bagi cuti umum sempenan *Tamilar Thirunaal*. Menurut Devaki Krishnan, saranan tersebut harus dikemukakan kepada Kerajaan Tanah Melayu (*Tamil Murasu* 22 Januari 1953). Namun begitu, saranan itu tidak diambil berat oleh kerajaan British pada masa itu.

Perayaan TF pada tahun 1954 adalah meningkat sebanyak 6 kawasan berbanding tahun sebelumnya. Tetapi tahun 1955 merupakan tahun paling gemilang dalam sejarah perayaan TF iaitu sebanyak 54 kawasan di seluruh Tanah Melayu yang meraikan TF. Jumlah ini merupakan lebih daripada dua kali ganda jumlah kawasan yang terlibat dalam perayaan TF 1953. Menurut T.K. Narayansamy, peningkatan yang mendadak ini adalah akibat daripada kesedaran sejarah dan budaya Tamil yang wujud di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu untuk memperkenalkan perayaan TF di kawasan masing-masing (Temubual dengan T.K. Narayanasamy pada 20 April 2004). Ramai belia India tampil ke hadapan untuk memikul tanggungjawab *memperkenalkan* perayaan TF. Memetik kata-kata Dato’ K. Kumaran,

“Penampilan para belia Tamil dalam *Tamilar Thirunaal* adalah kerana penubuhan Kelab Bell Belia Tamil oleh G. Sarangapany pada tahun 1954 yang selaras dengan perkembangan *Tamilar Thirunaal*. G. Sarangapany sedar bahawa jentera *Tamilar Thirunaal* yang sebenar adalah golongan belia dan merekalah yang harus dipupuk dan dibimbing dalam bahasa dan budaya Tamil supaya dapat meneruskan warisan silam bangsa India” (Temubual dengan Dato’ K. Kumaran pada 1 November 2004).

G. Sarangapany memainkan peranan penting dalam usaha menubuhkan Kelab Bell Belia Tamil di Malaysia. Penubuhan Kelab ini memperlihatkan betapa pentingnya masa depan belia bagi G. Sarangapany. Beliau berpandangan bahawa dengan adanya sebuah organisasi belia maka ia dapat memberi peluang untuk kaum belia bergiat cergas tanpa melibatkan diri dalam gejala-gejala sosial yang tidak diingini. Kelab ini wujud rentetan dari Kelab Bell Kanak-Kanak Sekolah yang diasaskan pada akhir tahun 1940an. Kelab Kanak-Kanak ini adalah satu ruangan khas untuk kanak-kanak yang muncul dalam akhbar *Tamil Murasu*. Murid-murid yang ingin menjadi ahli dalam kelab ini mestilah menghantarkan gambarfoto dan alamatnya untuk diterbitkan dalam ruangan khas ini. Melalui alamat-alamat yang disiarkan dalam *Tamil Murasu*, para pelajar digalakkan untuk berkomunikasi antara satu sama lain sebagai tanda persahabatan sebahasa. Ruangan ini turut memuatkan rencana atau karangan yang ditulis oleh murid-murid ini (Tinjauan akhbar *Tamil Murasu* tahun 1950-an). Dengan cara ini, kanak-kanak sekolah Tamil berpeluang mempertingkatkan pengetahuan bahasa dan sastera Tamil.

Kelab Kanak-Kanak ini kemudiannya menjelma sebagai Kelab Bell Belia Tamil (KBBT) atau *Ilainyar Manimandram* pada tahun 1954. Kelahiran Kelab Bell Belia Tamil adalah untuk menyediakan satu landasan kepada kanak-kanak yang memasuki alam

remaja supaya tidak terputus dari dunia ilmu pengetahuan. Di samping itu, KBBT bertujuan untuk memupuk semangat Tamil di kalangan belia Tamil (*Buku Cenderamata Konvensyen Jubli Perak KBBT 1992*). Penubuhan KBBT yang bermula di Pulau Pinang diikuti dengan penubuhan di semua negeri di Tanah Melayu (*Buku Cenderamata Konvensyen Kebangsaan KBBT Ke-7 1970*). Hampir beribu-ribu belia Tamil telah menyertai KBBT dan ini telah mendorong G. Sarangapany untuk menggabungkan seluruh KBBT di bawah satu Majlis Kebangsaan. Melalui KBBT G. Sarangapany berharap untuk mengwujudkan satu generasi belia India yang progresif, dinamik dan berwawasan dan kebanyakan belia yang ini merupakan pelopor TF dan masih bergiat aktif sehingga ke hari ini. Antara mereka adalah Dato' K. Kumaran dari Bukit Mertajam, Ma. Se. Mayadevan di Taiping, Mu. Su. Maniam di Ipoh, Ma. Ramaiah di Tangkak, Johor dan ramai lagi yang masih berkhidmat dalam dunia TF [Sila lihat Lampiran 2.1].

Kemunculan tokoh-tokoh muda bukan setakat memperkenalkan TF sahaja malah mereka juga turut bergiat cergas untuk menyedarkan masyarakat India mengenai kepentingan dan kebaikan TF. Pelbagai syarahan dan ucapan diberikan kepada masyarakat India supaya mereka sedar dan bangga dengan kepentingan dan keistimewaan perayaan TF. Selain daripada faktor di atas, peningkatan yang mendadak pada tahun 1955 juga turut dipengaruhi oleh tindakan G. Sarangapany menyiarkan iklan demi iklan di samping memuatkan berita-berita TF dan rencana-rencana kritis berkenaan TF dalam Lidah Pengarang serta sudut pembaca *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*. Pada hari ini, liputan berita serta iklan yang dibuat adalah tidak sehebat zaman G. Sarangapany. Beliau sedar bahawa iklan, berita dan risalah adalah antara peralatan paling

penting untuk memperkenalkan TF. Maka pada tahun 1955, sebuah risalah yang mengandungi penerangan mengenai kepentingan dan tujuan perayaan TF diedarkan oleh tokoh-tokoh belia di seluruh Tanah Melayu. Risalah ini terdiri dari empat bahasa iaitu bahasa Melayu, Tamil, Cina dan Inggeris supaya konsep dan wawasan TF turut dapat difahami oleh masyarakat Cina, Melayu dan kaum-kaum lain di Tanah Melayu. Usaha G. Sarangapany berjaya apabila 54 kawasan meraikan TF pada tahun 1955. Antara kawasan yang terlibat dapat diperhatikan daripada Jadual 2.1. Sesetengah negeri seperti Kedah dan Perak meraikan TF di kebanyakan kawasan perladangan.

**Jadual 2.1 : Kawasan yang Meraikan Tamilar Thirunaal Pada Tahun 1955**

NEGERI	KAWASAN
Singapura	Jalan Besar Stadium
Johor	Johor Bahru, Kluang, Segamat, Mersing
Kuala Lumpur	Cheras
Selangor	● Serdang, Kajang, Kuala Langat, Banting, Sepang
Pahang	Cameron Highlands
Kedah	Alor Setar, Alor Gajah, Sungai Petani, Padang Serai, Bidong, Kuala Muda, Bagan Datoh (melibatkan 8 estet)
Perak	Ipoh, Taiping, Sitiawan, Kampar (melibatkan 8 estet), Tanjong Rambutan, Alor Gajah, Kuala Kangsar, Tapah
Melaka	Batang Melaka, Kota Tinggi, Alor Gajah, Jasin
Negeri Sembilan	Port Dickson, Seremban, Rembau
Perlis	Kangar
Pulau Pinang	Padang Weld Quay, Bagan Serai, Parit Buntar, Seberang Perai

Sumber: Disusun dari *Tamil Murasu* Januari –Februari 1955

Kejayaan G. Sarangapany dapat dilihat dari peranan akhbar *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*. Tambahan pula, G. Sarangapany memiliki syarikat percetakan yang tersendiri. Menerusi kedua-dua akhbar yang disebutkan di atas, pelbagai rencana, artikel dan ucapan yang berkaitan dengan perayaan TF sering dikeluarkan dalam akhbar miliknya. Menurut Ma. Se. Mayadevan, “Kelebihan akhbar Sarangapany dalam memaparkan aktiviti dan perkembangan TF ini telah menyebabkan beliau menghampiri masyarakat dengan mudah dan sentiasa memastikan semangat TF tidak pudar dari jiwa masyarakat India. Liputan-liputan berita tentang TF yang sering diterbitkan menjadi inspirasi dan panduan kepada masyarakat India” (Temubual dengan En. Ma. Se. Mayadevan pada 22 Mei 2004).

Peningkatan yang dialami pada tahun 1955 tidak berterusan antara tahun 1956 sehingga 1960. Ini adalah disebabkan oleh masalah pentadbiran akhbar *Tamil Murasu*. Pada tahun 1960, penerbitan akhbar *Tamil Murasu* ditutup untuk setahun. Menurut En. S. Thanggiah, masalah pengurusan dan pentadbiran syarikat akhbar dan percetakan *Tamil Murasu* telah mengganggu perjalanan aktiviti *Tamilar Thirunaal*. Tambah beliau lagi, G. Sarangapany pada ketika itu tidak begitu sihat memandangkan masalah dalaman syarikatnya (*Surat-surat Peribadi* Antara S. Thanggiah dan G. Sarangapany; Temubual dengan S. Thanggiah pada 16 Mei 2003).<sup>7</sup> Secara puratanya, hanya 33 kawasan yang menyambut TF di Tanah Melayu dalam jangkamasa 5 tahun tersebut. Walaupun bilangan kawasan yang terlibat telah mengurang namun perayaan TF masih mendapat sambutan daripada masyarakat India dan diraikan dengan meriah. Misalnya pada tahun

---

<sup>7</sup> Surat-surat peribadi antara S. Thanggiah dan G. Sarangapany menunjukkan beberapa masalah tetapi yang paling utama adalah masalah kewangan.

1956, masyarakat India di Kepala Batas, Perai telah menyambut perayaan TF yang pertama dengan gabungan tenaga antara Perwakilan Tamil Pulau Pinang, masyarakat India Kepala Batas, kerani-kerani estet dan belia-belie Kepala Batas yang bersemangat. Pelbagai acara sastera, sukan dan seni diadakan.

Menurut En. N. Varatharasan, salah seorang pelopor dan ahli jawatankuasa TF Kepala Batas menyatakan bahawa kesudian masyarakat India di kawasan perladangan untuk menderma RM5 daripada gaji masing-masing telah menjayakan program-program perayaan TF (Temubual dengan En. N. Varatharasan pada 22 Mei 2004). Sambutan perayaan TF juga turut mendapat pujian dan sokongan daripada pihak kerajaan di Tanah Melayu. Pada tahun 1960, perayaan TF kali ke-enam berjaya disambut oleh Persatuan Tamil Kuantan. Perayaan TF ini dirasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang pada ketika itu iaitu W. Abd. Aziz bin U. Haji Abdullah (*Buku Cenderamata Perayaan Tamilar Thirunaal* yang Ke-6, Kuantan, 13.2. 1960). Walaupun perayaan TF mengalami sedikit penurunan pada akhir tahun 1950-an namun kesedaran dan kesetiaan masyarakat India di Tanah Melayu terhadap perayaan TF tidak jatuh menjunam. Ini kerana pada tahun 1961 sebanyak 65 kawasan di seluruh Tanah Melayu telah menunjukkan minat yang mendalam ke atas perayaan TF. Tahun 1961 merupakan satu-satunya tahun yang mencatatkan angka yang tertinggi dalam sejarah perayaan TF (Tinjauan akhbar *Tamil Murasu* Januari-Mei 1961).

Encik Ma. Se. Mayadevan seorang tokoh veteran perayaan TF menjelaskan bahawa penurunan yang mendadak ini adalah disebabkan oleh kebimbangan G.

Sarangapany dan tokoh-tokoh TF yang lain dengan tindakan Persatuan Dravida Semalaya (PDS). Persatuan Dravida telah cuba melirukan masyarakat India dengan meraikan Pesta Ponggal dan menyamakan perayaan Ponggal dengan TF. G. Sarangapany bimbang dengan tindakan Persatuan Dravida yang mengakibatkan penurunan mendadak dalam perayaan TF antara tahun 1956 dan 1960. Menurut Ma. Se. Mayadevan, antara usaha yang diambil oleh G. Sarangapany adalah dengan mengadakan perjumpaan di antara tokoh-tokoh TF dengan masyarakat India di semua estet, pekan, kampung dan bandar (Temubual dengan En. Ma Se. Mayadevan pada 22 Mei 2004). Pelbagai ucapan dan penjelasan diberi mengenai perbezaan perayaan TF dan Pesta Ponggal, tujuan, objektif dan kesan perayaan TF kepada masyarakat India. Sesi soal jawab turut diadakan di antara masyarakat India dengan pemimpin TF untuk mengikis segala pandangan serong atau negatif serta pendapat buruk mengenai TF. Usaha diambil untuk mempromosikan perayaan TF secara besar-besaran dalam akhbar *Tamil Murasu* dan langkah-langkah dibuat untuk meraikan TF di semua penempatan masyarakat India. Ternyata usaha G. Sarangapany membawa hasil apabila kesedaran diwujudkan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu mengenai kepentingan TF (Ibid).

Walaupun tahun 1961 merupakan tahun yang bersejarah untuk perayaan TF kerana mencatat angka yang paling tinggi tetapi tahun-tahun berikutnya berlaku penurunan dalam bilangan kawasan yang menyambut TF. Bilangan kawasan yang meraikan TF antara tahun 1962 hingga 1969 dianggarkan secara puratanya 40 (Tinjauan akhbar *Tamil Murasu* 1962-1969). Mengikut En. Ma. Se. Mayadevan, PDS bertanggungjawab untuk penurunan tersebut. Tetapi pada tahun 1970, hanya sebanyak 12

kawasan sahaja yang meraikan TF. Penurunan ini menunjukkan tahap kemerosotan yang drastik dan keadaan ini telah membimbangkan tokoh-tokoh TF. Kemerosotan yang mendadak ini adalah berpunca daripada sikap PDS yang menentang konsep TF dan menganggap TF sebagai persaingan kepada Pesta Ponggal yang disambut secara turun-temurun (Ibid). Seorang tokoh TF yang amat aktif di Ipoh, Dato' K. Kumaran menyatakan bahawa walaupun semangat TF tidak pudar di kalangan tokoh-tokoh TF namun kemerosotan jelas terbayang dalam bilangan kawasan yang meraikannya khususnya selepas tahun 1969. Selanjutnya kita akan menyaksikan perkembangan TF dari tahun 1971 hingga 1990.

### **2.2.2 Perkembangan Perayaan *Tamilar Thirunaal* dari Tahun 1971 sehingga Tahun 1990 di Malaysia**

Peringkat kedua dalam perkembangan TF merangkumi jangka waktu selama 20 tahun iaitu dari tahun 1971 sehingga tahun 1990. Peringkat kedua ini juga dipanggil zaman kemerosotan atau kegelapan TF di Malaysia.<sup>8</sup> Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya, pada awal tahun 1970 hingga 1973, syarikat akhbar G. Sarangapany menghadapi masalah kewangan dan pada masa yang sama G. Sarangapany mengidapi barah perut yang telah menghalang beliau daripada terlibat dalam perayaan TF. Akibat masalah kewangan dan ketiadaan kepimpinan berkesan menyebabkan perayaan TF tidak dapat disambung. Ketiadaan pengganti muda bagi pemimpin-pemimpin TF yang sudah meningkat usia seperti Mu.Su. Maniam dari Ipoh, Vallal Rengasamy dan C.T.

---

<sup>8</sup> Bahan-bahan untuk period ini diperolehi melalui tembual dan juga buku cenderamata *Tamilar Thirunaal*. Selepas tahun 1974, pejabat akhbar *Tamil Murasu* telah dipindahkan ke Singapura dan pendedaran akhbar ini terhad di Singapura. Kematian G. Sarangapany pada tahun 1974 merupakan faktor serta-merta yang membawa kepada kemerosotan TF di Malaysia. Lebih-lebih lagi, tidak ada tokoh lain yang dapat menggantikan kepimpinan G. Sarangapany dalam menganjur TF mahupun mempromosikannya.

Ramasamy dari Pulau Pinang dan G. Sarangapany di Singapura telah memperlakukan lagi semangat tokoh-tokoh lain TF. Pada masa yang sama, beberapa tokoh awal TF telah meninggal dunia dan mereka tidak dapat digantikan seperti T.P. S. Krishnasamy dan S.S. Maniam (Temubual dengan Dato' K. Kumaran pada 1 November 2004 dan En. M. Thanggasamy pada 21 April 2004).

Berbanding tahun-tahun sebelumnya, pada tahun 1971 hanya 12 kawasan sahaja yang dianggarkan terlibat dalam perayaan TF di Malaysia. Angka ini semakin menurun apabila hanya 8 kawasan sahaja dianggarkan berminat untuk menyambut perayaan TF pada tahun 1973. Bermula dari tahun 1978 sehingga tahun 1984, bilangan kawasan yang terlibat dalam perayaan TF menunjukkan penurunan yang berterusan kecuali tahun 1976 yang merekodkan 14 kawasan yang terlibat dalam perayaan TF (Temubual dengan En. Ma. Se. Mayadevan pada 8 Mei 2004, En. M. Thanggasamy pada 15 Mac 2003 dan Dato' K. Kumaran pada 1 November 2004).

Jangkamasa 10 tahun pertama dalam peringkat ini menunjukkan kemerosotan dalam jumlah kawasan yang terlibat dalam perayaan TF. Ini adalah kerana kehilangan *Bapa Tamilar Thirunal* pada Mac 1974. Kematian beliau merupakan satu peristiwa yang amat menyedihkan bagi semua komuniti India dan turut menyumbang kepada kemerosotan perayaan TF (*Tamil Murasu* 16.3.1974).

Tambahan pula, faktor akhbar juga turut menyumbang kepada kemerosotan perayaan TF. Sejak pengasasan TF, akhbar *Tamil Murasu* memainkan peranan terpenting

dalam memperjuangkan perayaan TF kerana ianya adalah akhbar pengasas *Tamilar Thirunaal*. Pelbagai artikel, rencana dan ucapan yang berkaitan dengan perayaan TF sering dikeluarkan di dalam akhbar Tamil Murasu yang dimiliki oleh G. Sarangapany. Akhbar-akhbar lain pada waktu itu seperti *Tamil Nesan* dan *Tamil Malar* tidak mempromosikan perayaan TF seperti *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*. Akhbar-akhbar ini tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap perayaan TF dan tidak memaparkan liputan-liputan berita mengenai TF (Temubual dengan En. S. Thanggiah pada 16 Mei 2003). Keadaan ini telah merintis jalan kepada kemerosotan perayaan TF sehingga tahun 1990.

Walaupun mengalami penurunan yang mendadak, perayaan TF masih diraikan di beberapa tempat di Malaysia khususnya di Melaka, Taiping, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh iaitu kawasan utama TF sejak 1952. Contohnya pada tahun 1980, Persatuan Tamil Melaka menganjurkan perayaan TF dengan meriah (*Risalah Tamilar Thirunal* Melaka 1980). Jangka masa 10 tahun yang kedua dari 1981 sehingga tahun 1990 masih mencatatkan kemerosotan. Pada tahun 1981, lebih kurang 10 kawasan sahaja yang terlibat tetapi jumlah ini menjunam kepada 5 kawasan pada tahun 1990 (Temubual dengan En. Thanggasamy 15 Mac 2003, En. S. Thanggiah pada 16 Mei 2003, Dato' K. Kumaran pada 1 November 2004).

Menurut En. M. Thanggasamy, Pengerusi *Tamilar Thirunaal* Melaka, kekurangan pelajar yang mendaftar di sekolah-sekolah Tamil merupakan factor utama yang membawa kepada penurunan mendadak dalam kawasan yang meraikan TF. Kata beliau,

“Apabila bilangan pelajar di sekolah-sekolah Tamil berkurangan maka penglibatan para pelajar dalam perayaan *Tamilar Thirunaal* juga akan berkurangan kerana setiap aktiviti TF melibatkan pelajar-pelajar sekolah Tamil serta belia-belia yang berpendidikan Tamil. Apabila kurangnya golongan kanak-kanak dan belia yang berpendidikan Tamil maka kuranglah peluang mengadakan TF” (Temubual dengan En. M. Thanggasamy 21 April 2004). Salah seorang tokoh TF pada tahun 1970-an iaitu En. T. K. Narayansamy turut menyatakan bahawa “Tanpa perkembangan pendidikan Tamil, perayaan *Tamilar Thirunaal* tidak boleh mengecapi kejayaan. Pendidikan Tamil merupakan nadi utama perayaan *Tamilar Thirunaal*” (Temubual dengan En. T. K. Narayanasamy pada 23 April 2004).

### **2.2.3 Perkembangan Perayaan *Tamilar Thirunaal* dari Tahun 1991 sehingga Tahun 2005 di Malaysia**

Perkembangan perayaan TF dalam jangkamasa 1991 sehingga 2005 dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 10 tahun pertama iaitu 1991 hingga 2000 dan dari 2000 hingga 2005. Period pertama iaitu dari tahun 1991 hingga 1999 adalah zaman kemerosotan yang berlanjutan dari period 1980-an. Manakala period kedua adalah bermula pada tahun 2000 dan tamat pada 2005 dilihat sebagai zaman kebangkitan *Tamilar Thirunaal*. Period pertama iaitu daritahun 1991-1999 menunjukkan perkembangan yang agak seimbang walaupun bilangan kawasan yang meraikan TF adalah kurang sekali. Kawasan-kawasan seperti Taiping, Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Tangkak, Johor merupakan antara kawasan-kawasan yang sering terlibat dalam perayaan TF dari tahun 1991 sehingga 1999. Mengikut maklumat yang diperolehi daripada Buku Cenderamata serta Risalah dan tokoh-tokoh *Tamilar Thirunaal* di Pulau Pinang, Taiping, Kuala Lumpur,

Melaka dan Johor, hanya enam kawasan sahaja yang menyambut perayaan TF pada tahun 1991, enam kawasan pada 1993 dan tujuh kawasan pada 1994. Sehingga tahun 1999, perayaan TF tidak menunjukkan perkembangan yang menarik kerana secara puratanya hanya enam kawasan sahaja di Malaysia yang menyambut perayaan TF dari tahun 1991 sehingga tahun 1999. Ini adalah kerana tokoh-tokoh TF seperti K. Sonaimuthu (Pulau Pinang), Ma. Se. Mayadevan (Taiping), S.P. Narayanan (Kuala Lumpur), M. Thanggasamy (Melaka) dan M. Ramaiah (Tangkak, Johor) meneruskan tradisi TF (Temubual dengan En. M.S. Mayadevan pada 22 Mei 2004).

Perkembangan perayaan TF pada tahun 1990-an menunjukkan perkembangan yang lembab. Tetapi kewujudan alaf baru menampakkan satu permulaan yang baik bagi perayaan TF yang kembali mashyur di kalangan masyarakat India. Ini adalah kerana pada tahun 2000 sebanyak 13 kawasan di seluruh Malaysia telah menyambut perayaan TF. Taiping, Ipoh, Kuala Lumpur, Seremban, Johor Bahru, Segamat, Kampung Sungai Kayu dan Semenyih, Kajang adalah antara kawasan-kawasan meraikan TF (*Makkal Osai* 24 Februari 2000; Tinjauan ke atas *Malaysian Namban* dari Januari ke Mei 2000).

Perayaan TF di Ipoh pada tahun 2000 merupakan perayaan yang mendapat pujian ramai tokoh veteran TF di Malaysia. Ini adalah kerana sebanyak 28 persatuan dan pertubuhan kebudayaan dan sosial mengambil bahagian untuk menjayakan perayaan TF. Seramai 1300 orang penonton telah mengambil bahagian dalam perayaan TF yang diadakan di Dewan Bandaraya Ipoh (*Makkal Osai* 24 Februari 2000). Selain Ipoh, masyarakat India di Kuala Lumpur juga menyambut perayaan TF pada tahun 2000.

Jawatankuasa perayaan TF yang diketuai oleh S. B. Narayanasamy bersama-sama 17 anggota yang lain telah berjaya menyambut perayaan TF pada 26 Februari 2000 bertempat di Dewan Sri Soma, Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur. Peningkatan perayaan TF bermula pada tahun 2000 adalah berpunca dari semangat Jawatankuasa Penganjur *Persidangan G. Sarangapany*. Menurut Dato' K. Kumaran, apabila *press release* berkenaan Persidangan ini dikeluarkan pada Mei 1999, ianya telah mencetuskan kesedaran dan semangat berkobar-kobar di kalangan penganjur *Tamilar Thirunaal* (Temubual dengan Dato' K. Kumaran pada 1 November 2004).

Sambutan perayaan TF bertambah hebat pada tahun-tahun berikutnya iaitu dari 2001 sehingga 2005. Menurut kebanyakan veteran *Tamilar Thirunaal* seperti M. Thanggasamy, S. Thanggiah, M. Ramaiah dan T.K. Narayanasamy, peningkatan mendadak dalam kawasan yang meraikan perayaan TF ini adalah disebabkan oleh pelancaran *press release Persidangan G. Sarangapany* pada Mei 1999. Persidangan ini julung kali diadakan pada 12 dan 13 Ogos 2000 untuk mengenang jasa Pengasas TF sejak kematian beliau pada tahun 1974. Menurut M. Thanggasamy, persidangan ini telah berjaya menyemarakkan kembali inspirasi dan semangat *Tamilar Thirunaal* di kalangan masyarakat India. Kata beliau, "Bukankah G. Sarangapany ini Bapa *Tamilar Thirunaal* dan selama ini tiada sesiapa pun mengenali dirinya serta perjuangan beliau dalam menganjurkan perayaan *Tamilar Thirunaal*. Generasi muda pada hari ini langsung tidak mengenalinya. Melalui persidangan ini dua buku telah berjaya diterbitkan dan buku pertama iaitu *G.Sarangapany: 1903-1974* mengandungi lebih dari 100 gambarfoto beliau dan juga kisah-kisah pergelutan dan pencapaian beliau selama 50 tahun di Malaysia

untuk mengangkat martabat bahasa dan budaya Tamil. Tanpa disedari, ceramah-ceramah persidangan yang menarik lagi hebat telah menyemarakkan semangat ramai veteran dan golongan muda. Pastinya peningkatan dalam kawasan yang meraikan perayaan *Tamilar Thirunaal* pada 2001 adalah berpunca dari persidangan pada tahun 2000” (Temubual dengan M. Thanggasamy 15 Mac 2004).

Pada tahun 2001, seramai 22 kawasan meraikan TF. Manakala tahun 2002 menyaksikan peningkatan dan sebanyak 32 kawasan yang meraikannya. Pada tahun 2003 hingga 2005, purata kawasan yang meraikan perayaan TF adalah sebanyak 30 kawasan (Tinjauan akhbar *Makkal Osai* dan *Malaysian Nanban* antara tahun 2000-2005). Menurut S. Thanggiah yang mempunyai pandangan yang sama dengan M. Thanggasamy bahawa pencapaian yang gemilang dalam bilangan kawasan ini adalah disebabkan oleh arus kesedaran Tamil yang dibawa oleh *Persidangan G. Sarangapany* pada tahun 2000. Tambah beliau, “Tanpa persidangan ini, perayaan *Tamilar Thirunaal* mungkin tidak akan dibangunkan kembali seperti di zaman keagungannya. Daripada apa yang saya saksikan sejak 2001, perayaan *Tamilar Thirunaal* diraikan oleh semua negeri dan kawasan dalam bilangan yang menakjubkan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum 2000” (Tembual dengan M. Thanggasamy pada 21 April 2005).

### 2.3 Rumusan

Kesedaran dan semangat keTamilan yang dibawa oleh G. Sarangapany menerusi *Tamilar Thirunaal* telah mencetuskan perasaan cintakan bahasa dan budaya Tamil di kalangan masyarakat India. Perkembangan perayaan TF jelas menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan sejak tahun pengasasannya sehingga tahun 1960. Kita dapat menyaksikan bagaimana perayaan TF berusaha untuk menyatupadukan masyarakat India yang telah dipecah perintah oleh British. Aktiviti-aktiviti TF dirancang untuk memperkukuhkan lagi kesedaran masyarakat India supaya memelihara dan memperkembangkan bahasa, seni dan budaya Tamil untuk kemajuan masyarakat India. Walaupun tahun 1961 mencatatkan angka tertinggi dalam bilangan kawasan yang terlibat dalam perayaan TF namun tahun-tahun yang berikutnya mencatatkan penurunan yang drastik. Ini adalah disebabkan oleh kemunculan Persatuan Dravidia SeMalaya yang bersaing dengan TRC dalam menyeru masyarakat India di Tanah Melayu untuk menyambut perayaan *Ponggal* sebagai perayaan kebudayaan berbanding TF. Ini adalah faktor utama kejatuhan TF. Walau bagaimanapun kemunculan 13 kawasan yang tampil menyambut TF pada tahun 2000 telah memberikan nafas baru kepada perayaan TF. Kebangkitan semula TF adalah disebabkan oleh *Persidangan G. Sarangapany* yang julung kali diadakan dengan tujuan menyemarakkan perasaan dan kesedaran masyarakat India berhubung kemunduran dan kemiskinan serta keranapan bahasa Tamil. Perbincangan dalam bab seterusnya akan menyentuh tentang Persatuan Dravida SeMalaya dan perjuangan G. Sarangapany dalam mempertahankan perayaan TF.

### Bab 3

#### Perayaan *Tamilar Thirunaal* dan Persatuan Dravidia SeMalaya

##### 3.0 Pengenalan

Sekitar penghujung tahun 1950-an, Persatuan Dravida SeMalaya (PDS) telah menunjukkan perasaan tidak puashati dengan perayaan TF. PDS memulakan kempen persaingan dengan perayaan TF. Konsep yang dilaung-laungkan oleh Persatuan Dravida SeMalaya sebagai persaingan kepada *Tamilar Thirunaal* adalah “Perayaan *Ponggal* adalah sama dengan perayaan *Tamilar Thirunaal*. Kelancaran sambutan perayaan TF di kalangan masyarakat India menghadapi halangan apabila PDS mempopularkan perayaan *Ponggal* sebagai perayaan kebudayaan. Tindakan PDS yang memberi persaingan hebat telah membimbangkan G. Sarangapany dan rakan-rakan seperjuangan yang bertungkus-lumus mengadakan TF. Justeru, bab ini akan membincangkan persaingan dan penentangan yang diberikan oleh PDS terhadap perayaan *Tamilar Thirunaal*. Penulis juga akan melihat kesan yang wujud di kalangan masyarakat India akibat penentangan PDS.

### 3.1 Pesta *Ponggal* dan Pendirian Persatuan Dravidia SeMalaya

Perayaan *Thai Ponggal* ialah suatu perayaan yang berkaitan dengan masyarakat tani. Sambutan perayaan menuai ini juga diamalkan di Sabah dan Sarawak walaupun berbeza dengan *Thai Ponggal*. *Thai Ponggal*<sup>9</sup> adalah perayaan yang paling meriah disambut oleh masyarakat Tamil di India Selatan. Di Malaysia, walaupun masyarakat India tidak terlibat dalam penanaman padi tetapi perayaan *Ponggal* masih disambut sebagai suatu tradisi dan diraikan di rumah-rumah kediaman dan di kuil. Perayaan ini bermula dengan sambutan *Makara Sankranti*<sup>10</sup> iaitu permulaan sambutan perayaan *Thai Ponggal*.

*Thai Ponggal* atau *Suria Ponggal* adalah nama yang diberikan kepada perayaan pesta menuai. Pada dasarnya, *Thai Ponggal* disambut sebagai tanda kesyukuran dan terima kasih terhadap Dewa Suria dan Dewa Indra (Dewa yang menurunkan hujan) yang memainkan peranan penting dalam menjayakan pertanian. Biasanya satu tapak disediakan di halaman rumah untuk mengadakan *Ponggal* iaitu menanak nasi dengan campuran susu dan gula. Tapak tersebut dibersihkan dan dihiaskan dengan *kolam* iaitu lakaran pelbagai corak dengan menggunakan tepung beras. *Kolam* ini selalunya dicorakkan oleh kaum wanita. Sebuah periuk baru berbentuk buyung yang diperbuat

<sup>9</sup> *Thai Ponggal* terdiri dari dua perkataan iaitu *Thai* ialah nama bulan pertama dalam kalendar Tamil iaitu dari Januari hingga Februari manakala *Ponggal* pula bereti meruap. Pada hari *Thai Ponggal* iaitu 14 Januari nasi akan dimasak bersama susu dalam periuk sehingga meruap dan dimasukkan gula ke dalam periuk untuk menjadikannya nasi manis. Nasi manis ini juga dipanggil *Ponggal*.

<sup>10</sup> *Makara Sankranti* ialah permulaan sambutan *Thai Ponggal*. Menurut Kalendar Hindu, satu tahun dibahagikan kepada dua bahagian iaitu separuh tahun pertama (15 Januari – 15 Julai) dan separuh tahun kedua bermula 16 Julai hingga 14 Januari. Separuh tahun pertama dikenali sebagai *Uttarayana* dan separuh tahun kedua dikenali sebagai *Dakshinarayana*. Sewaktu *Uttarayana*, matahari akan bergerak dari selatan ke utara. Pergerakan ini dianggap sebagai waktu yang paling bertuah dan pergerakan ini dikenali sebagai *Makara Sankranti*.

daripada tanah liat disediakan. Beras baru yang dituai akan dimasak dalam periuk tersebut bersama susu dan air. Upacara ini akan diadakan pada awal pagi iatu semasa matahari terbit (Rajantharan et al 1994:24-25). Perayaan *Ponggal* penting bagi masyarakat India kerana terdapat kepercayaan bahawa sekiranya masakan tersebut meruap dengan baik, ia akan membawa kegembiraan yang berpanjangan dan berkekalan. Nasi yang dimasak dikenali sebagai *Ponggal*, *Pukkai* atau *Tincoru* yang bererti nasi manis. Nasi dihidangkan di atas daun pisang bersama kuih-muih yang lain dan disajikan kepada Dewa Suria. Perayaan *Ponggal* selalunya diraikan di rumah dan juga di kuil dengan upacara yang istimewa. Selalunya perayaan *Ponggal* akan diraikan selama 3 hari. Hari pertama meraikan *Thai Ponggal*, hari kedua disambut untuk menghargai jasa lembu dan ia dikenali sebagai *Mattu Ponggal*.<sup>11</sup> Perayaan pada hari ketiga dikenali sebagai *Kanni Ponggal*.<sup>12</sup> Perayaan *Ponggal* merupakan perayaan yang diraikan secara tradisi oleh masyarakat India sebagai sebuah perayaan keagamaan. Walaupun pada awalnya ia diraikan oleh masyarakat yang terlibat dalam pertanian padi, namun di Malaysia perayaan *Ponggal* diraikan oleh semua masyarakat India tanpa mengira pekerjaan. Ini adalah disebabkan oleh sambutan *Makara Sankranti* iaitu sambutan terhadap pergerakan matahari dari selatan ke utara yang membawa tuah kepada yang menyambut pergerakannya.

---

<sup>11</sup> *Mattu* bererti lembu. Pada hari tersebut lembu akan dimandikan dan dihias tanduknya dengan warna, dikalungkan bunga dan akan diberi nasi yang diruap senagai tanda terima kasih kerana membantu petani dalam pertanian.

<sup>12</sup> *Kanni* bermaksud anak dara. Pada hari ini, gadis-gadis yang belum berkahwin akan berkumpul di kuil untuk mengadakan *ponggal* dan bersembahyang beramai-ramai.

### 3.2 Perbezaan Pendapat dan Penentangan Terhadap Perayaan *Tamilar Thirunaal*

Semangat bersatupadu serta kesedaran mengenai pentingnya megembangkan dan memperkukuhkan bahasa, budaya dan seni mula mendapat perhatian di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu sebaik sahaja TF pertama diraikan di Perlis, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura pada tahun 1952. Dasar pecah dan perintah British berserta kemiskinan dan keadaan buta huruf dan perbezaan dari segi pekerjaan, kelas, kasta dan latarbelakang etnik serta budaya telah mengakibatkan masyarakat India berpecah-belah. Keadaan ini turut memberi kesan kepada usaha memelihara dan memperkembangkan lagi bahasa dan budaya India.

Ekoran daripada itu, G. Saranagany telah berhasrat untuk menyatupadukan masyarakat India di Tanah Melayu melalui perayaan TF. Hasrat G. Saranagany menjadi kenyataan apabila Jawatankuasa Perayaan Tanilar Thirunaal diasaskan pada tahun 1952. Kewujudan perayaan ini pada tahap awal menerima sokongan padu dari semua persatuan budaya yang wujud pada masa itu termasuk Kelab Bell Belia Tamil (KBBT) dan Persatuan Dravidia SeMalaya (PDS). Namun kelancaran sambutan TF mendapat gangguan apabila wujud perselisihan faham antara *Bapa Tamilar Thirunaal* dengan Persatuan Dravida SeMalaya atau *Agila Malaya Dravida Kalagam*. Perbezaan pendapat antara kedua-dua pihak ini wujud pada akhir tahun 1960-an (Ternubual dengan Re. Su. Muttaiyah pada 2 November 2004).

Penentangan terhadap TF wujud disebabkan oleh pendirian PDS yang menyatakan bahawa perayaan TF yang jatuh pada hari yang sama dengan *Ponggal* adalah satu perayaan yang sama dengan perayaan *Ponggal* dan menyeru masyarakat India menyambut perayaan *Ponggal* sahaja. Perayaan *Ponggal* menurut G. Sarangapany adalah perayaan keagamaan yang disambut oleh masyarakat India turun-temurun. Perayaan *Ponggal* disambut sebagai tanda ucapan terima kasih kepada Dewa Suria dan Dewa Indra yang membantu kaum petani dalam penanaman padi. Mengikut PDS pula, perayaan *Ponggal* bukanlah perayaan keagamaan dan ianya merupakan satu perayaan yang memupuk perpaduan di kalangan masyarakat India. Dan setiap masyarakat India harus menyambut perayaan ini sebagai perayaan yang memperlihatkan kebudayaan dan perpaduan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu (Temubual dengan Murugu Srineevasan 5 Mei 2000). Pendirian PDS tidak berganjak dari tuntutan bahawa perayaan *Ponggal* bukanlah perayaan keagamaan. Tafsiran yang bercanggah di antara pihak TF dan PDS telah merumitkan lagi proses sambutan TF.

Encik Re. Su. Muttaiyah, Presiden Persatuan Dravida SeMalaya 2000, menyatakan bahawa PDS telah bergiat cergas dalam meraikan perayaan TF pada tahun-tahun awal pengasasan TF. Kesemua cawangan PDS dan ahli-ahlinya diseru untuk melibatkan diri dalam perayaan TF. Lebih-lebih lagi pengasas TF iaitu G. Sarangapany sendiri adalah salah seorang aktivis PDS yang bergiat cergas dalam pemulihan masyarakat India. Misalnya, di dalam perayaan TF yang diadakan di Ipoh pada 16 dan 17 Januari 1954, PDS Cawangan Ipoh telah bergiat cergas bersama-sama dengan 12

persatuan seperti Persatuan India Kinta, MIC Cawangan Ipoh dan pertubuhan Pekerja Ladang Ipoh (*Tamil Murasu*, 2 Januari 1954).

Faktor utama yang mencetuskan rasa tidak puas hati di pihak PDS adalah penjelasan yang berbeza berhubung konsep Ponggal pada penghujung tahun 1950-an. Encik K.R. Ramasamy, presiden PDS dalam artikelnya bertajuk “Pesta *Ponggal* dan *Tamilar Thirunaal*” 1967 menyatakan bahawa sebelum perayaan TF pertama diraikan, Majlis Perwakilan Masyarakat Tamil di Singapura telah mengadakan mesyuarat untuk menentukan tarikh perayaan TF. Dalam mesyuarat tersebut, persetujuan telah dicapai untuk menyambut TF pada hari pertama bulan Thai. Majlis Perwakilan juga telah bersetuju untuk menjadikan perayaan *Ponggal* sebagai asas kepada perayaan TF yang akan menekankan aspek bahasa, bangsa dan budaya. Ekoran daripada persetujuan ini, ahli-ahli PDS telah berusaha untuk menggabungkan perayaan TF dan *Ponggal* (Ramasamy 1967:12-13).

Encik K.R. Ramasamy turut mendakwa bahawa pada penghujung tahun 1950-an, risalah-risalah TF mengandungi penjelasan yang berbeza mengenai perayaan *Ponggal*. Ini adalah disebabkan oleh tafsiran G. Sarangapany yang menyifatkan perayaan *Ponggal* sebagai perayaan keagamaan yang sebelumnya tidak muncul dalam persetujuan yang dicapai oleh Majlis Perwakilan Masyarakat Tamil di Singapura pada tahun 1951. Perbezaan dalam tafsiran ini telah mengwujudkan rasa tidak puashati ahli-ahli PDS. Ekoran daripada peristiwa ini, satu Mesyuarat Agung PDS di seluruh Tanah Melayu diadakan pada tahun 1959 dengan tema perayaan TF dan *Ponggal* adalah sama (Ibid:3).

Berikutan ketidakpuasan hati PDS terhadap tafsiran G. Sarangany mengenai *Ponggal*, PDS di seluruh Tanah Melayu telah bergabung untuk menggariskan beberapa langkah. PDS bertujuan untuk menyedarkan masyarakat India bahawa perayaan *Ponggal* adalah sama dengan perayaan TF serta menekankan kepentingan dan keistimewaan perayaan *Ponggal*. Antara langkah yang diambil oleh PDS ialah mengadakan pelbagai ceramah dan ucapan kepada masyarakat India di Tanah Melayu pada hari *Thai Ponggal*. Tokoh-tokoh PDS seperti K.R. Ramasamy, P.M. Stenishas dan S. Babu telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan pelbagai ucapan serta ceramah berkenaan *Ponggal*. PDS mengedarkan pelbagai risalah dan artikel yang berkaitan dengan Perayaan *Ponggal* kepada masyarakat India di kawasan masing-masing bersaing dengan TF. Persaingan bukan sekadar dalam mengedarkan risalah tetapi juga dalam aktiviti perayaan. Kandungan aktiviti perayaan *Ponggal* adalah hampir sama dengan perayaan TF walaupun bukan dalam skel besar-besaran. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh PDS adalah pertandingan syarahan, menghafal *Thirukkural*, perbahasan dan aktiviti tarian dan nyanyian (Temubual dengan Re. Su. Muttaiyah pada 2 November 2004).

Langkah-langkah PDS mementaskan aktiviti-aktiviti yang hampir sama dengan TF telah menyedihkan hati G. Sarangany. Ini adalah kerana beliau mengasaskan TF dengan tujuan menyatupadukan masyarakat India. Sebaliknya tindakan PDS memburukkan lagi keadaan dengan mengelirukan komuniti India dan selanjutnya meranapkan usaha TF sejak 1952 iaitu selama 8 tahun untuk membawa kemajuan dan

perubahan di kalangan masyarakat India. Dalam ucapan Majlis Harijadi Ke-60, G.

Sarangapany menyatakan bahawa:

“Bagaimanakah kita hendak maju sedangkan terdapat sifat cemburu dan bersaing di kalangan kita. Kini perayaan *Ponggal* pula dibawa ke pentas sebagai persaingan kepada *Tamilar Thirunaal*. Sebenarnya perayaan *Ponggal* diraikan di kawasan rumah atau kuil. Namun kini perayaan *Ponggal* dibawa ke arena pentas sedangkan keadaan begini tidak pernah terjadi 12 tahun yang lepas” (*Buku Kenangan Khas Sempena Ulang Tahun Ke-60 G. Sarangapany* 1963).

G. Sarangapany menerangkan bahawa sekiranya PDS dan pengikut-pengikutnya tidak berpuas hati dengan tarikh perayaan TF, maka mereka boleh mencadangkan tarikh yang lain kepada TRC. G. Sarangapany menjelaskan lagi bahawa:

“Perayaan *Tamilar Thirunaal* telah diraikan pada hari pertama bulan *Thai* [Januari] sejak 1952 lagi. Pada ketika itu, tidak wujud sebarang persoalan mengenai perayaan *Ponggal* serta penentangan terhadap tarikh dan perayaan *Tamilar Thirunaal*. Namun kini masalah ini menjadi satu perbualan hangat di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Saya ingin menjelaskan bahawa perayaan *Tamilar Thirunaal* adalah perayaan yang jauh berbeza dengan perayaan *Ponggal*” (*Tamil Murasu* 15 Januari 1966).

Kemunculan perayaan *Ponggal* sebagai persaingan kepada TF telah menyebabkan tokoh-tokoh TF dibelenggu kebimbangan. Mereka risau persaingan yang tidak sihat ini mungkin akan menggagalkan matlamat TF yang ingin melahirkan masyarakat India yang bersatupadu dan maju serta mengembangkan lagi budaya dan bahasa Tamil. Justeru, pihak TF mengambil langkah dengan menjemput dua professor terkemuka dari Tamil Nadu, India untuk memberi ucapan berkenaan perbezaan *Ponggal* dan *Tamilar*

*Thirunaal*. Pada tahun 1963, Profesor T.P. Menachisuntharanar telah diundang ke Tanah Melayu untuk memberi ucapan di perayaan TF di Singapura. Beliau menjalaskan seperti berikut:

“*Ponggal* disambut oleh masyarakat beragama Hindu. Tetapi *Tamilar Thirunaal* pula diraikan oleh seluruh masyarakat India yang berbahasa Tamil. *Tamilar Thirunaal* diraikan oleh masyarakat India beragama Hindu, Muslim dan Kristian” (*Tamil Murasu* 16 Januari 1963).

Seorang lagi Profesor Bakirathi dari India turut memberi ceramah yang membezakan perayaan *Ponggal* dan *Tamilar Thirunaal*. Petikan ceramahnya seperti berikut:

“Walaupun memberi pelbagai definisi mengenai perayaan *Ponggal*, perayaan tersebut tetap menjadi perayaan keagamaan. Di India, perayaan *Ponggal* disambut oleh masyarakat Hindu sahaja. Masyarakat India-Kristian dan Muslim tidak menyambut perayaan *Ponggal*. Sehingga ke hari ini perayaan *Ponggal* masih disambut sebagai perayaan yang berbentuk keagamaan” (*Tamil Murasu* 15 Januari 1966).

Walaupun G. Sarangapany mengambil pelbagai usaha untuk membezakan perayaan TF dengan *Ponggal*, namun pihak PDS berdegil dengan pendirian mereka iaitu perayaan *Ponggal* adalah perayaan *Tamilar Thirunaal*. Ini jelas menunjukkan bahawa PDS tidak berganjak dari konsep mereka sejak awal penentangan mereka terhadap perayaan TF. Kemunculan perayaan *Ponggal* sebagai persaingan kepada perayaan TF pada penghujung tahun 1950-an telah mengwujudkan pelbagai persoalan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu. Tokoh-tokoh TF berasa bimbang kerana penentangan ini mungkin akan mengelirukan fikiran masyarakat India di Tanah Melayu. Kesan

paling menonjol penentangan PDS terhadap TF adalah perpecahan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu.

### **3.3 Kesan Penentangan Persatuan Dravida SeMalaya Terhadap Perayaan *Tamilar Thirunaal***

Pada awal pengasasan TF, tiada sebarang penentangan yang wujud dari pihak PDS. Masyarakat India telah menyambut perayaan TF dengan harapan perayaan itu dapat membawa perubahan pemikiran dan mewujudkan perpaduan di kalangan mereka. Namun, penentangan yang diberikan oleh PDS telah memperhebatkan lagi perpecahan di kalangan masyarakat India. Wujud dua kumpulan dalam masyarakat India. Golongan pertama adalah yang menyokong falsafah dan matlamat serta wawasan TF yang diasaskan oleh G. Sarangapany. Golongan ini sangat setia dengan saranan dan nasihat beliau dan menyambut perayaan TF setiap tahun. Manakala golongan kedua pula dipimpin oleh PDS yang menyambut perayaan *Ponggal* sebagai perayaan kebudayaan (Temubual dengan En. Ma. Se. Mayadevan 22 Mei 2004).

Keadaan di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa wujud perpecahan di kalangan masyarakat India. Murugu Subramaniam, pengarang akhbar *Tamil Nesan*, mencurahkan perasaan sedih beliau terhadap perpecahan yang berlaku di kalangan masyarakat India. Di dalam artikelnya yang bertajuk "*Ponggal Thirunaalum, Tamilar Thirunaalum*" (1967), beliau menyatakan rasa kecewanya:

“Malangnya, wujud persaingan antara perayaan *Tamilar Thirunaal* dan *Ponggal* di Malaysia. Lanjutan dari persaingan ini, berlaku pelbagai kekecohan di antara ahli-ahli Persatuan Dravida SeMalaya dan pihak penyokong *Tamilar Thirunaal*. Sikap bersaing yang menjadi penyebab kepada keadaan ini harus dikikis untuk mewujudkan suasana yang aman” (Murugu Subramaniam 1967:43).

Selain mewujudkan perpecahan di kalangan masyarakat India, isu persaingan dan penentangan PDS turut memberi kesan kepada minat masyarakat India dalam melibatkan diri dalam perayaan TF. Menurut Murugu Srineevasan, kemunculan dua kumpulan yang menegakkan pendirian masing-masing telah mengelirukan pemikiran masyarakat India. Tambahan pula, PDS mendakwa perayaan TF diwujudkan sebagai persaingan kepada perayaan *Ponggal*. Tambah beliau lagi, langkah-langkah yang diambil oleh PDS mengedarkan risalah-risalah dan mengadakan ceramah mengenai perayaan *Ponggal* telah mencetuskan kekeliruan di kalangan masyarakat India. PDS berjaya mempengaruhi minat sebilangan besar komuniti India dan mengalihkan minat tersebut daripada perayaan TF ke perayaan *Ponggal*. Keadaan ini merintis jalan kepada kemerosotan dalam bilangan kawasan yang terlibat dalam perayaan TF pada penghujung tahun 1960-an.

### 3.4 Rumusan

Usaha-usaha penentangan PDS terhadap TF telah mengakibatkan masyarakat India menghadapi kekeliruan pada penghujung tahun 1950-an dan berlarutan sehingga 1960-an. Akibat dari penentangan PDS, minat masyarakat India untuk meraikan TF mengalami sedikit pengurangan. Namun pengurangan ini tidaklah menjejaskan TF secara keseluruhan. Ini adalah kerana kemunculan perayaan *Ponggal* sebagai perayaan kebudayaan tidak dapat menghapuskan TF yang diraikan oleh G. Sarangapany dan rakan-rakan seperjuangannya sama sekali. Perayaan TF masih diraikan kerana sumbangan program-program perayaan ini terhadap perpaduan dan kemajuan masyarakat India. Perbincangan selanjutnya adalah program-program TF dan kesan kepada masyarakat India di Malaysia.

## Bab 4

### Program-program Perayaan *Tamilar Thirunaal* dan Kesannya Kepada Masyarakat India di Malaysia

#### 4.0 Pengenalan

Sesungguhnya G. Sarangany telah mengambil langkah yang bijak dan tepat dengan memperkenalkan TF. TF merangkumi pelbagai aktiviti yang bermatlamatkan perpaduan, kemajuan serta usaha murni memartabatkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantara dalam masyarakat India yang terdiri dari pelbagai etnik seperti Tamil, Malayali, Telugu, Ceylonese Tamil dan Punjabi.

Bab ini akan membincangkan program-program perayaan *Tamilar Thirunaal* dan kesannya terhadap perpaduan serta perkembangan kebudayaan masyarakat India. TF mendukung cita-cita yang murni dalam menginsafkan masyarakat India dari segi perpaduan, ketaatsetiaan dan kebanggaan sebagai warganegara Malaysia, dan amat menekankan kemajuan masyarakat India dari segi pendidikan dan budaya serta memperjuangkan dan memartabatkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar kesemua etnik India. Bab ini juga akan membincangkan kesan-program-program TF terhadap perpaduan masyarakat dan budaya India. Dalam bahagian kedua ini, penulis akan meneliti sejauhmanakah TF berjaya memartabatkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantara bagi semua etnik India dan juga memperkembangkan serta memperkukuhkan warisan budaya India.

#### 4.1 Program-program Tamilar Thirunaal

Matlamat utama perayaan TF adalah untuk menyatupadukan masyarakat India, memartabatkan bahasa Tamil serta memelihara dan memperkukuhkan lagi warisan budaya India. Demi mencapai matlamat murni di atas, pelbagai program yang berkualiti dan bervisi telah dilancarkan dengan penuh teliti. Tokoh-tokoh yang berkaliber dan berwawasan dalam TF telah merangka pelbagai aktiviti dan mempelawa semua lapisan masyarakat India untuk mengambil bahagian dalam TF. Para belia, golongan dewasa dan tua serta kanak-kanak dilibatkan dalam aktiviti TF. Semua kaum dijemput mengambil bahagian dalam aktiviti TF termasuk Tamil, Malayali, Telugu, Ceylonese Tamil serta golongan Sikh.

G. Sarangapany dan para penganjur TF bertungkus-lumus menyusun program mengikut kategori usia dan menetapkan jenis-jenis aktiviti. Saya membahagikan program-program TF kepada empat bahagian utama iaitu bahagian pertama adalah pertandingan sastera dan bahasa; kedua pula adalah pertandingan drama, nyanyian dan tarian; ketiga ialah pertandingan sukan dan keempat adalah pertandingan seni yang melibatkan seni lukisan, seni musik, seni meragakan pakaian tradisi (*fashion show*) dan seni menyulam, memasak serta menghias. Kesemua program-program ini adalah bertujuan untuk mengwujudkan satu jambatan di antara semua etnik komuniti India dan menyatupadukan mereka.

#### 4.1.1 Program Pertandingan Sastera dan Bahasa

Program pertandingan sastera dan bahasa boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian:

- i. Pertandingan menulis karangan
- ii. Pertandingan menulis cerpen
- iii. Pertandingan menulis sajak dan mendeklamasi sajak
- iv. Pertandingan bercerita, teka-teki, kuiz, pidato (perbahasan)
- v. Ceramah-ceramah bahasa, budaya dan sastera Tamil

Pertandingan menulis karangan, cerpen, sajak adalah berdasarkan tema-tema seperti berikut:

1. Kebudayaan Orang Tamil
2. Perpaduan Orang Tamil
3. Kebesaran *Tamilar Thirunaal*
4. Keagungan bahasa Tamil
5. Tanggungjawab Masyarakat India sebagai warganegara Malaya

Pertandingan menulis ini adalah fokus utama TF. Ini adalah kerana matlamat utama *Tamilar Thirunal* adalah menekankan semangat cintakan bahasa, kebudayaan, kesusasteraan dan kesenian kaum Tamil. Pada hari perayaan *Tamilar Thirunal* pelbagai aktiviti diadakan misalnya, pertandingan syarahan, penghafalan *Thirukkural*, perbahasan, bercerita, mengarang, sajak, teka-teki, kuiz, (*Tamil Murasu*, 11- 12, 23, 27 Januari 1955; *Indian Daily Mail*, 26 Disember 1956). Objektif perayaan ini adalah untuk membentuk satu masyarakat India yang mempunyai kesedaran dan semangat Tamil yang tinggi walaupun mereka terdiri daripada pelbagai

agama, bangsa dan keturunan. Program-program yang disebutkan di atas diadakan sehingga ke hari ini dalam semua perayaan TF. Mislanya TF yang diraikan di Pulau Pinang pada tahun 2005 mengadakan pertandingan mengarang berdasarkan tema “Keagungan Bahasa Tamil” dan “Cintailah Bahasa Tamil” (*Buku Cenderamata Tamilar Thirunaal Pulau Pinang* 2005).

TF amat mengutamakan matlamat untuk memartabatkan bahasa Tamil dan mengangkat tarafnya sebagai bahasa perpaduan di kalangan komuniti India. Menurut Murugu Srineevasan, tokoh veteran TF di Singapura, “Perayaan TF telah berjaya mewujudkan perpaduan di kalangan komuniti India kerana bahasa Tamil diterima sebagai bahasa perpaduan. Lebih-lebih lagi sekolah-sekolah untuk masyarakat India menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa perantaraan dan ini memudahkan tugas TF dalam meraikan TF dengan menggunakan bahasa Tamil. Komuniti Telugu dan Malayali memberi sokongan padu kepada program TF” (Temubual dengan Murugu Srineevasan pada 7 Ogos 1999). Disebabkan oleh matlamat ini, pertandingan bahasa dan sastera dijalankan di sekolah-sekolah Tamil dan kebanyakan peserta adalah pelajar-pelajar yang berusia dari 6 tahun hingga 18 tahun. Golongan dewasa dan tua juga turut mengambil bahagian. Misalnya, Sekolah Tamil Havelach, Singapura pada 14 Januari 1953 mengadakan pertandingan mengarang, menulis sajak dan juga bercerita berdasarkan tema perpaduan. Para peserta adalah pelajar-pelajar dari sekolah tersebut (*Tamil Murasu* 27 Januari 1953).

Pada masa yang sama, pertandingan sastra dan bahasa ini berusaha mewujudkan masyarakat India yang setia dan bangga dengan Tanah Melayu. G. Sarangany serta tokoh-tokoh TF mengadakan pelbagai pertandingan menulis untuk menyemarakkan perasaan cintakan tanahair. Antara program yang diadakan adalah pertandingan menulis karangan berdasarkan tema “Cintailah Malaya dan Setia sebagai Warganegara” dalam sambutan TF di seluruh Tanah Melayu pada masa itu. Antara negeri-negeri yang mengambil bahagian adalah Singapura, Pulau Pinang, Perlis, Kuala Lumpur, Taiping dan Ipoh (*Tamil Murasu* 12 Januari 1955).

#### **4.1.2 Program Pertandingan Drama, Nyanyian dan Tarian**

Program pertandingan drama, nyanyian dan tarian adalah program kedua popular dalam aktiviti TF. Pementasan drama adalah sangat menarik dan menyemarakkan semangat masyarakat India pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an. Antara pementasan drama yang paling menarik adalah “*Yaar Kutravali*” (*Siapa Yang Bersalah*) di Kepala Batas pada tahun 1956 . Drama ini adalah berkenaan kemunduran masyarakat India dan siapakah yang bersalah terhadap kemunduran tersebut. Drama ini telah dipentaskan oleh golongan remaja. Skrip drama ini ditulis oleh seorang penulis terkenal pada masa itu bernama En. Piravipittan yang merangkumi masalah social masyarakat India. Pelakon-pelakon terkenal seperti Encik Hassan Ghani, Encik Mariappan, Encik Thanabalan dan Cik Alangaram telah melakonkan drama sehingga mendapat pujian para penonton (*Tamil Murasu* 20 Januari 1956). Selain menjadi hiburan, pementasan drama di dalam perayaan TF telah

mencungkil bakat-bakat terpendam di kalangan komuniti India. Pada masa yang sama, memberi kesedaran kepada para penonton akan kedudukan sosio-ekonomi masyarakat India. Menurut Encik To. Ka. Narayanasamy, pementasan drama pada tahun 1950-an dan 1960-an telah melahirkan ramai pelakon dan penulis skrip drama. Antaranya adalah Hassan Ghani, P. Ganesan, M. Mariappan, M. Krishnan dan S. Muthuveeran (Temubual dengan T.K. Narayanasamy 23 April 2004).

Pertandingan nyanyian dan tarian merupakan aktiviti yang sangat penting selepas pementasan drama. Pertandingan ini adalah popular sehingga ke hari ini dan pada masa yang sama telah menggantikan pertandingan drama sebagai aktiviti terutama. Ini adalah kerana pertandingan drama mengambil masa dan tenaga yang lebih berbanding acara tarian dan nyanyian. Antara acara tarian dan nyanyian yang diadakan adalah berdasarkan tema-tema klasik dalam budaya Tamil seperti kebesaran bahasa Tamil, budaya Tamil dan juga peradaban Tamil. Di samping aktiviti tarian, terdapat juga persembahan muzik klasikal yang melibatkan *veena*, *sitar*, *tamboora*, *tabla* dan *mrudangam*. Dalam perayaan TF di Pulau Pinang pada tahun 2000, peralatan muzik seperti *mrudangam* dan *nadasuaram* digunakan untuk mengalu-alukan kehadiran para audien.

Sebarang aktiviti pementasan drama, nyanyian dan tarian tidak boleh berlandaskan tema keagamaan dan ianya dilarang sama sekali. Ini adalah kerana TF adalah program untuk semua etnik India tidak kira agama dan keturunan. Antara

penyanyi terkenal yang dihasilkan pada period 1950-an adalah Mariappan, G. Saraswathy, M. Sakuntala, S. Vijayalakshmi dan G. Samy.

Menurut M. Thanggasamy, penglibatan para peserta dalam acara tarian dan nyanyian merangkumi semua etnik India tidak kira umur, keturunan dan latarbelakang budaya. Sesungguhnya acara tarian dan nyanyian telah membentuk satu jambatan perpaduan di kalangan pelbagai komuniti India (Temubual dengan En. M. Thanggasamy 21 April 2004).

#### 4.1.3 Program Pertandingan Sukan

Seringkali sukan dijadikan sebagai satu jambatan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia. Begitulah dengan program-program sukan TF yang menekankan perpaduan di kalangan pelbagai kaum India di negara ini. Sudut *Surat dari Pembaca* dalam *Tamil Murasu* pada 4 Januari 1953 dari C. Kasinathan berbunyi seperti berikut, "Sukan adalah satu aktiviti yang mulia bertujuan untuk menyatupadukan masyarakat India yang berpecah-belah. *Tamilar Thirunaal* adalah satu hari yang wajar untuk tujuan ini" (*Tamil Murasu* 4 Januari 1953). Antara program sukan yang diperkenalkan adalah:

- i. Pertandingan Olahraga yang terdiri dari pelbagai acara
- ii. Pertandingan Bolasepak
- iii. Pertandingan Berenang
- iv. Pertandingan Badminton

- v. Pertandingan Berbasikal
- vi. Pertandingan Membina Badan

Menurut Puan Zarina Abdullah, Setiausaha Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang dari tahun 2000 hingga 2005, “Perayaan *Tamilar Thirunaal* di semua negeri di Semenanjung Malaysia masih meneruskan tradisi mengadakan pertandingan sukan. Di Pulau Pinang, kami telah menganjurkan sukan bola sepak, olahraga dan tarik tali serta sukan “*sadugudu*”<sup>13</sup> (Temubual dengan Puan Zarina Abdullah pada 6 Mei 2004).

Pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an acara sukan olahraga, bola sepak dan badminton adalah sangat terkenal di kalangan masyarakat India. Menurut En. M. Thanggasamy, program sukan pada tahun 1950-an dan 1960-an telah melahirkan ramai olahragawan India dan juga pemain badminton dan bolasepak terkemuka pada masa itu seperti S.V. Das, V. Ramasamy, G.O. Samy dan Usman Yusof. Tambah beliau lagi, penyertaan pada masa dulu adalah sangat memberangsangkan sehingga 100 penyertaan dari para belia India. Tetapi pada hari ini, angkanya sangat berkurangan. Ini mungkin disebabkan oleh penglibatan para belia dalam aktiviti social yang lain (Temubual dengan En. M. Thanggasamy pada 21 April 2004).

---

<sup>13</sup> *Sadugudu* adalah permainan tradisi masyarakat India yang melibatkan dua kumpulan pemain yang terdiri dari kaum lelaki. Setiap kumpulan terdiri dari angka genap dan kumpulan yang berjaya adalah kumpulan yang menewaskan kumpulan lain dengan menunjukkan kekuatan mereka dengan menarik salah seorang anggota kumpulan bertentangan ke dalam garisan kumpulan mereka.

Akhbar *Tamil Murasu* mengeluarkan pengumuman yang berterusan untuk mendaftar dalam aktiviti sukan TF terutamanya untuk golongan kanak-kanak, muda-mudi dan dewasa. Borang-borang dikeluarkan oleh pejabat akhbar *Tamil Murasu* (*Tamil Murasu* 3 Januari 1953). Misalnya TF di Segamat, Johor mengadakan sukan untuk 5 kategori seperti berikut:

- i. Kanak-kanak dalam lingkungan umur 7 tahun ke atas – permainan melarikan bola, pecah belon, ambil tepung dari duit dan memakan *wadai* (sejenis makanan India yang digoreng).
- ii. Kanak-kanak dalam lingkungan umur 10 tahun – Lompat Katak Dan Berlari dalam Guni.
- iii. Umur 15 tahun ke atas – Sukan jalan kaki
- iv. Belia – Mencari harta karun, olahraga dan bolasepak
- v. Warga Tua – pertandingan meminum air kelapa, berjalan kaki

Kesemua sukan yang dianjurkan di atas mendapat sambutan hangat masyarakat India Segamat pada masa itu. Permohonan untuk menyertai aktiviti sukan sangat memberangsangkan dari semua lapisan masyarakat India (*Tamil Murasu* 13 Januari 1953). Manakala acara berenang mengandungi 10 jenis kategori iaitu 50 dan 100 meter (free style), 50 dan 100 meter (back stroke), serta 50 dan 100 meter (breast stroke). Acara ini kerap diadakan dalam perayaan TF sejak 1953 dan pada tahun 1957, seramai 39 perenang dipilih untuk acara renang bergu akhir yang berlangsung di Kolam Renang Hapar, Singapura (*Tamil Murasu* 9 Januari 1957). Acara sukan pada alaf baru ini turut mengadakan sukan bolasepak, badminton, olahraga, dan juga sukan-sukan ria seperti tarik tali, berlari dalam guni, sukan sadugudu yang terkenal di

kalangan masyarakat India dan Punjabi (*Buku Cenderamata Tamar Thirunaal Ipoh, Taiping dan Pulau Pinang 2005* dan pemerhatian turut serta).

#### 4.1.4 Program Pertandingan Seni

Program pertandingan seni melibatkan pelbagai jenis aktiviti yang menarik dan penyertaan pelbagai etnik India turut menyeronokkan lagi perayaan TF. Antara program seni yang dapat dibahagikan di sini adalah:

- i. Pertandingan Melukis *Kolam*
- ii. Pertandingan Melukis Inai di Tangan
- iii. Pertandingan Memperagakan Pakaian Tradisi Sari dan *Dhoti*
- iv. Pertandingan Memasak, Menghias dan Menyulam
- v. Pertandingan Memperagakan Kecantikan Badan (Lelaki)
- vi. Pertandingan Persembahan Musik
- vii. Pertandingan Bayi Comel
- viii. Pertandingan Memecah Periuk

Pertandingan-pertandingan yang disenaraikan di atas telah memberi peluang kepada masyarakat India dari semua lapisan untuk mengambil bahagian dan memperlihatkan bakat mereka. Menurut Dato' K. Kumaran, perayaan TF merupakan satu-satunya perayaan di negara ini yang meraikan semua kategori pertandingan dari aspek penulisan, pementasan drama, sukan dan seni. Tambah beliau lagi, aktiviti seni adalah

yang paling menarik kerana ianya melibatkan semua usia dari bayi sehingga warga tua tidak kira jantina. Lebih-lebih lagi pertandingan-pertandingan ini sangat berwarna-warni dan menghiburkan hati dengan aksi para peserta khususnya dalam pertandingan memasak, menghias dan memecah periuk (Temubual dengan Dato' K. Kumaran pada 1 November 2004).

Dalam perbincangan selanjutnya saya akan membincangkan kesan-kesan program *Tamilar Thirunaal* terhadap perpaduan masyarakat India dan juga dalam pemeliharaan warisan budaya India.

#### **4.2 Kesan Perayaan *Tamilar Thirunaal* Kepada Masyarakat India di Malaysia**

Perayaan TF yang lahir sebagai penawar kepada keadaan masyarakat India serba kekurangan pada ketika itu telah membawa pelbagai perubahan di kalangan masyarakat India. Objektif TF adalah menyatupadukan masyarakat India menerusi satu bahasa tunggal iaitu bahasa Tamil di samping memelihara dan memperkukuhkan budaya India. Objektif ini dicapai melalui pelaksanaan pelbagai program bahasa dan sastera serta sukan dan seni. Perayaan *Tamilar Thirunaal* ternyata berjaya dalam menyatupadukan masyarakat India serta memelihara warisan budaya. Pencapaian ini adalah berdasarkan kerangka program yang disusun dengan penuh kegigihan dan ketekunan oleh Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* di seluruh Malaysia sejak tahun 1952.

#### 4.2.1 Mengwujudkan Perpaduan di Kalangan Masyarakat India

Faktor utama kejayaan TF dalam menyatupadukan masyarakat India pelbagai etnik adalah kerana konsep perayaan TF yang sekular dan bukannya spiritual iaitu berdasarkan sambutan kebudayaan dan bukannya keagamaan atau perkauman. Masyarakat India dari pelbagai etnik dan agama boleh mengambil bahagian dalam perayaan ini kerana aktivitinya adalah berbentuk kebudayaan.

Hasrat TF yang ingin menyatukan pelbagai etnik India jelas memperlihatkan usaha yang murni dan hampir seluruh masyarakat India di Tanah Melayu memberi sambutan baik kepada program TF. Walaupun pada asalnya hanya tiga kawasan yang meraikan TF pada tahun 1952 tetapi pada tahun 1955 terdapat 50 kawasan yang meraikan TF. Ternyata perayaan TF telah berjaya mempertingkatkan kesedaran masyarakat India terhadap pentingnya perpaduan di kalangan mereka dan ini merintis jalan kepada persefahaman kaum yang lebih erat. Menurut veteran-veteran TF yang ditemubual, TF adalah satu kejayaan cemerlang dalam menyatupadukan komuniti India pelbagai etnik. Misalnya penglibatan pelbagai keturunan, kasta dan etnik India terserlah dalam Jawatankuasa Perayaan *Tamilar Thirunaal* seperti di bawah:

**Rajah 4.1 : Jawatankuasa Tamilar Thirunaal Muar, Johor pada tahun 1953**

<b>Ahli Jawatankuasa</b>	<b>Keturunan/Kasta/Etnik</b>
1. C. Ayadurai	Malayali
2. S.S. Vas	Tamil
3. M. Abdul majid	India-Muslim
4. Joshua	India-Kristian
5. N.K. Pillai	Pillai (kasta)
6. K.T. Tey Singh	Sikh
7. D.C. Henry	India-Kristian
8. K. Jayaraman	Telugu

Sumber: *Tamil Murasu*, 4 Januari 1954 dan Temubual dengan M. Ramaiah pada 21 April 2003.

**Rajah 4.1 : Jawatankuasa Tamilar Thirunaal Ipoh, Perak pada tahun 1997**

<b>Ahli Jawatankuasa</b>	<b>Keturunan/Kasta/Etnik</b>
1. E. Manokaran	Tamil
2. C. Kuranjikumaran	Tamil
3. C. Joseph Raja	India-Kristian
4. Pakir Muhamad	India-Muslim
5. K. Balasubramaniam	Telugu
6. Naagaya	Telugu
7. S. Ratnasinggam	Malayali

Sumber: *Buku Cenderamata Tamilar Thirunaal Ipoh 1997*, hal. 4.

Menurut En. M. Thanggasamy, veteran TF, “Perayaan TF telah berjaya mengwujudkan perpaduan di kalangan masyarakat India pelbagai agama dan etnik. Beliau menerangkan bahawa kelainan agama dan etnik tidak menghalang masyarakat India bersatu dan mencurahkan tenaga masing-masing untuk menjayakan perayaan TF sehingga hari ini” (Temubual dengan En. M. Thanggasamy pada 21 April 2004). Menurut beliau lagi, perayaan TF telah mengurangkan amalan kasta dan bilangan persatuan-persatuan berbau kasta yang wujud pada masa itu (Ibid).

Perpaduan di kalangan masyarakat India juga dapat dikesan melalui sumbangan kewangan dari pelbagai etnik India di Malaysia tidak kira usia dan keturunan. Senarai nama penderma untuk TF yang dipaparkan dalam akhbar *Tamil Murasu* memperlihatkan sumbangan kewangan datang dari pelbagai etnik India tidak mengira kaum, keturunan, kasta dan usia. Kanak-kanak turut menderma wang simpanan mereka untuk menjayakan perayaan TF (Tinjauan akhbar *Tamil Murasu* dari tahun 1953 hingga 1957). Apabila pelbagai etnik India sanggup menderma untuk menjayakan perayaan TF jelas menunjukkan kewujudan kesedaran di kalangan mereka mengenai kepentingan TF dan juga matlamat TF untuk menyatupadukan komuniti India. Semangat perpaduan dan kerjasama jelas kelihatan dalam tindakan mereka yang menderma tanpa mengira keturunan dan etnik.

#### **4.2.2 Memartabatkan Bahasa Tamil Sebagai Bahasa Pendidikan dan Perpaduan di Kalangan Masyarakat India**

Masyarakat India di Tanah Melayu kebanyakannya adalah buta huruf dan khususnya ramai pekerja-pekerja ladang tidak berpeluang untuk mendapat pendidikan Tamil. Berbeza dari masyarakat Cina, minat untuk mengasaskan sekolah Tamil tidaklah begitu kuat di kalangan masyarakat India. Kebanyakan sekolah Cina diasaskan dengan derma dari masyarakat Cina dan tauke-tauke Cina yang bermurah hati. Berbeza dengan masyarakat India, tidak wujud ramai tauke India yang bermurah hati. Maka bilangan sekolah yang diasaskan oleh masyarakat India pada awalnya tidaklah begitu banyak (Anbalakan 2001: 230). Tanpa seorang pemimpin seperti G. Sarangapany, kemungkinan sekolah-sekolah Tamil tidak akan mencapai bilangan

yang membanggakan terutamanya penubuhan sekolah menengah Tamil. G. Sarangapany berhasrat untuk menjadikan kaum India satu kaum yang terpelajar dan dinamik. Beliau sentiasa menyeru kepada ibubapa supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Tamil. Untuk mencapai tujuan di atas, *Tamilar Thirunaal* digunakan sebagai satu alat untuk menyebarkan kesedaran akan kepentingan pendidikan Tamil. Dalam pertandingan pidato mahupun pertandingan penulisan dan pementasan drama, tajuk-tajuk seperti berikut “Kita harus memansuhkan buta huruf dari kalangan kita”, “Kepentingan Pendidikan Tamil”, “*Tamilar Thirunaal* dan Pendidikan Tamil”. G. Sarangapany telah memaparkan seruan pemimpin MIC John Thivy yang berbunyi,

“We must not give room to posterity to blame us that we have left our children in illiteracy. Therefore, we must all strive hard to educate them and thus eradicate illiteracy from our midst (*Indian Daily Mail* 15 Disember 1947).”

G. Sarangapany sentiasa mengawasi perkembangan sekolah-sekolah Tamil di Tanah Melayu. Banyak ceramah *Tamilar Thirunaal* disiarkan dalam *Tamil Murasu* untuk menonjolkan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah Tamil. Satu ceramah bertajuk “Keadaan sekolah-sekolah Tamil yang membimbangkan” memperlihatkan keprihatinan Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* terhadap masalah-masalah sekolah Tamil seperti kekurangan kerusi meja, dan bilik darjah serta ketiadaan tandas (*Tamil Murasu* 8 Januari 1952). Di samping itu, ceramah-ceramah *Tamilar Thirunaal* yang diterbitkan dalam akhbar *Tamil Murasu* menyeru kepada masyarakat India yang berada untuk membina sekolah bagi golongan yang kurang berupaya terutamanya sekolah menengah Tamil. Keperluan sekolah menengah Tamil

adalah mustahak kerana para pelajar sekolah rendah harus meneruskan pengajiannya ke tahap menengah. Kekurangan ini akan menghalang perkembangan bahasa Tamil. Menyedari hakikat ini, G. Sarangapany menerusi TF menjalankan propaganda untuk mencapai matlamat tersebut. Antara ceramah-ceramah yang disiarkan adalah “Keperluan Untuk Sekolah Menengah Tamil Harus Ditekankan”, dan “Sekolah Menengah Tamil Harus Ditubuhkan” (*Indian Daily Mail* 28 April 1947; 7 Jun 1947; 15 Oktober 1953; 24 Oktober 1954).

Kebanyakan sekolah Tamil di Tanah Melayu pada pertengahan abad ke 20 adalah terdiri dari bangunan yang disewa atau sebuah bilik yang kecil. G. Sarangapany berhasrat untuk melihat masyarakat India memiliki bangunan sekolahnya yang tersendiri. Penubuhan Sekolah Tinggi Umaru Pulavar merupakan salah satu projek yang diusahakan oleh G. Sarangapany bersama-sama masyarakat India di Singapura. Sekolah ini dimulakan pada 1946 dengan sebuah bilik darjah dan kemudian berkembang menjadi sebuah bangunan sederhana pada tahun 1950. Pada tahun 1960, *Tamil Murasu* telah menganjurkan satu kutipan derma bagi pembinaan Sekolah Tinggi Umaru Pulavar kepada bangunan besar. Sebanyak 18 ribu ringgit diperlukan dan dengan bantuan belia Tamil kutipan derma ini berjaya dicapai (*Tamil Murasu*, 16 Februari 1960). Belia-belie India mengadakan drama, konsert dan kempen mengumpul dana bagi pembinaan sekolah Tamil melalui program, “Setiap warga India, Dermalah Satu Ringgit untuk Sekolah Tamil”. Kempen ini dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Tamil di bawah pimpinan G. Sarangapany. M.P.D. Nair iaitu Timbalan Menteri kepada Ketua Setiausaha Singapura telah merayu kepada setiap

komuniti India untuk menderma gaji satu hari untuk Tabung Pendidikan Tamil (*Indian Daily Mail*, 15 November 1956). Selain menjalankan kempen, *Tamilar Thirunaal* juga banyak menyumbangkan kepada penubuhan sekolah menengah Tamil, mempertingkatkan taraf pendidikan Tamil serta memberi bantuan buku dan pakaian sekolah percuma bagi pekerja-pekerja ladang yang miskin (*Indian Daily Mail*, 16 November 1954).

G. Sarangapany dalam ucapannya pada hari perasmian Sekolah Tinggi Umaru Pulavar pada 13 Januari 1961 menyatakan bahawa pendidikan Tamil menghadapi pelbagai masalah. Namun masalah ini menurut G. Sarangapany boleh diatasi sekiranya terdapat matlamat dan usaha yang bersatupadu. Beliau merasa keciwa dengan masyarakat India yang tidak berjuang dalam keadaan harmonis melalui satu suara tetapi masing-masing komuniti India menuding jari terhadap masalah pendidikan Tamil. Beliau menyatakan bahawa Persatuan Pendidikan Tamil atau *Tamil Kalvi Kalagam* yang ditubuhkan adalah bertujuan untuk memperjuangkan segala isu dan masalah sekolah Tamil dan Persatuan ini harus digunakan sebagai instrumen dalam menyalurkan sebarang rayuan atau permintaan kepada Kerajaan (*Indian Daily Mail*, 13 Januari 1961). Menurut G. Sarangapany kejayaan dalam pembinaan Sekolah Tinggi Umaru Pulavar adalah disebabkan oleh perayaan *Tamilar Thirunal* yang menjadi landasan utama dalam pengutipan derma. Tambah beliau lagi, perayaan ini telah membawa kejayaan dalam program-program pendidikan, ekonomi dan kebudayaan yang dilancarkan oleh *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*.

Harapan G. Sarangapany adalah untuk melihat *Tamilar Thirunal* memperkukuhkan perpaduan dan persefahaman di kalangan masyarakat India.

Perayaan TF dijadikan sebagai pentas untuk menyemarakkan kesedaran di kalangan masyarakat India mengenai kepentingan bahasa dan pendidikan Tamil. Kesemua program, ceramah dan ucapan TF adalah berdasarkan bahasa Tamil kerana ia adalah bahasa perpaduan yang diutamakan dalam semua aktiviti TF.

#### **4.2.3 Mengembangkan Kesusasteraan Tamil dan menghasilkan Penulis-Penulis Baru**

Program kesusasteraan yang mendapat sambutan para peserta adalah pertandingan menulis karangan, cerpen, dan sajak serta pementasan drama. Disebabkan tema-tema yang digunakan oleh para peserta adalah berlandaskan tema sastera Tamil, maka ini telah mengembangkan lagi minat terhadap sastera klasik dan sastera Tamil moden. Minat ini selanjutnya mengwujudkan penulis-penulis baru yang berbakat setelah memenangi hadiah pertama dalam pertandingan penulisan TF.

Antara penulis esei dan penyair yang terkenal yang diwujudkan oleh TF adalah Karaikillar dari Pulau Pinang dan Pa. Thasan yang merupakan penyair terkenal tanahair sehingga ke hari ini. Selain dari itu, Phir Mohamad Phir Said, M. Ramaiah dan M. thanggasamy yang masih aktif menulis sehingga hari ini sejak 1950-an. Ramai belia pada hari ini telah menjadi penulis terkemuka kerana perayaan TF antaranya ialah k. Devindren, M. Ravi, P. Chandran. Mereka juga adalah penulis

wartawan akhbar India terkemuka seperti *Makkal Osai* dan *Malaysia Nanban* (Temubual dengan En. K. Devindren pada 1 November 2004).

#### 4.2.4 Menyemarakkan Perasaan Nasionalisma di Kalangan Masyarakat India

G. Sarangapany adalah antara pemimpin terawal yang telah menyemarakkan perasaan nasionalisma di kalangan masyarakat India dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui akhbarnya *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail*. Hasrat G. Sarangapany untuk mejadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka telah dipaparkan dalam Lidah Pengarang *Indian Daily Mail* keluaran 11 Februari 1946 lagi.

Beliau berkata,

“... it is hoped that with proper guidance from above and a strong and vocal public opinion in the country, the Malaya of the future will be built on healthy, popular and economically sound foundations. In her endeavour to build up a new country and a new people we shall render her our best possible aid. It shall be our policy to give our best for the early construction of a new Malaya. It shall not be a mere rehabilitation but a new structure. To every constructive effort and liberal measure for the betterment of this country and her people we shall give out fullest support (*Indian Daily Mail* 11 Februari 1946).”

Manakala Lidah Pengarang dalam akhbar *Indian Daily Mail* 31 Disember 1956, memperlihatkan kepada kita bahawa G. Sarangapany adalah seorang pemimpin yang berpendirian teguh dalam memperjuangkan visi dan misinya. Beliau telah menekankan bahawa bangsa Malaysia haruslah mencapai kemerdekaan berdasarkan pada semangat dan matlamat yang sama.

“It was the duty of each and every community to contribute its due share to the early achievement of merdeka and it was our job in so far as the Indian Community was concerned to make that contribution on its behalf. We have done that to the best of our ability and today on the eve of the Merdeka Year

and the Merdeka Era, we consider our task having been fully accomplished. With the achievement of merdeka, communal politics must end in this country and the various communities must adopt a Malayan spirit and Malayan outlook, and help in the speedy formation of a single Malayan nation, without which merdeka will have little meaning" (*Indian Daily Mail* 31 Disember 1956).

Maka G. Sarangapany berusaha menyemai semangat 'Malaysian' di kalangan komuniti India menerusi perayaan *Tamilar Thirunaal*. Antara ceramah-ceramah terkenal dalam TF bertajuk "Obtain Citizanship of Malaya Bestow Unflinching Loyalty" memperlihatkan perjuangannya untuk mengwujudkan sebuah masyarakat India yang setia dan sanggup berkorban (*Indian Daily Mail*, 10 Mac 1952; *Tamil Murasu* 9 September 1948; 20 April 1950; 1 Januari 1955. Beliau sentiasa menerbitkan mesej dan seruan MIC supaya masyarakat India mendapatkan hak kerakyatan yang sewajarnya (*Tamil Murasu*, 1 Mei 1950).

TF dijadikan sebagai pentas untuk memberi inspirasi kepada masyarakat India di Tanah Melayu supaya menganggap Tanah Melayu sebagai tanahair mereka. Antara tajuk yang dipilih untuk pertandingan karangan adalah "Hiduplah Sebagai Malaya Indian" (*Tamil Murasu* 28 Mac 1946). TF memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat India Tanah Melayu. Malah penulisan-penulisan hasil aktiviti TF serta pertandingan drama berdasarkan tema seperti yang disebutkan di atas boleh dikatakan telah mencetuskan satu revolusi dalam pemikiran kebanyakan masyarakat India menampakkan satu perubahan yang menarik. Menurut En. M. Thanggasamy, "Program-program TF terserlah melalui pertandingan penulisan serta drama dan memang tidak dapat dinafikan atau

dipertikaikan jika dikatakan bahawa pertandingan penulisan banyak memberi inspirasi kepada masyarakat India. Bukan sahaja mempengaruhi masyarakat India dalam memperjuangkan hak dan kepentingan mereka tetapi pertandingan penulisan dalam TF telah dapat menghasilkan satu barisan masyarakat India yang menganggap Malaysia sebagai tanahair mereka (Temubual dengan M. Thanggasamy pada 21 April 2004).

#### 4.3 Rumusan

Perayaan TF telah memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat India menerusi program-program kesusasteraan, budaya dan seninya. Program-program TF telah menyemarakkan perasaan cintakan bahasa dan kesusasteraan Tamil di kalangan masyarakat India. Pada masa yang sama, mempertingkatkan minat dan semangat para peserta untuk memperbaiki mutu pendidikan Tamil. Kejayaan TF dalam mengwujudkan masyarakat India yang mencintai tanahair serta setia sebagai warganegara Malaysia adalah sesuatu yang sangat mengagumkan. Di Malaysia, tidak ada satu program yang sedemikian rupa, *massive* dan disambut di seluruh negara tanpa mengira kaum, keturunan, bangsa, budaya, agama dan latarbelakang seseorang insan.

## Bab 5

### Kesimpulan

Kemunculan perayaan *Tamilar Thirunaal* pada tahun 1952 adalah berpunca daripada hasrat G. Sarangapany yang ingin membawa perubahan pemikiran dan kemajuan kepada masyarakat India di Tanah Melayu. Kehidupan masyarakat India di Tanah Melayu yang penuh dengan kemunduran dan kemiskinan ditambah dengan perpecahan di kalangan pelbagai etnik India. Keadaan ini telah mendesak G. Sarangapany untuk merangka satu program yang dapat mengwujudkan perpaduan dan membawa kemajuan kepada masyarakat India. Usaha G. Sarangapany terhasil apabila perayaan TF diasaskan pada 13 Januari 1952.

Perayaan TF telah mendapat sambutan yang baik pada peringkat awal pengasasan di kalangan masyarakat India di Tanah Melayu dan Singapura. Pada tahun pertama, TF diraikan di empat tempat termasuk Perlis, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura. Objektif TF adalah untuk menyatupadukan masyarakat India dan menyedarkan mereka mengenai kepentingan kebudayaan, kesenian dan bahasa Tamil. Namun tujuan utama perayaan TF adalah untuk mengwujudkan perpaduan di kalangan masyarakat India di Malaysia. Perpaduan dijadikan impian utama perayaan TF kerana perpaduan dianggap sebagai asas kepada kejayaan impian-impian TF yang lain seperti meningkatkan kesedaran kebudayaan dan kepentingan bahasa Tamil.

Disebabkan itulah slogan TF berbunyi “**Bersatu dan Maju**” turut menjelaskan betapa pentingnya unsur perpaduan dalam program-program TF yang dianjurkan.

Persoalan mengenai kejayaan TF dalam menyatupadukan masyarakat India di Tanah Melayu tidak dapat disangkal lagi. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa perayaan TF telah berjaya mengwujudkan perpaduan di kalangan masyarakat India. Kewujudan perpaduan ini dapat dilihat dengan respons atau sambutan TF yang memberangsangkan di kalangan masyarakat India dari pelbagai etnik di seluruh Malaysia. Kejayaan perayaan TF pada dekad pertama 1950-an telah memberi keyakinan kepada masyarakat India untuk menyambut perayaan ini tahun demi tahun dengan harapan TF akan membawa kemajuan sosio-ekonomi kepada masyarakat India. Misalnya perayaan TF telah menyemarakkan lagi perpaduan dan kesedaran bahasa serta budaya India. Menerusi program-program TF, lebih banyak sekolah-sekolah Tamil ditubuhkan dan penglibatan para pelajar dari sekolah Tamil juga amat memberangsangkan. Perpaduan dan kerjasama masyarakat India jelas dapat dilihat menerusi gerakan pengutipan derma di seluruh Tanah Melayu menerusi TF. Semua keturunan dan etnik India menderma untuk menjayakan perayaan TF. Perpaduan dan kerjasama yang diwujudkan oleh TF ini diteruskan dalam semua aspek. Misalnya sumbangan masyarakat India yang diberikan terhadap perjuangan menetapkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantara di Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya (*Thesa Thoothan*, 23 Jun 1963).<sup>14</sup> Pada tahun 1949 Universiti Malaya ditubuhkan di

---

<sup>14</sup> Pada tahun 1955 G. Sarangany telah dikurniakan pingat *Tamilavel* atas usaha menempatkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Pingat ini dikurniakan kepada Sarangany oleh Kundrakkudi Adikalar yang merupakan seorang pendukung bahasa Tamil di

Singapura. Sejak penubuhan Universiti Malaya, masyarakat India sentiasa mendesak pihak universiti untuk mengwujudkan satu jabatan bagi pengajian India dan memperkenalkan bahasa Tamil sebagai medium pengajaran di jabatan tersebut (*Tamil Murasu* 2 Februari 1949). British telah meminta kerajaan India untuk menghantar seorang pakar untuk mengkaji kurikulum pengajian India di Universiti Malaya. Pada tahun 1956, Neelakanda Sastri dihantar oleh kerajaan India dan beliau telah menyarankan bahasa Sanskrit atau Hindi digunakan sebagai bahasa perantaraan di Jabatan Pengajian India. Komuniti Tamil sangat marah dengan saranan tersebut dan menentang hebat cadangan Neelakanda Aiyer (Ibid). G. Sarangapany, *Bapa Tamilar Thirunaal*, telah menjalankan kempen 'Bahasa Tamil Jiwa Kami ' atau *Tamil Enggil Uyir* di seluruh pelusuk negara. Masyarakat India sebulat suara memboikot saranan Neelakanda di seluruh Tanah Melayu dan kempen ini telah memberi kesan mendalam kepada pihak British. Cadangan Neelakanda Sastri ditarik balik oleh British pada Oktober 1956. Pihak pentadbir Universiti Malaya dengan rasminya telah memulakan Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya di Singapura dengan menetapkan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantara. Naib Canselor pertama Universiti Malaya iaitu Sir Sydney Caine menyakinkan masyarakat India bahawa bahasa dan kesusasteraan Tamil akan diberi penekanan utama dalam kurikulum Jabatan tersebut (*Indian Daily Mail* 7 Julai 1956). Bahasa Tamil diperjuangkan sebagai bahasa pengantara Jabatan Pengajian India kerana majoriti penduduk India di Tanah Melayu adalah terdiri dari etnik Tamil. Namun muncul pula satu lagi masalah iaitu kekurangan buku dalam bahasa Tamil. Untuk menangani masalah ini, G.

---

India. Sehingga kini di Malaysia, hanya G. Sarangapany sahaja dikurniakan pingat Tamilavel (Murugu Subramaniam 1986: 58).

Sarangapany memulakan kempen 'Tabung Tamil Adalah Jiwa Kami' atau *Tamil is Our Life Fund* (*Indian Daily Mail* 26 Februari 1955, 7 Julai 1956). Dalam Lidah Pengarang *Indian Daily Mail* 24 Februari 1955, G. Sarangapany menyatakan bahawa \$100 000 diperlukan dan beliau menyeru sekurang-kurangnya 10 000 orang India untuk memberi bantuan kewangan sebanyak sepuluh ringgit seorang. Beliau bercadang untuk menerbitkan nama setiap penderma dalam *Tamil Murasu* dan *Indian Daily Mail* tanpa mengira jumlah wang yang dihulurkan. Seruan G. Sarangapany dalam rencana 'Contribute Today, Now, To The Tamil Library Fund' telah menyentuh hati masyarakat India (*Indian Daily Mail*, 26 Februari 1955).

Nyata sekali seruan beliau telah mendapat sambutan yang hebat. Dalam beberapa bulan sahaja selepas seruan beliau ini lebih kurang 40 000 ringgit telah dapat dikumpulkan. Sebanyak 27, 500 ringgit daripada wang yang dikumpulkan itu telah diserahkan kepada pihak pentadbir iaitu Naib Canselor, Universiti Malaya untuk membeli buku-buku Tamil (*Indian Daily Mail*, 7 Julai 1956). Ini secara tidak langsung telah membentuk satu perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku bahasa Tamil agar para mahasiswa yang menuntut di Jabatan Pengajian India tidak menghadapi kesulitan apabila membuat kajian dan rujukan. Di samping itu, atas seruan G. Sarangapany juga kerajaan Madras telah menderma sebanyak 5 000 buah buku bahasa Tamil kepada perpustakaan Universiti Malaya manakala Universiti Annamalai meyumbangkan 70 buah buku (Ibid). Dengan bantuan sedemikian pentadbir Universiti Malaya telah dapat menyempurnakan sebahagian besar seksyen buku-buku Tamil di perpustakaan Universiti Malaya. Kempen *Tamil is Our Life Fund*

yang dianjurkan oleh G. Sarangapany merupakan sumbangan terbesar dalam memulakan sidang akademik pertama Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya.

Melalui kempen ini, G. Sarangapany telah berjaya mengutip derma untuk membeli buku-buku Tamil untuk perpustakaan Universiti Malaya. Gerakan beliau ini turut memberi inspirasi pada segolongan pihak untuk menghadiahkan pelbagai buku Tamil yang berada dalam simpanan mereka kepada Universiti Malaya semata-mata untuk menegakkan bahasa Tamil di menara gading itu. Ternyata kejayaan di atas adalah disebabkan oleh perpaduan dan kerjasama yang tinggi di kalangan masyarakat India. Perpaduan ini sebenarnya telah diwujudkan oleh perayaan *Tamilar Thirunaal* sejak 1952 dan dalam sanubari masyarakat India perasaan mencintai bahasa Tamil telah ditanam dengan kukuh sekali.

Menerusi program-program TF, warisan kebudayaan India telah dapat dipelihara dan dikembangkan dengan baik sekali. Misalnya tarian klasik dan permainan alat-alat musik klasik, nyanyian lagu Tamil dan klasik, permainan seperti sadu-gudu, lukisan *kolam*, dan banyak lagi aktiviti budaya yang masih diteruskan sehingga ke hari ini. Kejayaan *Tamilar Thirunal* bukan sekadar memelihara dan memperkukuhkan warisan budaya India tetapi turut menyumbang kepada usaha penganjuran *Persidangan Tamil Antarabangsa* atau *Ulaga Tamilaraichi Maanadu* yang diadakan pertama kalinya pada 1966 di Universiti Malaya. Pada hari ini ianya dianggap sebagai satu persidangan antarabangsa bagi masyarakat India dalam membincangkan pelbagai aspek dengan bermatlamatkan kemajuan bahasa dan kebudayaan Tamil

(*Buku Cenderamata Persidangan G. Sarangapany* 2000). Usaha-usaha reformasi atau pembaharuan yang diperkenalkan oleh TF sebenarnya telah menginspirasi dan membawa kepada penginstitutionian satu persidangan antarabangsa bagi masyarakat India yang amat besar peranannya dalam memperkembangkan dan meningkatkan sastera, bahasa dan sejarah India di peringkat antarabangsa.

*Tamilar Thirunaal* telah diraikan selama 55 tahun dan setelah mengalami pelbagai rintangan, dugaan dan cabaran, perayaan ini masih kekal sebagai satu perayaan perpaduan dan kebudayaan terbesar di negara ini. Melihatkan kejayaan perayaan ini, Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B. Tan Sri Koh Tsu Koon telah mengiktiraf *Tamilar Thirunaa!* pada tahun 2004 sebagai salah satu program kebudayaan utama negeri Pulau Pinang. Bagi pelopor dan pejuang perayaan *Tamilar Thirunaal*, ini adalah satu kejayaan gilang-gemilang dalam mengangkat kedudukan perayaan ini dari status lokal ke tahap nasional. Kini Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* sedang berusaha untuk memohon sehari cuti khas untuk perayaan unik ini dari Kerajaan.

Apabila disoal tentang masa depan perayaan *Tamilar Thirunaal*, beberapa peminat perayaan ini menyatakan pandangan yang sama iaitu perayaan ini akan terus menerus berkembang maju dan mengekalkan perpaduan masyarakat India. Pada masa yang sama, mereka berpendapat bahawa tanpa perayaan TF, adalah mustahil bagi masyarakat India mengembangkan aspek bahasa, budaya dan seni India (Temubual dengan Puan Vijaya Gopalakrishnan dan Puan Mala Ponnusamy pada 3 Jun 2005). Ringkasnya, perjuangan *Tamilar Thirunaal* selama 52 tahun telah berjaya

menegakkan kedaulatan bahasa Tamil dan memajukan kebudayaan India serta memperkukuhkan perpaduan masyarakat India.

**Bibliografi****Sumber Pertama**

*Indian Daily Mail* 1946 - 1956

*Tamil Murasu* 1952

1953

1954

1955

1956

1957

1958

1959

1960

1961

1962

1963

1964

1965

1966

*Tamil Nesan* 1952

1953

1954

1955

1956

	1957
	1958
	1959
	1960
<i>Makkal Osai</i>	2000 -2005
<i>Malaysian Nanban</i>	2000-2005

### Sumber Kedua

Anbalakan Kailasam, 2001, "Pembentukan Identiti Etnik di Kalangan Masyarakat India di Malaysia", *Tesis Ph.D.*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, (Tesis bakal diterbitkan oleh USM)

Anbalakan Kailasam, 2002, "Penang Indian Middle Class and the Quest for Ethnic Identity", *Penang Story International Conference*, 18-21 April 2002, Penang.

Arasaratnam, S., 1970, *Indians in Malaysia and Singapore*, Oxford University Press, London.

Drabble, 1973, *Rubber in Malaya 1876-1922: The Genesis of The Industry*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1973.

Elias, M., 1997, *Tamilavel Sarangapany*, Arivuchudar Pattipagam, Chennai.

INSAN, 1989, *Sucked Oranges: The Indian Poor In Malaysia*, Institute of Social Analysis, Selangor.

Laing, R., 1986, *Health and Health Service for Plantation Workers*, EPC Publication, London.

Nadarajah, K., 1981, "The Thondar Padai Movement:1945-1947", *Malaysia Dari Segi Sejarah*,

Nair, M.N., 1938, *Indians In Malaya*, \_\_\_\_\_.

Neelakandha Aiyer, 1938, *Indian Problems In Malaya*,

Netto, G., 1961, *Indians In Malaya: Historical Facts and Figures*, George Netto, Singapore.

Parmer, N.J., 1960, *Colonial labor policy and administration: a history of labor in the rubber plantation industry in Malaya, 1910-1941*, J.J. Augustin for the Association for Asian Studies, New York

Rajantharan, M., et al, 1994, *Perayaan Orang India*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur.

Ramasamy, P., 1990, *The State, Unions and Plantation Labour in Malaysia*, University of Malaya, Kuala Lumpur.

Sandhu, K.S., 1969, *Indians In Malaya: Some Aspects of Their Immigration and Settlements*, Cambridge University Press, London.

Selvakumaran, R., 1994, *Indian Plantation Labour in Malaysia*, S. Abdul Majeed and Co, Kuala Lumpur.

Stenson, M.J., 1970, *Industrial Conflict in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.

Stenson, M.J., 1980, *Class, Race and Colonialism in West Malaysia: The Indian Case*, University of Queensland Press, Brisbane.

Subramaniam, S., 1974, *Politics of the Indians in Malaya 1945-1955*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.

Sugunan, M., 1989, "Housing, Sanitation and Water Supply in Estates", *UPAM National Health Seminar on "Estate Medicine – An Update*, 11-12 November, Petaling Jaya, Selangor.

## **Buku Cenderamata**

*Buku Cenderamata Konvensyen Jubli Perak KBBT 1992*

*Buku Cenderamata Konvensyen Kebangsaan KBBT Ke-7 1970*

*Buku Cenderamata Persidangan G. Sarangapany 2000*

*Buku Cenderamata/Risalah Tamilar Thirunaal Ipoh 2000-2005*

*Buku Cenderamata/Risalah Tamilar Thirunaal Melaka 2000-2005*

*Buku Cenderamata/Risalah Tamilar Thirunaal Taiping 2000-2005*

*Buku Cenderamata/Risalah Tamilar Thirunaal Kuala Lumpur 2001-2005*

*Buku Cenderamata/Risalah Tamilar Thirunaal Pulau Pinang 2000-2005*

Koleksi Surat Peribadi S. Thanggiah

*Minit Mesyuarat Tamilar Thirunaal Melaka 1958-1960*

*Risalah Tamilar Thirunal 13 Januari 1952*

## **Sumber Tertiari**

*Video: "Dokumentari They Made A Difference: Tokoh G. Sarangapany", Singapore Broadcasting Corporation, Singapore, 1994.*

## **Sumber Temubual**

Nama: Cik Rajam Sarangapany, anak ke-3 G. Sarangapany

Tempat: Rumah kediamannya di Singapura

Alamat: Tidak mengizinkan alamatnya dicatat

Tarikh: 6 Mei 2000 dan temubual melalui telefon 28 Ogos 2001

Nama : En. Murugu Srineevasan  
Hubungan: Sahabat karib G. Sarangapany dan dianggap sebagai anak kesayangannya, tokoh *Tamilar Thirunaal*  
Tempat : Rumah Kediaman  
Alamat: Blk 17, Outram Park, #15-07, 160017, Singapura  
Tarikh: 7 Ogos 1999, 18 April 2000, 5 Mei 2000

Nama : En. T.K. Narayanasamy  
Hubungan: Pengarah Kolej Ranger di Melaka  
Tempat: Di Kolej  
Alamat: Kolej Ranger, No.2, Jalan Kota Laksamana, Taman Kota Laksamana Melaka 75200  
Tarikh: 20 dan 23 April 2004

Nama: S. Thanggiah  
Hubungan: Wartawan Tamil Murasu di Petaling Jaya  
Tempat : Rumah Kediaman  
Alamat: 5/36, Lorong Udang Ketak 2, Taman Sri Segambut, 53200, Kuala Lumpur.  
Tarikh: 16 Mei 2003

Nama: En. M. Thanggasamy  
Hubungan: Rakan seperjuangan Sarangapany dan pelopor TF  
Tempat: Rumah Kediaman  
Alamat: 122-A, Jalan Parameswara, Melaka  
Tarikh: 15 Mac 2003 dan 21 April 2004

Nama: En. Ma. Se. Mayadevan  
Hubungan: Rakan seperjuangan G. Sarangapany dan pelopor TF  
Tempat: Pejabat Persatuan Tamilar Taiping  
Alamat: Persatuan Tamilar Taiping, No. 60, Taman Marisa, Taiping, Perak.  
Tarikh: 22 Mei 2004

Nama: Y.Bhg. Dato' K. Kumaran  
Hubungan: Rakan seperjuangan G. Sarangapany  
Tempat: Pejabat MIC, Jalan Ipoh  
Alamat: Jalan Saint Thomas, Batu 3 , Jalan Ipoh, Kuala Lumpur  
Tarikh: 1 November 2004

Nama: En. Na. Varatharasan  
Hubungan: Tokoh *Tamilar Thirunaal*  
Tempat: Pejabat Persatuan Tamilar Taiping  
Alamat: 266, Lorong 6, Taman Pertama, Aulong, Taiping, Perak  
Tarikh: 22 Mei 2004

Nama: En. Re. Su. Muttaiyah  
Hubungan: Presiden, Persatuan Dravida Malaysia  
Tempat: Rumah Kediaman  
Alamat: 32, Lorong 2, Taman Shah Jaya, Cheras, Kajang, Selangor  
Tarikh: 2 November 2004

Nama: En. M. Dhurairaj  
Hubungan: Wartawan Veteran Majalah *Idhayam*  
Tempat: Pejabat Majalah Idhayam  
Alamat: 9A, Pejabat Majalah Idhayam, Batu Kompleks Off Jalan Ipoh, Kuala Lumpur  
Tarikh: 1 November 2004

Nama: En. Ku. Devindren  
Hubungan: Wartawan *Makkal Osai* dan *AJK Tamilar Thirunaal* Kuala Lumpur 2001-2004  
Tempat: Pejabat Makkal Osai  
Alamat: 11, Pejabat Makkal Osai, Batu Kompleks Off Jalan Ipoh, Kuala Lumpur  
Tarikh: 1 November 2004

Nama: Pn. Zarina Abdullah  
Hubungan: *AJK Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang sejak 2000  
Tempat: Rumah Kediaman  
Alamat: 77, Taman Gottlieb, 10350, Pulau Pinang.  
Tarikh: 6 Mei 2004

Nama: Pn. Mala Ponnusamy

Hubungan: Peserta TF

Tempat: Rumah Kediaman

Alamat: AG3, Taman Muhibbah, Sungai Chua, Kajang, Selangor.

Tarikh: 3 Jun 2005

Nama: Pn. Vijaya Gopalakrishnan

Hubungan: Peserta TF

Tempat: Rumah Kediaman

Alamat: AG3, Taman Muhibbah, Sungai Chua, Kajang, Selangor

Tarikh: 3 Jun 2005


Lampiran 1

Gambarfoto G. Sarangapany – Pengasas Perayaan *Tamilar Thirunaal*



**தமிழுவேள் கோ. சாரங்கபாணி**

*Tokoh-Tokoh Veteran TAMILAR Thirunaal*



Sumber: Persidangan G. Sarangapany

Dari Kiri Depan : M. Dhurairaj, Ma. Se. Mayadevan, M. Ramaiah  
Dan isterinya.



## Lampiran 3

Gambarfoto Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon Merasmikan  
Perayaan *Tamilar Thirunaal* dan Mengiktiraf *Tamilar Thirunaal*  
Sebagai Salah Satu Program Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2004



Gambarfoto Penganugerahan Gelaran "*Makkal Thondar*"  
(Pemimpin Masyarakat) oleh Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal*  
Pulau Pinang Tahun 2004 kepada Y.A.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon




## Lampiran 4

Gambarfoto Pemenang Manimoli (Pelajar USM) Dalam Pertandingan Penulisan  
Karangan *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang pada tahun 2004



Gambarfoto Pameran Kebudayaan Dan Peralatan Antik Yang Diadakan  
oleh Jawatankuasa *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang Tahun 2005



## Lampiran 5

Gambarfoto Pemenang Pertama Dalam Pertandingan En. Chandran



Lampiran 6

Gambarfoto Peragaan Pakaian Tradisional India oleh Kanak-Kanak Berumur 5 tahun hingga 12 Tahun dalam *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang pada tahun 2003 dan 2005



Lampiran 7

Gambarfoto Pertandingan Melukis Kolam dalam *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang pada tahun 2006



## Lampiran 8

Gambarfoto Pertandingan Permainan Congkak dalam *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang pada tahun 2006



Gambarfoto Pertandingan Memakai Inai dalam *Tamilar Thirunaal* Pulau Pinang pada tahun 2006



## Lampiran 9

Gambarfoto Pertandingan Cross Sticthing dalam bahasa Tamil. Satu program baru yang diperkenalkan dalam perayaan Tamilar Thirunaal Pulau Pinang 2006



## Lampiran 10

Gambarfoto Persembahan Tarian Klasik dalam perayaan *Tamilar Thirunaal*  
Pulau Pinang 2006

